# LARUT
# DAERAH
# TERKAYA

# LARUT DAERAH TERKAYA

Mohd Zamberi A. Malek

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2001

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2001
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 8302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MALINDO PRINTERS SDN BHD
Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17,
46000 Shah Alam, Selangor D.E.
MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia　　Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Zamberi A. Malek
Larut daerah terkaya / Mohd. Zamberi A. Malek.
Bibliografi: ms.
1. Larut (Perak)--History. 2. Larut (Perak)--Politics and government--History　I. Judul.
959.511422

ISBN 967-942-545-2 (pbk.)
ISBN 967-942-546-0

M
959.511422
MZA

M
1056603

26 MAR 2002
Perpustakaan Negara
Malaysia

# Kandungan

*Senarai Rajah, Peta, Graf dan Gambar ... 7*
*Prakata ... 9*

BAB 1 SEJARAH AWAL LARUT ... *11*
Penemuan Tamadun Awal Manusia ... *11*
Tapak Kuala Selinsing ... *12*
Penduduk Awal Larut ... *19*

BAB 2 PEMBUKAAN DAERAH LARUT ... *25*
Perlombongan Tradisional ... *25*
Long Jaafar ... *28*
Ngah Ibrahim ... *34*
Masalah Pentadbiran Kerian ... *38*

BAB 3 LARUT DALAM KEKACAUAN ... *45*
Perang Larut I, 1861-62 ... *45*
Perang Larut II, 1865 ... *49*
Perang Larut III, 1872-74 ... *56*
Taiping ... *63*

BAB 4 PEMERINTAHAN BRITISH PERTAMA ... *71*
Hilangnya Pertuanan Melayu ... *71*
Pentadbiran British di Larut ... *78*
Larut Daerah Terkaya ... *85*
Pembangunan Awal di Larut ... *92*

BAB 5 PERUBAHAN SOSIO POLITIK ... *105*
Sebagai Ibu Negeri Perak ... *105*
Pusat Kegiatan Intelektual ... *114*
Kemunculan Masyarakat Majmuk ... *129*
Perkembangan Politik Melayu ... *135*

BAB 6 DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA ... *146*
LMS Menghadapi Wawasan ... *146*
Taiping Bandar Bersejarah ... *148*
Laurt Dalam Sejarah Malaysia ... *152*

*Rujukan ... 161*

# Rajah, Peta, Graf dan Gambar


| | |
|---|---|
| Rajah 1 | Pentadbiran Ngah Ibrahim di Larut. |
| Rajah 2 | Sekatan dan kubu di Sungai Larut. |
| Rajah 3 | Kubu pihak Ghee Hin (*Si Kwan*) di Sungai Larut. |
| Rajah 4 | Kubu Kapten Speedy di Simpang. |
| Rajah 5 | Residen dan penolong Residen di Perak. |
| Rajah 6 | Jumlah eksport Larut ke Pulau Pinang, 1861-63. |
| Rajah 7 | Pembinaan landasan Larut. |
| Rajah 8 | Tambang kereta api Taiping-Port Weld. |
| Rajah 9 | Pegawai-pegawai British di Taiping 1883. |
| Rajah 10 | Jumlah penduduk Taiping, 1888 dan 1921. |
| Rajah 11 | Penerbitan akhbar dan majalah di Taiping. |
| Rajah 12 | 30 perkara pertama di Taiping. |
| Peta 1 | Lokasi Pulau Kelumpang. |
| Peta 2 | Larut tahun 1870-an. |
| Peta 3 | Kawasan bijih timah terkaya di Tanah Melayu. |
| Peta 4 | Larut dan kawasan pantai Negeri Perak, 1870-an. |
| Graf 1 | Pengeluaran bijih timah Larut, 1876-99. |
| Graf 2 | Kemerosotan bijih timah Larut, 1884-1902. |
| Gambar 1 | Chung Keng Koi atau Ah Quee, 1829-1901. |
| Gambar 2 | Kapten T.C.S. Speedy, Penolong Residen Larut. |
| Gambar 3 | William E. Maxwell. |
| Gambar 4 | Kolonel R.S.F. Walker, Ketua Polis Perak. |
| Gambar 5 | Sir Hugh Low. |
| Gambar 6 | Rumah pelombong Cina di Kelian Pauh. |
| Gambar 7 | Penempatan penduduk Cina Kelian Pauh. |
| Gambar 8 | Pembinaan awal bandar Taiping oleh British. |
| Gambar 9 | Bandar Taiping merupakan bandar pertama termoden di negeri-negeri Melayu Semenanjung pada 1870-an. |
| Gambar 10 | Jalan besar bandar Taiping 1880-82. |
| Gambar 11 | Sebuah lorong di bandar Taiping pada 1894. |
| Gambar 12 | Kediaman Residen British di Taiping. |

Gambar 13 Pembinaan Pasar Besar Taiping awal 1885.
Gambar 14 Penubuhan *Perak Club* pada 1880.
Gambar 15 Balai Polis Kemunting pertama pada 1870-an.
Gambar 16 Pesalah dan penjenayah di Penjara Taiping.
Gambar 17 Stesen Kereta api Taiping 1885.
Gambar 18 Stesen Kereta api Simpang.
Gambar 19 Stesen Kereta api Port Weld.
Gambar 20 Pegawai, kakitangan, buruh Cina dan pekerja kereta api di Stesen Kereta api Taiping.
Gambar 21 Suatu pesta lumba kuda.
Gambar 22 Perbarisan tentera *Malay States Guides*.
Gambar 23 Lapangan Terbang Taiping dibina pada 1930.
Gambar 24 Runtuhan bangunan tembok Kota Bukit Gantang.
Gambar 25 Bangunan Masjid Kota.
Gambar 26 Bangunan Perpustakaan Awam Taiping.
Gambar 27 Hospital Taiping.
Gambar 28 Jabatan Pos dan Telegraf pertama di negara ini.
Gambar 29 Bangunan sekolah King Edward VII Taiping.
Gambar 30 Muzium Perak.
Gambar 31 Bangunan pentadbiran Pejabat-pejabat Kerajaan.
Gambar 32 Bangunan penjara Taiping.

# Prakata

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyiapkan buku ini. Walaupun sejarah awal daerah Larut sudah terdapat dalam buku-buku pengajian yang dicetak, tetapi penulisannya tidak dapat dipastikan. Bahkan nama Larut muncul pada masa tertentu, kemudian hilang dan tiada sumber khusus mengenainya. Justeru itu, semoga buku berjudul *LARUT DAERAH TERKAYA* ini dapat memenuhi kehendak peminat sejarah tanah air dan para pelajar yang memerlukan rujukan mengenainya.

Khoo Kay Kim, tokoh sejarawan negara adalah orang yang pertama menulis tentang Taiping dalam bukunya, *Taiping Ibukota Perak*, diterbitkan oleh Persatuan Muzium Malaysia tahun 1981. Menurut kata Pendahuluannya: Objektif paling dasar yang mendorong saya menulis sejarah Taiping ini adalah supaya penduduk Taiping sendiri, apabila berkesempatan membaca karya yang sederhana ini akan berusaha dan kemudian akan membawa kepada lahirnya satu sejarah mengenai Taiping yang lengkap. Setelah hampir 20 tahun buku tersebut terbit, maka saya sebagai yang terlibat dalam menghasilkan buku-buku berunsur sejarah dan anak kelahiran Taiping tampil menyahut seruan itu. Pertemuan saya dengan beliau semasa menerima anugerah "Karyawan Perak Sepanjang Zaman" bertempat di kediaman Menteri Besar Perak pada malam 17 Julai tahun 1998, serta menyatakan petikan daripada karya beliau dapat merangsangkan penulisan buku ini.

Hingga kini hasrat Khoo Kay Kim untuk melihat penerbitan sebuah buku yang mendokumentasi segala maklumat penting berhubung sejarah Taiping terus disuarakannya. Umpamanya dalam artikelnya *"Taiping's Early Start"* keluaran NST 15 Mei 2000: *"Today, the Larut and Matang districts has so much to offer as a tourist destination. But scanty knowledge of its history and poor organisation are two factors which have relegated Taiping to near obscurity. What is known about it is general, what is not known can fill volumes in a well-written history book."* Sejarah Larut khususnya Taiping yang terakam dalam buku ini semoga dapat menerangkan kepada para pembaca kepentingannya, di samping menambahkan khazanah ilmu kepada generasi hari ini.

Daerah Larut yang dimaksudkan dalam buku ini bukanlah Daerah Larut, Matang dan Selama seperti keadaan hari ini, tetapi Larut menurut perspektif sejarahnya adalah daerah yang luas merangkumi Daerah Kerian. Perkembangan sejarah Larut khususnya Taiping, sering digambarkan pembukaannya oleh suatu penempatan penduduk daripada kalangan orang Cina yang mengusahakan

lombong bijih timah. Walaupun penduduk peribumi atau masyarakat Melayu tempatan sebenarnya telah sekian lama mendiami daerah ini terutamanya di pinggir dan muara sungai juga persisiran pantai dengan mengusahakan perlombongan secara tradisi. Kemudian daerah Larut menjadi empayar lombong bijih timah yang terkaya di dunia, menyebabkan pelombong-pelombong Cina berperang kerana merebut kekayaan bahan galian tersebut. Keadaan ini mendesak pihak kerajaan di Negeri-Negeri Selat untuk membolot dan memonopolinya. Tumpuan utama bertempat di Kelian Pauh, namun nama itu semakin hilang di telan zaman, yang muncul selepas Perjanjian Pangkor 1874 ialah nama Taiping, nama asing yang membawa harapan baru bagi mengekalkan keluhuran dan kedamaian penduduk di bandar itu dan sekitarnya. Kemudian Taiping juga menjadi pusat penting sebagai memulakan suatu bentuk pentadbiran Kerajaan Kolonial British bertapak di negara ini.

Buku ini tidak akan lengkap tanpa kerjasama dan bantuan daripada berbagai-bagai pihak seperti Muzium Perak, Pejabat Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama, Perpustakaan Awam Taiping, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan Pejabat Daerah dan Tanah, Larut dan Matang, Taiping. Bantuan paling bermakna daripada isteri saya yang dikasihi, Noriah dan anak-anak Mohd Fadzili, Noor Yuhaniz, Mohamad Yazid dan Noor Aizah. Kasih sayang mereka telah mendorong dan menceriakan usaha-usaha penyelidikan dan penulisan buku ini. Bagaimanapun, segala penulisan ini tidak akan dapat dibukukan dan diterbitkan dengan sempurna tanpa bantuan daipada orang perseorangan serta usaha dan kesanggupan pihak Penerbit UKM dan kakitangan terlibat hingga berada dalam pasarannya.

MOHD ZAMBERI A. MALEK

BAB 1

# Sejarah Awal Larut

## Penemuan Tamadun Awal Manusia

Daerah Larut sebelum penjajahan British ke atas negeri Perak Darul Ridzuan adalah kawasan tanah lembah dan dataran yang luas. Menurut cacatan sejarah pada zaman kegemilangannya daerah tersebut meliputi "ke utara sampai ke Sungai Kerian dan menganjur ke selatan hingga Sungai beruas."(Abdullah Lubis 1988, 22-34). Namun hari ini Daerah Larut, Matang dan Selama, tidak termasuk Daerah Kerian telah ditadbir secara berasingan. Justeru kedudukan Daerah Larut terletak pada suatu kawasan yang jauh terpisah di sepanjang persisir Sungai Perak yang menjadi nadi utama negeri Perak, maka jalinan sejarahnya telah berkembang secara tersendiri. Sungguhpun Daerah Kerian telah dipisahkan, tetapi Daerah Larut, Matang dan Selama tetap kekal sebagai salah satu daerah terpenting dalam susunan pentadbiran Kerajaan Negeri Perak. Perkataan Larut yang masih digunakan hingga kini ialah pada Bukit Larut (dulunya Bukit Maxwell), sebuah kampung tradisi di pinggir bandar Changkat Larut. Kampung itu adalah bekas tapak lombong disebut Larut Tin dan Sungai Larut yang unggul dengan pelbagai sejarahnya. Jelas sekali, daerah ini pada zaman kemuncak kegemilangannya pernah menjadi rebutan para pembesar negeri, pedagang asing, pelombong Cina malah kuasa penjajah kerana buminya yang kaya dengan bijih timah.

Seperti daerah-daerah lain di negeri Perak, daerah Larut juga turut menyumbangkan warisan sejarah dan budaya bermula dari zaman prasejarah. Negeri Perak sendiri menempuh berbagai-bagai tahap zaman purbakala seperti Zaman Batu Lama (Paleolitik), Zaman Batu Pertengahan (Mesolitik) dan Zaman Batu Baru (Neolitik). Penemuan tapak Zaman Batu Lama (Paleolitik) di Kota Tampan, Daerah Hulu Perak, dianggap sebagai penemuan tapak terunggul warisan budaya tertua di Asia Tenggara. Daripada hasil kerja galicari di kawasan itu, ditemui artifak peralatan yang diperbuat daripada batu seperti alat pemecah batu, pisau dan lain-lain. Juga ditemui fosil manusia purba

(Perak Man) seperti tulang dan gigi sebagai sumber yang dapat mengukuhkan lagi dakwaaan tersebut (Zuraina Majid 1990).

Manakala pada Zaman Neolitik pula, di antara warisan sejarah purba yang ditemui ialah lukisan-lukisan yang terdapat di Gua Tambun berdekatan Ipoh. Lukisan yang melambangkan gambar-gambar binatang ini adalah lukisan zaman prasejarah yang berkaitan dengan amalan budaya masyarakat pada zaman itu (Adi Haji Taha 1990). Lukisan-lukisan tersebut menggambarkan perkembangan unsur-unsur kesenian yang dialami dan mempengaruhi kehidupan masyarakat pada waktu itu. Kemudian, mereka memasuki pula era Zaman Neolitik atau Zaman Logam, apabila penggunaan bahan logam seperti besi dan logam lain mula digunakan. Ini terbukti dengan penemuan bahan-bahan tembikar dan tulang mawas pada kubur purba yang disusun menggunakan kepingan batu-batu yang dijumpai di Kampung Changkat Menteri.

Selepas Zaman prasejarah, negeri Perak termasuk Daerah Larut menempuh zaman perubahan apabila budaya hidup penduduk dipengaruhi agama Hindu-Buddha. Kesannya, banyak ditemui bahan warisan sejarah dan budaya mewakili peninggalan masyarakat zaman itu. Di antaranya, penemuan patung penyembahan agama Hindu-Buddha dikenali sebagai *Bodhisattva Avalokitesvara* yang diperbuat daripada gangsa setinggi 93.5 cm. Patung ini ditemui di tempat-tempat seperti Bidor, Sungai Siput, Tanjung Rambutan dan Pengkalan Pegoh, Ipoh. Patung yang menjadi unsur kepercayaan agama Hindu-Buddha ini dipercayai adalah hasil ciptaan pada zaman Gupta di India pada abad ke-5-6 Masihi.

*Sejarah Melayu* turut memperteguhkan kewujudan sebuah kerajaan Melayu Hindu-Buddha di negeri Perak yang disebut sebagai Gangga Negara. Bagaimanapun, kekuatan kerajaan tersebut telah dimusnahkan oleh serangan angkatan Raja Rajendra Cola I, dari Koromandel, selatan India pada 1025-26 Masihi. Angkatan itu sebenarnya, dalam perjalanan untuk menyerang Palembang, ibu kota Empayar Seri Wijaya.

## Tapak Kuasa Selinsing

Berbagai-bagai nama dan sebutan dirujuk kepada penemuan tapak zaman prasejarah di beberapa buah pulau kecil di daerah Larut ini. Nama-nama seperti Pulau Kelumpang, Pulau Buluh, Tanjung Rawa, Kuala Selinsing, Kota Kulit Kerang dan sebagainya sering dikaitkan

dengan penemuan itu. Ini menunjukkan bahawa penempatan awal penduduk yang mengamalkan budaya hidup agama Hindu telah bermulanya di negara ini. Beberapa penyelidikan ekskavasi telah dilakukan terhadap tapak ini, namun para sarjana masih terus menghadapi berbagai-bagai keraguan mengenai kajian mereka.

Walau bagaimanapun kedudukan kawasan Larut yang terdedah kepada laluan Selat Melaka adalah menjadi perjalanan antara Timur-Barat, khususnya kepada penduduk benua kecil India dengan negara Cina. Pengaruh agama dan kepercayaan Hindu-Buddha turut menguasai masyarakat peribumi rantau Nusantara ini termasuk tanah Semenanjung. Kemunculan kerajaan negara-negara kota Melayu purba di sekitar utara Semenanjung telah meningkatkan pengaruh tersebut menerusi pembinaan candi dan monumen berunsur keagamaan (Wheatly 1961). Semenanjung yang disebut *Suvarnabumi* atau *Suvarnadhipa* menjadi persinggahan kepada para pedagang dari India sebelum meneruskan hubungan dagang ke Timur Jauh.

Orang yang pertama menemui tapak Kuala Selinsing ini adalah B.W.F. Barnard, Timbalan Penguasa Pemulihan Hutan Perak Utara pada 1924. Maka setelah penemuan itulah seorang penyelidik kajipurba atau arkeologis dari Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S. Museums) kemudiannya Muzium Perak di Taiping, telah memulakan kerja-kerja carigali dan penyelidikan. Ivor H.N. Evans dianggap orang yang bertanggungjawab terhadap penemuan tapak Kuala Selinsing dan menyebarkannya kepada pengetahuan umum. Beliau dalam laporan pertamanya menceritakan hasil kajian awalnya terhadap tapak bersejarah tersebut kepada masyarakat ketika itu (Evans 1929, XII; 121-131).

Arkeologis Evans juga berhasil menemui artifak-artifak penting sejak kajian pertamanya pada 1927. Siri laporan kajiannya menceritakan tentang penemuan seperti perahu, tulang manusia, serpihan tembikar, bermacam jenis manik yang diperbuat daripada batu, batu akid, gelas, dan alat-alat tembikar yang mempunyai ukiran hiasannya. Paling menarik ialah penemuan sebentuk cincin emas diukir dengan dewa Visnu di atas garuda dan gambar cop mohor yang terdapat skrip tulisan Pallava (Evans 1928; XII; 139-142). Laporan kajian Evans pada 1932 dianggap penting kerana kajiannya lebih sistematik walaupun pada tahap awal kaedah penyelidikan arkeologi yang diusahakan di negara ini masih mundur (Evans 1928, XV, 79-134).

Penemuan Evans ini telah menarik minat para pengkaji sejarah purba lain memberikan tumpuan mereka terhadap tapak Kuala Selinsing.

Berikut pada 1936. H.G. Quaritch Wales telah meninjau dan membuat kajian ditapak berkenaan dan melaporkan penemuannya terhadap tiga buah pulau loggokan daripada kulit kerang (Wales 1940, 18; 1-85). Di samping membuat kajian semula dan menyingkap dakwaan serta pembuktian yang dibuat oleh penyelidikan Ivor H.N. Evans, Wales meneruskan usaha galicarinya dan hasilnya menunjukkan wujudnya beberapa penemuan objek yang tertimbus. Tanggapan Wales pula agak berbeza dengan Evans kerana beliau beranggapan tapak tersebut sebagai penempatan yang menjadi kediaman masyarakat peribumi yang mahir dan menerima pengaruh India, tetapi tidak menguasai kebudayaan Hindu-Buddha. Tambah beliau, inskripsi yang diukir pada cop mohor Pallava itu, ejaan perkataan 'Sri' adalah satu kesilapan. Arca Visnu yang terdapat pada Garuda pula tidak melambangkan dewa-dewa pemujaan agama Hindu. Daripada bukti cop mohor Pallava dan cincin emas menjelaskan bahawa pengukir artifak tersebut tidaklah benar-benar berkebolehan dalam kebudayaan agama Hindu dari India. Seterusnya, beliau menerangkan kemungkinan kawasan tapak di Kuala Selinsing ini dalam kuasa politik empayar yang berpusat di Lembah Bujang, di Kedah di mana rajanya Raja Visnuvarman pernah meninggalkan cop mohor Pallava. Namun sarjana India, Nilakanta Sastri tidak menyetujui pendapat ini. Katanya mohor tersebut hanya membuktikan tentang seorang saudagar bernama Visnuvarman.

Pada 1955, seorang lagi pakar sejarah purba G. de G. Sieveking, telah membuat kerja penyelidikan dan galicari di tempat yang sama. Ini telah merangsangkan serombongan pakar penyelidik dan arkeologis dari Jabatan Muzium Kuala Lumpur dan disertai oleh C.A. Gibson-Hill dari Muzium Raffles. Singapura membuat penyelidikan dan carigali pada tahun 1956 berikutnya. Ini diikuti oleh lawatan dan tinjauan ahli-ahli arkeologi terkenal seperti B.A.V. Peacock, Lord Medway, Alastair Lamb dan isterinya Venice Lamb pada tahun 1963. Bagaimanapun, Paul Wheatley tidak dapat mengenal pasti akan penempatan di Kuala Selinsing ini namun mencatatkan tempohnya mungkin bertarikh dari abad ke-8 hingga 12 Masihi (Wheatley 1964, 77-78). Beliau juga tertarik dengan bahasa Sanskrit tertulis nama Visnuvarman seperti yang ditemui pada inskripsi Pallava itu.

Sungguhpun demikian, ada pendapat yang menganggap tapak Kuala Selinsing tidak menerima pengaruh luar, khususnya dari India. Penduduk tempatan ketika itu mengusahakan berbagai-bagai jenis bahan kegunaan yang dihiasi dengan bentuk-bentuk seninya yang

indah di samping mengimport bahan seperti batu permata. Laporan lengkap Ivor H.N. Evans terus digunakan sebagai panduan sejarawan tanah air sebagai catatan bukti yang kukuh. Evans berhasil menemukan sebahagian besar khazanah sejarah yang tertanam sekian lama di Kuala Selinsing ini. Antaranya ialah berbagai-bagai jenis manik-manik kecil, batu permata, gelas, gelang tangan yang diperbuat daripada kaca berwarna biru kehijauan, cop atau tera tanah bercorak kain kulit, tembikar, perhiasan emas, gigi binatang, alat pemegang pisau yang diperbuat daripada tulang, tulang manusia serta tinggalan perahu dan damar.

Manik-manik permata yang dijumpai boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti permata berwarna merah, merah keperangan, putih, batu akid, batu kerubung permata berwarna biru dan ungu, kristal kaca dan manik-manik hitam daripada berbagai-bagai warna seperti kuning, biru dan hijau. Pada pandangan Evans, manik-manik tersebut telah dihasilkan di Kuala Selinsing kerana mutunya tidaklah berapa sempurna. Namun pandangan beliau itu tidak disetujui oleh Alastair Lamb. Menurut Alastair Lamb manik-manik ini bukan buatan tempatan, tetapi ianya mempunyai ciri-ciri buatan Timur Tengah. Sebagai bukti, gelas-gelas yang ditemui itu mengandungi sedikit plumbum dan bentuknya berbeza dari segi kandungan dibandingkan dengan gelas dari negara China. Evans berpendapat bahawa manik-manik yang diperbuat daripada gelas, batu akid dan tanah liat yang diusahakan pembuatannya di Kuala Selinsing ini telah dieksport ke luar misalnya ke Lembah Bujang, Kedah. Menurut beliau lagi, terdapat juga manik-manik yang diimport dari India. Pendapat beliau ini disokong oleh Wales yang menyatakan manik dan bahan-bahan artifak sejarah yang dijumpai di tapak-tapak purba negara ini kebanyakannya berasal dari Selatan India dan dibawa ke mari pada abad ke-7 Masihi. Alastair Lamb berpendapat ada di antara manik-manik tersebut diimport dari India, Jawa mahupun dari negara Barat. Manakala Paul Wheatley yakin manik-manik yang banyak dijumpai di Kuala Selinsing ini berasal daripada beberapa buah negara seperti Filipina, Borneo, Zanzibar dan Rhodesia (sekarang Zimbabwe).

Semakin ramai arkeologis membuat kajian, semakin banyak pula pendapat yang berbeza di kalangan mereka. Evans begitu yakin bahawa masyarakat tempatan ketika itu mendirikan rumah-rumah mereka di atas air dan belum lagi menerima agama Islam. Berdasarkan penemuan tengkorak, kemungkinan perkampungan mereka pernah

diserang musuh kerana pada tengkoraknya terdapat kesan-kesan luka akibat senjata tajam. Penemuan cop mohor Pallava dan cincin emas dengan simbol ukiran Visnu di atas Garuda membuktikan masyarakat penduduknya menerima kebudayaan Hindu. Tetapi cara mereka menanam mayat-mayat di dalam perahu lebih mendekatkan kepada kepercayaan animisme daripada pengaruh India. Penemuan manik jenis tanah liat berwarna merah dan warna kelam bersama mayat-mayat, mempunyai persamaan tradisi masyarakat Zaman Logam seperti yang ditemui di tapak arkeologi di Sungai Lang, Selangor. Bagaimanapun sarjana kaji purba Otley Beyer mendakwa penempatan di Kuala Selinsing ini berusia sekitar dari abad ke-6 hingga 10 Masihi.

Arkeologis Barat banyak membuat kajian terhadap tapak Kuala Selinsing dan merumuskan beberapa teori dan hipotesis menurut tanggapan masing-masing (Harrower 1933, 190-210). Mereka mempunyai pendekatan yang amat berbeza dengan pandangan para pengkaji serta arkeologis tempatan yang kini mula mengambil alih kerja-kerja ekskavasi di tapak penemuan berkenaan. Kemunculan barisan para pengkaji sejarah purba tempatan semakin memberikan keyakinan terhadap penemuan yang lebih bersifat menyintai sejarah silam tanah air sendiri. Jabatan Muzium dan Antikuiti, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Jabatan Sejarah UKM, Persatuan Sejarah Malaysia dan lain-lain telah berusaha gigih ke arah menyedarkan masyarakat terhadap kepentingan sejarah purba zaman prasejarah negara ini.

Sehubungan dengan tapak Kuala Selinsing, penyelidikan projek carigali telah dilaksanakan oleh sarjana dan arkeologis terkenal tanah air mulai 27 Januari hingga 20 Februari 1988. Ketika projek penyelidikan dijalankan, kebanyakan bahan-bahan yang dilaporkan oleh Evans dan penyelidik lain turut ditemui lagi. Ini termasuk sisa makanan daripada berbagai-bagai jenis seperti ikan dan binatang, berbagai-bagai jenis dan bentuk manik-manik kecil di samping bahan-bahan mentah yang digunakan untuk membuat manik seperti gelas dan kaca. Juga turut dijumpai kulit penyu, berbagai-bagai jenis batu yang diimport, tulang-tulang manusia, tinggalan perahu dan kesan-kesan lain yang dibuat daripada logam.

Kajian yang diusahakan oleh sarjana tempatan ini lebih mendekati aspek dan perspektif sejarah sendiri daripada yang dilakukan oleh para pengkaji dari Barat (Nik Hassan 1988, 36-49). Pada tahun berikutnya iaitu pada 1 hingga 21 Mac 1989, beberapa orang sarjana tempatan telah melakukan kerja-kerja galicari atau ekskavasi di Kuala Selinsing.

Sungguhpun mereka masih menemui bahan dan kesan-kesan sejarah yang hampir sama, namun pengkajian mereka berjaya membuat beberapa tanggapan baru mengenai tapak purba ini. Menurut mereka, tapak ini telah didiami oleh masyarakat zaman lampau sejak 2000 tahun lalu dan ditinggalkan sekitar abad ke-11 Masihi. Tapak ini dikenal pasti menjangkau tujuh atau lapan jangka masa penempatan dan penduduknya membuat hubungan aktiviti keagamaan dengan penduduk di Lembah Bujang, Kedah antara abad ke-6-7 hingga ke-10 Masihi.

Antara artifak-artifak yang dijumpai ialah:

1. Tinggalan cengkerang, Merupakan artifak yang ditemui pada setiap lapisan longgokan, sehingga ada sarjana yang memanggil 'Pulau Kulit Kerang' (Davison 1990 3;23-38). Kerang yang dijumpai tergolong kepada 25 spesis kerang. Kerang jenis *Anadara granosa* adalah makanan utama penduduk ketika itu dan paling banyak ditemui.
2. Artifak atau bahan sejarah kedua dan paling banyak dijumpai ialah manik-manik kecil. Analisa yang dibuat ke atas 13 biji manik menunjukkan bahawa kebanyakan manik itu di buat daripada batu-batu bukannya kaca (Tan Teong Hing 1990, 15-24). Namun demikian terdapat batu-batu bernilai yang diimport dan diusahakan pembuatannya bersama dengan manik-manik yang di buat daripada tulang ikan dan cangkerang.
3. Serpihan tembikar juga banyak ditemui. Dua buah tembikar yang tidak pecah dan terjejas turut dijumpai bersama mayat. Ada serpihan yang tidak sama dengan tembikar yang diperolehi oleh Evans semasa penyelidikannya. Kebanyakan tembikar itu tidak mempunyai sebarang ukiran. Berdasarkan kerja pembuatannya, dipercayai tembikar ini digunakan hanya untuk menyimpan air.
4. Beberapa jenis bentuk daripada berbagai-bagai ukuran batu juga dijumpai dalam keadaan ciri-ciri batu yang mendak.
5. Artifak-artifak yang diperbuat daripada logam dan gangsa besi seperti subang yang terletak di sisi kepala mayat turut ditemui.
6. Sebanyak lima buah kubur dijumpai dan dibahagikan kepada tiga lapisan, iaitu kubur terbaru dalamnya antara 40-50 sm, pertengahan dalamnya 80sm dan kubur lama yang dalamnya lebih kurang 160sm. Kesemua mayat ditanam terlentang dan mukanya mengadap ke atas, manakala kaki dan tangannya berkedudukan lurus ke bawah. Mayat-mayat ini dikebumikan bersama barang-barang

tembikar, manik-manik, subang timah dan permata serta bahan yang diperbuat daripada cengkerang. Berdasarkan tulang-tulang dan tengkorak, mayat-mayat tersebut adalah mayat orang Melayu penduduk tempatan.

Daripada kajian ini menjelaskan kebudayaan yang dianuti oleh masyarakat pada zaman prasejarah berakhir. Para sarjana arkeologis tempatan menafikan bahawa penduduk Kuala Selinsing adalah masyarakat beragama Hindu kerana daripada bukti-bukti yang ditemui, terutamanya cara mereka menanam mayat masih mengamalkan budaya dan kepercayaan animisme. Sekurang-kurangnya amalan mereka yang masih di zaman pra-Hindu, walaupun terbukti membuat hubungan dengan penduduk Lembah Bujang. Walaupun para sarjana Barat belum dapat memastikan tarikh atau tempoh zaman Kuala Selinsing wujud sebagai petempatan, tetapi para pengkaji tempatan memberikan tarikh mutlak penempatan itu antara 2000 Sebelum Masihi hingga abad ke-11 Masihi.

Berdasarkan tinggalan makanan beberapa jenis ikan laut dan cengkerang air masin, tentunya pekerjaan utama penduduk di sini ialah sebagai nelayan. Namun begitu hubungan mereka dengan masyarakat tanah besar Semenanjung tetap wujud, ini dapat dilihat dengan penggunaan batu-batu bernilai yang diperoleh dari daratan (Nik Hassan 1993, 17-20). Untuk membuktikan hubung kait penemuan tapak Kuala Selinsing dengan keadaan persekitarannya, maka sarjana tempatan turut mengkaji dan menganalisa situasi kedudukan ilmu alam dan bentuk muka bumi Pulau Kelumpang. Justeru itu, pembuktian daripada kajian persekitaran, usaha galicari atau eskavansi, analisis penting secara saintifik, kerja perbandingan yang menggunakan peralatan canggih dan sebagainya adalah bertujuan mengenal pasti keadaan tapak Kuala Selinsing.

Apa yang pasti, tapak Kuala Selinsing adalah pusat kegiatan penduduk masyarakat Melayu purba pada zaman prasejarah di daerah Larut ini. Ianya juga berperanan sebagai pusat aktiviti berunsur keagamaan, kepercayaan, petempatan dan pertumbuhan tamadun awal penduduk Semenanjung. Daripada bukti-bukti yang ditemui jelas membayangkan bahawa pada zaman tersebut masyarakat Melayu sudah pun bertamadun berdasarkan kemajuan dan peradaban yang ditemui.

## Penduduk Awal Larut

Pusat pemerintahan dan tempat bersemayam beberapa orang Paduka Seri Sultan Perak pada peringkat awal bertempat di Kuala Kangsar atau ketika itu disebut 'rantau ulu' iaitu Daerah Hulu Perak, sementara kawasan Larut yang bersebelahannya masih diselimuti hutan dan terbiar. Sultan Perak kedua, Paduka Seri Sultan Mansur Syah I, 1549-77. Bersemayam di Kota Lama Kanan dan Sultan Perak keempat Paduka Seri Sultan Tajul Ariffin, 1584-94, bersemayam di Manong. Tetapi tidak terdapat catatan sepanjang pemerintahan mereka yang berhubung dengan kawasan Larut (Buyong Adil 1972, 8-11). Namun ada kajian menunjukkan bahawa kawasan Bukit Gantang dan Terong di daerah Larut telah lama didiami masyarakat Melayu. Semasa Tun Saban berkuasa di Hulu Perak yang meliputi daerah Kuala Kangsar sebelum wujudnya Kesultanan Kerajaan Melayu Perak, beliau telah melantik anaknya Tun Belunak memerintah di kawasan Bukit Gantang dan Terong, Larut ini (Hamid Haji Mohd. Isa 1994; 7, 64-75).

Bagaimanapun, semasa pemerintahan Paduka Seri Sultan Muzaffar Syah III, 1728-56, kawasan Bukit Gantang menjadi medan pertempuran kerana serangan daripada seorang anak Raja Minangkabau dan anak-anak Raja Bugis. Serangan yang berlaku pada 1743 oleh Sultan Berkabat dengan dibantu oleh Daeng Matekko dan Daeng Mencelak itu berjaya dipatahkan oleh kekuatan angkatan pertahanan Perak pimpinan Raja Muda Iskandar, Raja Kimas dan Bendahara Megat Pendia.

> Raja Mudapun berlengkaplah segala perahu lancang dan pedang dan alat senjata. Maka terlalulah gegak gempita sepanjang rantau hulu itu, riuh rendahlah dengan segala bunyi-bunyian. . . . Setelah sudah maka sekelianpun naik melanggar Sultan Berkabat di Bukit Gantang. Hatta maka Sultan Berkabatpun pecahlah perangnya dan panglimanya pun mati, maka undurlah ia ke Kuala Pangkalan, maka diperikut oleh orang Perak. Setelah sampai ke Kuala Pangkalan, maka segala hulubalang rakyat sekelian pun kembalilah mengadap Raja Muda dengan kemenangan (*Misa Melayu*, 1996; 28).

Kuala Pangkalan sebenarnya ialah muara Sungai Larut yang menjadi permukaan dan pintu masuk ke kawasan Larut dan seterusnya ke Kuala Kangsar menghilir menerusi Sungai Perak. Manakala Bukit Gantang yang dipenuhi bukit bukau itu menjadi laluan strategik memasuki Kuala Kangsar. Kedudukannya sangat sesuai dengan genting

Bukit Berapit untuk menghadapi ancaman musuh. Biasanya di Bukit Gantang ditempatkan pembesar yang bertaraf panglima. Dengan itu orang Melayu yang mendiami kawasan sekitar Bukit Gantang adalah sebagai benteng pertahanan bagi kawasan utara negeri Perak.

Semasa di bawah pemerintahan Paduka Seri Sultan Iskandar Zulkarnain 1756-70, negeri Perak berada di puncak zaman kegemilangannya dengan pusat pemerintahan bertempat di Pulau Indera Sakti, Hilir Perak. Baginda begitu mengambil berat terhadap rakyat jelata dan jajahan takluknya, bahkan sering melawat tempat-tempat kediaman penduduk. Suatu hari Baginda melawat Sayong di Kuala Kangsar, para pembesar daerah itu telah berdatang sembah dengan menemui baginda. Pada kesempatan ini, Panglima Larut menyembah sebagaimana yang diceritakan:

> . . . maka datanglah pula Panglima Larut mengadap baginda dengan segala sakainya orang Bukit Gantang dan orang Pangkalan dan Permatang terlalu banyaknya membawa persembahan dibawa oleh Dewa Raja, elok pula rupanya beriring-iring membawa persembahan itu serba jenis aneka rupanya (*Misa Melayu* 1996,99).

Sekitar 1765, baginda Sultan Iskandar Zulkarnain melawat kawasan-kawasan yang menjadi jajahan takluknya menerusi jalan laut. Kisah perjalanan baginda ini diabadikan dalam *Ikatan Raja ke Laut* oleh pujangga Raja Culan bin Raja Abdul Hamid dalam *Misa Melayu*. Dalam catatan itu diceritakan Paduka Seri Sultan Perak mengakhiri lawatan beginda dengan melawat kawasan sekitar Larut. Tempat-tempat seperti Terong, Sungai Pangkalan, Kuala Jebong, Permatang dan Bukit Gantang dicatatkan menjadi penempatan orang Melayu berketurunan Rawa, Minangkabau, Bugis dan sebagainya. Para pembesar daerah yang berkuasa di kawasan itu ialah Orang Kaya Laksamana, Penghulu Tok Muda, Amar Pahlawan dan Raja Setia Lela. Antara petikan syair daripada *Misa Melayu*:

Belayar sebuah derang-derong,
Berlabuhlah di Sungai Terong,
Tiada ketahuan sungai dan lorong,
Haripun gelap bulan terkurung.

Berbagailah laku segenap jalan,
Dengan segala handai dan tolan,
Sehari semalam bertinggalan,
Maka sampai ke Sungai Pangkalan.

Kenaikan Sultan di Kuala Jebong,
Segala penjajab sekalian berkampung,
Sungainya kecil airnya tenang,
Hutannya semak bakau dan nibung.

Berdatanglah sembah Orang Kaya Laksamana,
Dengan Penghulu Tok Muda sana,
Tuanku Sultan raja yang ghana,
Dipersilakan naik semayam ke sana.

Berhimpunlah rakyat Jebong Permatang,
Mari mengadap pagi dan petang,
Serta dipersembahkan sekalian ditatang,
Pisang dan tebu berpuluh batang.

Segala penghulu Rawa Minangkabau,
Sekeliannya mengadap persembahkan kerbau,
Kampit dan nyiur banyak terlampau,
Negeripun kecil umpama pulau.

Adalah kadar barang sebulan,
Baginda semayam di Sungai Pangkalan,
Segala yang mengadap datang berjalan,
Membawa persembahan dengan perbekalan.

Bagindapun hendak berangkat pulang,
Berhimpunlah datang sekalian hulubalang,
Serta rakyat tidak terbilang,
Dari Bukit Gantang sampai ke Talang.

Setelah sudah sekalian berkampung,
Hilirlah kenaikan ke Kuala Jebong,
Segala penjajab berubung-ubung,
Tinggallah tuan tempat menyabong.
(*Misa Melayu*, 1996)

Sebenarnya lawatan Sultan Iskandar ke kawasan Larut itu mempunyai tujuan politik dan ekonomi di samping memperkukuhkan pentadbiran serta kesetiaan penduduk Larut (Andaya 1979, 235-240). Sebelum ini keadaan di Larut tidak menyenangkan hati baginda kerana terdapat penduduk yang tidak mematuhi perintah baginda, terutamanya berhubung dengan masalah penyeludupan bijih timah. Begitu juga dengan keadaan sekitar Kuala Kurau yang menjadi sarang persembunyian lanun-lanun yang mengganas di perairan Larut. Pada

November 1790 misalnya, sebanyak 37 buah perahu lanun dipimpin oleh Tunku Endut telah bertindak ganas. Mereka membakar perkampungan orang Melayu di situ dan ada yang ditawan untuk dijadikan hamba. Lanun-lanun itu juga telah menyerang pedagang-pedagang kecil yang melintasi kawasan Kuala Larut. Selepas kira-kira 15 hari berkuasa di kawasan itu, mereka kemudian meninggalkan tempat persembunyian mereka di Kuala Kurau (Bonney 1771, 90-92).

Orang Melayu daripada berbagai-bagai keturunan, sama ada yang berasal dari Sumatera dan Semenanjung adalah penduduk awal di kawasan Larut. Dipercayai selepas kekalahan negeri Melayu Patani pada bulan November 1786. (Pada tahun 1786, negeri Patani dikalahkan oleh tentera Siam, ini diikuti dengan peperangan Patani Siam tahun 1789-91, 1808 dan suatu lagi peperangan besar tahun 1832. Dalam siri peperangan ini menyebabkan banyak rakyatnya mencari perlindungan di negeri Melayu utara termasuk Perak). Maka bermulalah penghijrahan rakyat Patani tertumpu di kawasan Larut (Mohd Zamberi 1993). Kebanyakan masyarakat Melayu yang mendiami kawasan ini bertempat di pinggir sungai atau kawasan tanah yang sesuai untuk ditanam padi huma. Orang Melayu juga biasanya memilih kawasan tanah lembah untuk tujuan bercucuk tanam. Mereka tinggal di tepi-tepi aliran sungai bagi kemudahan bekalan air dan di tanah pinggir bertujuan membina kediaman ataupun kawasan perkuburan dan kawasan bukit untuk menanam buah-buahan (Zaharah Mahmud, 1970, 82-113). Selain dari Patani, tempat seperti Batu Bara dan Aceh di Sumatera adalah tempat asal penduduk awal Larut kerana ketika itu penjajah Siam dan Belanda memberikan tekanan hebat terhadap masyarakat Islam.

Menjelang akhir abad ke-18, masyarakat Melayu menjadi penduduk peribumi di kawasan Terong, Bukit Gantang, Matang dan lain-lain. Semasa pemerintahan Paduka Seri Sultan Alauddin Mansur Syah, 1778-86, baginda telah memperteguhkan pentadbiran Larut. Baginda melantik seorang wakil peribadinya, iaitu Nakhoda Hitam untuk mengawal perairan kawasan Larut dan Sepetang dan mengurus soal pentadbiran di kawasan berkenaan.

Dari Batu Bara, Sumatera, terdapat tokoh dan alim ulama dikatakan membuka dan mendiami kawasan di pesisiran pantai. Misalnya Nakhoda Muhamad Taib yang berasal dari Batu Bara membuka penempatan di daerah Dinding. Begitu juga Orang Kaya Toh Johan dan pengikutnya bertanggungjawab membuka penempatan di Kuala Terong dan Sungai

Limau. Toh Johan yang berasal dari Batu Bara itu, kemudiannya menjadi saudagar kaya yang memiliki kapal dagangannya yang besar.

Dari Patani pahlawan, panglima, keluarga diraja, pemimpin masyarakat dan alim ulama banyak sekali berhijrah menetap di kawasan pedalaman Larut. Wan Jamal atau digelar Syeikh Tok Asyik telah membuka penempatan penduduk di kawasan Selama. Panglima Wan Darmula berundur dari Patani dan membuka kampung Cangkat Jering dan sekitarnya. Wan Kasar Wan Abdullah hulubalang Raja Patani bersama adiknya Tok Muda Ali telah membuka kawasan kampung di Batu Kurau. Atas jasanya membunuh seekor ular besar semasa kerja memugar tanah lombong, maka Sultan Perak telah melantik beliau menjadi Penghulu Batu Kurau yang pertama, 1857-62 dengan gelaran 'Tok Amar'. Bagaimanapun penghijrahan orang Melayu Patani pada peringkat awal tidak disenangi oleh penduduk Melayu Perak. Ini terbukti dengan tindakan Raja Alang yang menghukum keluarga Melayu dari Patani yang melintasi rumahnya kerana menyinsing seluar berlumpur. Maka perbuatan itu dianggap tidak bersopan lalu menahan keluarga tersebut di rumahnya dengan hukuman denda sebanyak $100. Setelah beberapa hari dengan tidak diberi makan, mereka sekeluarga diugut untuk dijual bagi mendapatkan bayaran denda. Pada hari berikutnya, orang Melayu Patani yang telah hilang kesabarannya dengan menggunakan keris bertindak mengamuk, membunuh seramai sembilan orang pengikut Raja Alang termasuk dua orang anak Raja Alang dan mencederakan tiga yang lain. Turut terbunuh ialah dua orang anak dan isteri keluarga Melayu Patani tersebut lalu beliau melarikan diri. Kejadian ini dilaporkan berlaku di tempat antara Larut dan Kuala Kangsar, kemudiannya sekitar Bukit Gantang (Frank Swettenham 1967, 91). Beberapa pertelingkahan tercetus antara orang Melayu Patani dengan orang Perak di Kampung Perak, Batu Kurau tetapi kemudian mereka telah berdamai.

Pada akhir abad ke-18 atau awal ke-19 Masihi, masyarakat Melayu yang beragama Islam telah menjadi penduduk awal mendiami beberapa buah tempat di kawasan Larut. Mereka menjalani kehidupan dalam suasana aman dan damai, tanpa diganggu oleh pendatang dan penceroboh bangsa asing. Terdapat bukti bahawa pada 1818 kawasan Bukit Gantang adalah di bawah jagaan seorang pembesar bernama Che Alang Alaiddin (Idin) sementara kawasan Larut di bawah penguasaan Isma Yatim manakala Che Man menjadi Penghulu di Pondok Tanjung dan pada 1828 kawasan Kurau dikuasai oleh Tan

Jana Pahlawan (Buyong Adil 1972, 146). Menurut seorang penulis dan pentadbir British, John Anderson mencatatkan pada tahun 1820-an, penduduk Terong seramai kira-kira 250 orang dengan 50 buah rumah, Sepetang sebanyak 50 buah rumah dan Jarum Mas sebanyak 30 buah rumah orang Melayu.

BAB 2

# Pembukaan Daerah Larut

## Perlombongan Tradisional

Negeri Perak terkenal dengan hasil bijih timah sejak dari zaman wujudnya kerajaan dan kesultanan Melayu di sepanjang kiri-kanan Sungai Perak. Penjajah Portugis banyak memberikan gambaran tentang pengeluaran bijih timah yang dihantar ke Melaka setiap tahun. Menurut Barreto de Resende, sejumlah lebih kurang 400 kati bijih timah dihantar ke Melaka sebagai pembayaran ufti negeri Perak kepada kuasa penjajah itu. Emannuel Godinho de Eredia pula menulis bahawa pegawai-pegawai Portugis di Melaka terlibat dalam perdagangan bijih timah di negeri Perak. Beliau yang membuat catatan antara 1557-1600 menceritakan:

> Negeri Perak sering dilawati dan merupakan pelabuhan utama yang menghasilkan bijih timah. Galian ini ditemui dibanjaran gunung dan perlombongan bijih timah merupakan keperluan besar, setiap tahun lebih dari 300 bahara dibekalkan kepada Kapten Melaka dan saudagar dari India (Andaya 1979, 22).

Kemajuan perlombongan tradisi ini telah membawa angin perubahan kepada penduduk di sepanjang Sungai Perak. Menurut Tome Pires, daripada sebuah penempatan yang kecil pada abad ke-16, dengan bilangan penduduknya cuma 200 orang telah bertambah dengan pesat kepada lebih kurang 5,000 orang pada 1621. Memandangkan bijih timah adalah keperluan penting kuasa-kuasa luar, maka Perak telah menggunakannya sebagai bahan bernilai untuk merundingkan hubungan luar negerinya. Sepanjang Portugis berkuasa di Melaka, negeri Perak cuba mendapatkan perlindungan daripada kuasa Barat itu, terutamanya apabila Perak berada dalam naungan Aceh pada 1575 hingga 1670-an.

Berakhirnya kuasa Aceh di negeri Perak memberikan ruang kepada kuasa VOC Belanda mengadakan hubungan rapat dengan Perak khususnya dalam pengeluaran bijih timah. Pada 1746, Paduka Seri

Sultan Muzaffar Syah mengadakan satu perjanjian bijih timah dengan pihak VOC Belanda dan memberi peluang kepada Belanda membolot keuntungan galian tersebut. Pada 1783, pihak British menerusi Kapten Forest telah melawat Perak dan mendapati pengeluaran bijih timah sebanyak 5,000 pikul setahun dijual kepada Belanda dengan harga hanya $10.00 Sepanyol sepikul. Pembukaan Pulau Pinang pada 1786 menyebabkan bijih timah yang sepatutnya disalurkan kepada pedagang Belanda mulai diseludup kepada pedagang-pedagang British di Pulau Pinang. Menjelang akhir abad ke-18, pengeluaran bijih timah negeri Perak berjumlah sebanyak 9,000 pikul (587 tan metrik) setahun tetapi pada awal abad ke-19 berikutnya telah menurun kepada 6,000 pikul (381 tan metrik) setahun. Kemerosotan ini menyebabkan Perak mula menuntut hak perlombongan bijih timah di kawasan Kelian Intan dan Kelian Indah di Keroh. Mereka terpaksa berperang dengan kekuatan orang Melayu Patani dari Reman, negeri Patani, kerana kawasan tersebut didakwa hak kedaulatan kerajaan mereka (Everitt 1955, 104-107).

Di kawasan Larut, tempat seperti Kerian, Kurau, Larut, Terong dan Beruas, bijih timahnya telah pun dikeluarkan oleh pelombong-pelombong kecil Melayu pada pertengahan abad ke-18. Bagaimanapun pengeluarannya tidak dijual kepada pihak VOC Belanda seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kerajaan negeri. Dalam siasatannya pada Mei 1754, Paduka Seri Sultan Iskandar mendapati sebanyak 40 bahara bijih timah sahaja dapat dikumpulkan di kawasan Larut, sejumlah besar daripadanya telah diseludup menerusi Sungai Kurau. Ini menyebabkan baginda bertindak menghantar pembesarnya Orang Kaya Besar mengawal dan menyiasat kejadian penyeludupan itu.

Pada awal 1759, Sultan Iskandar Perak memberitahu Bartholomew Meyer, wakil Belanda di negeri Perak bahawa orang Kedah menjalankan kegiatan menyeludup bijih timah dari Larut, Kerian dan Kurau. Baginda telah menghantar pengawal-pengawal membuat rondaan selama dua hari di kawasan terlibat. Lawatan baginda ke kawasan Larut menemui rakyat jelata seperti yang dirakamkan dalam *Misa Melayu* itu bertujuan meninjau kesetiaan penduduk Larut yang tersisih jauh dari pusat pemerintahan negeri Perak. Larut terkenal sebagai sarang yang menjalankan kegiatan 'pasar gelap' bijih timah di kalangan pelombong dan pedagang kecil Melayu.

Semasa pemerintahan Paduka Seri Sultan Alauddin Mansur Syah, 1778-86, kegiatan penyeludupan bijih timah semakin meningkat. Pada

1780 baginda mengeluarkan perintah supaya menyekat setiap muara sungai di kawasan Larut apabila ada berita mengatakan terdapat penyeludupan bijih timah di Sungai Terong. Sebagai raja yang memerintah, baginda berjanji kepada pihak VOC Belanda akan menghalang sebarang kegiatan yang melanggar peraturan negeri ini. Penghulu dan juga pemimpin masyarakat diingatkan supaya mematuhi perintah baginda Paduka Seri Sultan Alauddin dan sesiapa yang engkar akan digugurkan jawatan mereka. Bagaimanapun, penghulu Terong didapati bersalah dan gagal menyekat kuala-kuala sungai di Larut menyebabkan beliau diberhentikan dari jawatannya (Andaya 1979, 339).

Akhirnya kawasan Larut dapat dipulihkan dan terhindar daripada sebarang kegiatan yang bertentangan dengan perintah pihak berkuasa kerajaan negeri Perak. Wakil Belanda di Perak Bartholomew Meyer melaporkan kepada Gabenor Belanda di Melaka, Pieter Gerardus de Bruyn pada 17 April 1780 bahawa keadaan di Larut telah pulih dan orang Bugis tidak berani membeli bijih timah di kawasan itu. Namun demikian, kestabilan suasana di Larut tidaklah berkekalan kerana pada tahun berikutnya, bulan Mei 1781, Syed Ali Syed Osman dari Siak telah menceroboh kawasan Larut dan Sepetang serta menyerang kediaman Sultan Alauddin di Larut. Wakil peribadi sultan yang ditugaskan berkawal, Nakhoda Hitam diserang dan dibunuh. Kemudian mereka telah bertindak ganas terhadap penduduk kampung. Rumah-rumah dibakar, harta benda dirampas, perempuan dan anak-anak kecil ditawan (Andaya 1979, 341).

Menjelang akhir abad ke-18 pengaruh Belanda di negeri Perak semakin merosot, sementara pengaruh British pula semakin kuat. Sejajar dengan itu, perdagangan bijih timah British menerusi pembukaan Pulau Pinang 1786 menjadikan Perak memberikan tumpuan kepada pengeluarannya. Dipercayai sebelum pembukaan secara besar-besaran daerah Larut, orang Cina sejak 1795 telah pun berada di Larut mengusahakan bijih timah (Khoo Kay Kim 1988, 35-49). Perjanjian Low antara pihak Inggeris dengan Kerajaan Perak yang bebas dari ancaman Siam telah memberikan kesan kepada keluaran bijih timah. Pengeluarannya yang merosot telah bertambah dengan jumlah purata sebanyak 7,500 pikul (379 tan Metrik) setahun.

## Long Jaafar

Pada November 1816, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, 1804-21, yang memerintah negeri Kedah Darul Aman menerima surat perintah Raja Siam mendesak supaya Kedah menyerang negeri Perak. Pembesarnya, Bendahara dan Laksamana telah menyiapkan perahu-perahu perang di Kerian untuk menyerang Perak yang di bawah pemerintahan Paduka Seri Sultan Abdul Malek Mansur Syah 1806-25. Kedah sendiri tidak mahu menyerang Perak, namun kerana terdesak dan untuk menjamin kedaulatannya daripada diserang oleh tentera Siam, maka adalah lebih baik baginya mengalahkan Perak dan ini berlaku pada September 1818.

Angkatan Kedah dipimpin oleh Tunku Yaakub (Tunku Adil) dan Bendahara bertindak menyerang Perak yang dipertahankan oleh Alang Alaiddin di kawasan Bukit Gantang. Maka sekali lagi Bukit Gantang berperanan sebagai benteng barisan hadapan dalam medan peperangan. Namun angakatan pertahanan ini dapat dikalahkan lalu beliau berundur dan bersatu dengan angkatan Kota Lama Kiri di Kuala Kangsar yang dipimpin oleh Panjang Talib bin Uda Tahir (berjawatan Seri Maharaja Lela atau digelar Tok Janggut). Memandangkan persengketaan ini terdiri daripada saudara sebangsa dan seagama, maka dengan kebijaksanaan Panjang Talib, peperangan ini dihentikan dengan perdamaian. Bendahara Kedah dikahwinkan dengan Wan Fatimah, manakala Tunku Yaakub dikahwinkan pula dengan Hajah Denah. Kedua-duanya adalah keluarga Panjang Talib. Sebagai membalas jasa mereka dalam peperangan Perak-Kedah, maka Sultan Abdul Malek telah menganugerah gelaran kepada Panjang Talib dengan gelaran Temenggung Paduka Tuan dan Alang Alaiddin pula digelar sebagai Panglima Bukit Gantang (Buyong Adil 1772, 43-44).

Gelaran Datuk Panglima Bukit Gantang kepada Alang Alaiddin (Idin) ini meletakkan dirinya sebagai 'Orang Besar Delapan' dalam sistem pentadbiran para pembesar negeri. Kuasa beliau bukan sahaja sekitar kawasan Bukit Gantang bagi mengawal jalan genting ke utara Perak malah meliputi kawasan yang lebih luas. Datuk Panglima Bukit Gantang Alang Alaiddin juga diberi kuasa mewakili Paduka Seri Sultan Perak memungut cukai di kawasan Kuala Kurau dan Kerian. Semasa negeri Kedah diserang Siam pada 1821, terdapat ramai orang Melayu Kedah memasuki kawasan Kerian dan Larut yang di bawah kuasa Alang Alaiddin ini.

Adik kepada Panglima Bukit Gantang, Long Abdul Latif (bergelar Dato Paduka Setia) mempunyai dua orang anak lelaki. Seorang bernama Long Jaafar berkahwin pula dengan Ngah Pura anak Alang Alaiddin. Oleh itu, Long Jaafar berkedudukan sebagai anak saudara dan juga menantu kepada Datuk Panglima Bukit Gantang. Sebagai keluarga pembesar negeri, pada zaman remajanya beliau sentiasa hidup bebas berkelana dengan kelicikan dan kecerdasannya hingga beliau digelar, 'Long Jaafar Pusing Langit.' Long Jaafar merantau jauh hingga ke Singapura dan bertemu dengan Temenggung Ibrahim di Telok Belanga, Singapura. Menerusi bantuan Temenggung Ibrahim dan penduduk Pulau Damar, maka Long Jaafar dapat kembali pulang ke negeri Perak menemui keluarganya di Bukit Gantang (Mohd. Faizal Othman 1980, 136-8).

Melihat kehidupannya yang tidak menentu, Long Jaafar pergi ke Larut yang di bawah penguasaan mentuanya Alang Alaiddin. Suatu hari ketika beliau sedang mandi di sungai, didapati pasir sungai itu berwarna hitam dan mengandungi bahan bijih timah. Maka timbullah satu cadangan untuk mengusahakan perlombongan bijih timah secara besar-besaran. Pada 1840, Long Jaafar membawa masuk seramai tiga orang pelombong Cina untuk memulakan kerja-kerja perlombongan bertempat di Kelian Pauh (sekitar kawasan Penjara Taiping sekarang). Rupanya pasir hitam atau bijih timah itulah yang telah membawa kejayaan dan kekayaan serta mencatatkan nama Long Jaafar dalam sejarah Larut mahupun sejarah negeri Perak sendiri.

Pada awalnya kerja-kerja melombong bijih timah dilakukan oleh orang Melayu dengan cara melampau ataupun mendulang sahaja. Kedatangan orang Cina telah memperbaiki sedikit kaedah itu dengan menggunakan cangkul untuk mengorek palung yang lebih rapi bagi kerja pembersihan. Roda air dan pam rantai digunakan untuk mengeringkan lombong. Mereka juga memperbaiki palung ciptaan orang Melayu dengan membinanya daripada kayu dan meletakkan ropol berselang-selang di sebelah bawahnya bagi menahan bijih timah yang jatuh (Khoo Kay Kim 1988, 40). Mengenai penjualan bijih timah, biasanya orang Melayu menjual dengan menyukat debu bijih timah menggunakan tempurung kelapa. Ada juga yang mengambil kesempatan menipu pelombong Melayu dengan menggunakan lima tempurung kelapa, tetapi dikiranya empat sahaja. Orang Melayu mengerjakan lombong pada musim panas dan menjalankan kerja-kerja melebur pada musim hujan. Mereka kemudian mengangkut bijih

timah yang telah dilebur secara dikendong, gajah ataupun sampan untuk menjualnya. Perusahaan lombong cara orang Melayu ini disebut oleh orang Barat sebagai 'lombong lama' ataupun 'lombong Siam' kerana mereka mengoreknya dengan kaedah menggali tanah seperti telaga untuk melampau (Fawzi Basri 1986, 58). Penglibatan pelombong Cina sedikit sebanyak telah mengubah kaedah dan cara kerja melombong yang dilakukan oleh orang Melayu.

Atas kejayaan itu, maka pada 1848, Long Jaafar membawa seramai 20 orang lagi pelombong Cina ke kawasan Larut untuk bekerja di lombongnya. Suatu hari, gajah yang digunakan untuk mengangkut bijih timah telah terlepas dan lari ke hutan. Apabila ditangkap semula didapati kaki gajah bernama 'Larut' penuh dengan berlumpur hitam yang mengandungi pasir bijih timah. Maka suatu tapak baru yang mengandungi bijih timah ditemui dan diusahakan di kawasan Kelian Baru (sekitar Kemunting sekarang) bagi meluaskan perusahaan bijih timah Long Jaafar. (Perkataan 'kelian' sebenarnya membawa maksud 'galian'). Daripada kegiatan perusahaan perlombongan bijih timah ini menyebabkan kedudukan Long Jaafar menjadi kaya dan berpengaruh. Kedudukannya bertambah kukuh lagi apabila berjaya mendapatkan kawasan pajakan di Larut dengan bayaran sebanyak $125.00 setahun, jauh lebih rendah daripada jumlah pendapatannya.

Justeru itu, dalam masa 3-4 tahun sahaja Long Jaafar berjaya menjadikan Larut sebagai kawasan perlombongan bijih timah terpenting. Bapa mentuanya Datuk Panglima Bukit Gantang Alang Alaiddin meninggal dunia pada 1818 dan digantikan oleh Toh Muda Abdul Ghaffar yang masih menghantar wakilnya Penghulu Rejab berkuasa di Kurau. Bagi mengukuhkan lagi penguasaan dan kedudukannya terhadap Larut, Long Jaafar berhasil mendapatkan geran persetujuan daripada Paduka Seri Sultan Shahabudin Riayat Syah, 1830-51 menerusi bantuan Raja Muda Ngah Ali. Pengurniaan daerah Larut ini turut dipersetujui oleh pembesar lain seperti Temenggung, Panglima Bukit Gantang, Panglima Kinta, Seri Andika Raja dan Shahbandar. Antara lain kandungan surat kuasa bertarikh 28 Februari 1850 bersamaan hari Jumaat 1 Muharam 1267 Hijrah, berbunyi:

> Che Long Jaafar telah membuka sebuah daripada jajahan negeri Perak yang dinamakan Larut dan segala sungai-sungai telah dijadikan lombong bijih timah. Segala pekerjaan itu telah dibuatnya dengan usaha dan belanjanya sendiri. Oleh itu dengan sukacitanya beta telah menyerahkan jajahan Larut kepadanya dan anak cucunya bolehlah menerima jajahan itu seperti hak miliknya (Wilkinson 1928, 145).

Sejak itu daerah Larut (sempena nama seekor gajah) diberi kuasa dan hak memerintah kepada Long Jaafar. Beliau kemudian meluaskan daerah ini meliputi Kerian, Matang hingga ke Selama. Beliau menetap di rumah yang didirikannya di Kota Bukit Gantang tidak jauh dari rumah mentuanya Alang Alaiddin di Kota Panglima sekitar Bukit Berapit dan menjadikan Bukit Gantang sebagai pusat pemerintahan daerah Larut. Kota yang didirikannya ini terletak di pinggir sebuah bukit, pada bahagian hadapannya dibina kubu sebagai benteng pertahanan daripada musuh. Kubu yang dibina di sekeliling kawasan kota diperbuat daripada tanah liat setinggi 10 kaki dan panjangnya kira-kira sebatu.

Pada bahagian hadapan kota terdapat sebuah tasik yang menganjur luas dari hulu banjaran Gunung Bintang hingga ke kawasan jalan utama dan penduduk sekitarnya menyebut 'Takung Mentari'. Keindahan tasik ini dihiasi dengan bunga teratai dan tanjung, sementara di tengah tasik terdapat sebuah rumah rehat yang dihubungi menerusi jambatan khas. Tempat ini sering dikunjungi oleh penduduk Bukit Gantang, terutama semasa pesta mandi Safar dengan diadakan acara lumba perahu. Sebagai orang Islam, Long Jaafar kuat beribadat di samping mencari harta dunia. Beliau menjemput ramai guru agama mengajar di masjid yang didirikannya tidak jauh dari Kota Bukit Gantang. Pada masa itu sekitar kawasan Larut menjadi tempat perlindungan para alim ulama dari negari Patani yang berhijrah akibat peperangan dan ditindas oleh Siam. Salah seorang guru yang mengajar setiap hari Jumaat ialah Haji Ismail berasal dari sebuah kampung berhampiran Changkat Ibul.

Semasa pemerintahan Long Jaafar, Kota Bukit Gantang dan Sungai Limau menjadi pelabuhan utama. Pelabuhan ini di bawah kawalan Panglima Bukit Gantang termasuk juga muara-muara sungai yang terdapat di Larut. Seekor gajah dinamakan Kulub Anjeh digunakan sebagai pengangkutan rasmi berulang-alik dari pelabuhan Sungai Limau ke Kota Bukit Gantang ini (Khalid Ismail 1987;16, 20-25). Sebagai pengusaha lombong, Long Jaafar dibantu seorang kerani bernama Syeikh Abdul Rahman. Bagi mengawal sumber yang bernilai ini, orang Melayu percaya bahawa galian bijih timah perlu diawasi supaya tidak hilang atau pergi ke kawasan lain (Shaw 1971, 29-52). Long Jaafar dengan dibantu oleh Che Itam Dam, seorang bomoh terkenal di Larut sentiasa mengawasi bijih timah supaya tidak merajuk atau tidak timbul dan hilang dari kawasan yang dilombong. Sekiranya pengeluaran bijih timah berkuarangan, Che Itam Dam dikehendaki memulihkan

semula kawasan itu. Setiap dua atau tiga tahun sekali, diadakan kenduri dengan upacara penyembelihan kerbau dan pada hari tersebut berbagai-bagai pantang larang turut dikenakan (Khoo Kay Kim 1984, 162-3).

Apabila keadaan bijih timah semakin banyak, bilangan orang Cina pula semakin bertambah di tempat-tempat seperti Permatang (Matang), Simpang (Simpang Empat Jadam), Kota, Kelian Pauh dan Kelian baru (Kemunting). Mereka menggunakan sungai Larut sebagai laluan penting bagi memasuki kawasan tersebut kerana Larut semakin penting dengan permintaan bijih timah yang semakin meningkat akibat perkembangan perusahaan papan timah di Britain. Hubungan antara Long Jaafar dengan saudagar-saudagar bijih timah di Pulau Pinang semakin rapat. Kebanyakan pelombong-pelombong Cina dari Pulau Pinang datang meneroka tanah lombong di Larut bagi menambahkan kekayaan. Mereka ini terdiri daripada berbagai-bagai suku yang berasal dari daerah yang berbeza-beza di negeri China, seperti Kwantung, Canton dan sebagainya. Kumpulan awal orang Cina yang masuk mengusahakan lombong bijih timah di Kelian Pauh diketuai oleh Law Ah Sam yang bersahabat baik dengan Long Jaafar.

Bagaimanapun, kedatangan orang Cina membanjiri daerah Larut sedikit sebanyak memberikan cabaran ekonomi kepada masyarakat Melayu tempatan yang hidup di pinggir sungai. Mereka hanya menyaksikan perubahan ini berlaku sebagai satu kemajuan, tetapi mereka masih mengusahakan kerja-kerja pertanian kerana mereka melombong secara bermusim dan sambilan. Namun pemerintahan Long Jaafar di Larut tetap memberikan pembaharuan menerusi pentadbiran untuk faedah penduduk setempat. Bagi mengawal keselamatan terutama berhubung dengan masalah orang Cina yang memberikan kesan negatif terhadap masalah sosial, satu pasukan keselamatan telah ditubuhkan.

Daripada seorang yang hidupnya tidak tentu arah tujuan kepintarannya dan dianggap sebagai 'pusing langit', Long Jaafar berjaya menjadi hartawan. Larut adalah lombong harta kekayaan baginya. Kedudukannya yang semakin kaya dan berpengaruh di negeri Perak telah mengangkat martabat dirinya setaraf dengan pembesar negeri. Long Jaafar bersahabat baik dengan Paduka Seri Sultan Jaafar Muazzam Syah, 1857-56. Anaknya Ngah Ibrahim dijadikan anak angkat baginda sultan dan saudara angkat kepada puteranya Raja Muda Abdullah. Menerusi hubungan itu, mengukuhkan penguasaannya

ke atas daerah Larut menjadi kukuh. Pada 8 November 1856, bersamaan 10 Rabiul Awal 1273 Hijrah, Sultan Jaafar Muazzam Syah telah menganugerahkan geran kedua kepada Long Jaafar. Geran tersebut membuktikan kewibawaan kuasa Long Jaafar di daerah Larut tidak boleh dipertikaikan yang kini diperluas meliputi Kerian yang didakwa sebahagian dari negeri Kedah.

Orang Kaya Long Jaafar bin Long Abdul Latif (Datuk Paduka Setia) meninggal dunia pada 12 Jamadil Akhir 1275, bersamaan Ogos 1857. Beliau meninggalkan harta yang banyak seperti tanah perlombongan yang luas di Larut, rumah-rumah yang dibelinya di Pulau Pinang dan wangnya yang tersimpan dalam bank di Pulau Pinang. Semasa hayatnya beliau dikenali sebagai seorang yang berhati mulia, suka membantu golongan miskin. Kepada mereka yang mengadu menghadapi kesusahan, beliau tidak pernah menghampakan harapan mereka. Malah setiap kali beliau ke Pulau Pinang, ada saja yang datang menemui Long Jaafar, hartawan bijih timah dari Larut untuk mendapatkan bantuan. Long Jaafar telah membawa kemajuan dan pemodenan kepada Larut yang sekali gus mula memperkenalkan Tanah Melayu di pasaran dunia sebagai pengeluar utama bijih timah. Beliau menjadi pengasas kepada perkembangan daerah Larut, menjadi usahawan bijih timah Melayu pertama di samping mengusahakan ladang kopi di Asam Kumbang dan ladang tebu di kawasan Kerian. Tebu-tebu dihantar ke Pulau Pinang melalui pelabuhan Kuala Gula dan diproses untuk dijadikan gula. Terbukti Long Jaafar juga seorang usahawan Melayu yang menghasilkan pengeluaran gula dan kopi untuk perdagangan.

Kota Bukit Gantang yang menjadi kediaman rasminya berperanan sebagai pusat pengurusan perniagaan dan juga hal yang bersangkutan dengan pentadbiran daerah. Kota tersebut menjadi benteng pertahanan yang dilengkapi gudang menyimpan senjata seperti meriam, senapang, ubat bedil, lembing, tombak dan sebagainya. Pengawal-pengawalnya terdiri daripada orang Melayu dan keturunan Habsyi yang diupah mengendalikan kereta lembu, kereta kerbau dan pengangkutan lain. Beliau juga mempunyai pasukan pertahanan bergajah dan gajah-gajah yang dijadikan pengangkutan. Gajah kesayangannya bernama Kulub Anjeh yang digunakan mengangkut bijih ke pelabuhan Sungai Limau. Seekor lagi gajah bernama Larut yang telah berjasa menjumpai kawasan bijih timah di kawasan Kelian Baru (Kemunting).

Sebagai hartawan yang mengutamakan kepentingan agama Islam, beliau mewakafkan tanah-tanah kepunyaannya dijadikan tapak tanah untuk pembinaan surau dan masjid serta perkuburan. Long Jaafar juga menggalakkan pembinaan pusat pengajian agama dan mendirikan institusi pendidikan seperti Sekolah Melayu Matang Gelugor yang dibina pada 1826 dan merupakan sekolah Melayu pertama di negara ini. Sebagai pemerintah beliau mempunyai kuasa terhadap hal ehwal kebajikan rakyat di kawasan Bukit Gantang, Matang, Kelian Pauh, kelian Baru hingga Kerian bagi pihak baginda Sultan. Kedudukan ini meletakkan dirinya sebagai perantaraan dengan pembesar negeri dan raja-raja Melayu, begitu juga dengan hubungan luar dengan kuasa-kuasa asing terutama yang berhubung dengan perdagangan bijih timah.

Sesungguhnya Long Jaafar merupakan seorang yang berjiwa besar dan berhemah tinggi. Usahawan bijih timah ini berhasil memperkukuhkan ekonomi dan mengangkat martabat bangsa Melayu menerusi reformasi dan kemajuan daerah Larut yang diasaskannya.

## Ngah Ibrahim

Beliau dilahirkan pada 1840, dan merupakan anak lelaki kedua Long Jaafar daripada tiga orang adik-beradik, iaitu Kulub Seman, Ngah Ibrahim dan adik perempuan bongsu bernama Alang Sopiah (Abdullah Zakaria 1993). Bagaimanapun Ngah Ibrahim banyak mewarisi ketokohan ayahnya Long Jaafar untuk meneruskan kesinambungan keluarga mereka yang menjadi usahawan bijih timah Melayu terulung ketika itu. Semasa kematian ayahnya, Ngah Ibrahim ketika itu berusia dalam belasan tahun. Urusan pentadbiran serta perlombongan diserahkan kepada abang Long Jaafar, iaitu Ngah Lamat selama kira-kira dua tahun bertempat di Kota (Terdapat sebuah tempat di pinggir bandar Taiping sekarang yang disebut Kota, nama Kota juga dimaksudkan kepada Kota Long Jaafar atau Kota Bukit Gantang). Apabila Ngah Ibrahim menjangkau usia sekitar 20 tahun, barulah segala urusan pentadbiran dan perusahaan perlombongan di kawasan itu diserahkan sepenuhnya kepada beliau. Sebagai meneruskan segala usaha yang dimulakan oleh ayahnya, Ngah Ibrahim meneruskan pengambilan buruh dan pelombong Cina yang dibiayai tauke-tauke di Pulau Pinang.

Beliau tidak menetap di Kota Bukit Gantang yang menjadi kediaman rasmi keluarganya tetapi mendirikan tempat tinggal yang

dikenali sebagai Kota Ngah Ibrahim di Permatang (dikenali sebagai Matang) berhampiran muara Sungai Larut. Sebagaimana juga ayahnya, Ngah Ibrahim juga turut membentuk struktur pemerintahan dan pentadbiran Larut yang lebih moden. Bagi membolehkan urusan pentadbiran berjalan dengan berkesan, maka diadakan pegawai-pegawai dengan tugas masing-masing. Seorang ulama Minangkabau, Syeikh Muhammad Taib dilantik sebagai pegawai tadbir, beliau dibantu oleh Abdul Jabbar. Tugas Syeikh Muhammad Taib adalah sebagai Hakim sesuai dengan kedudukannya seorang ulama. Beliau meninggalkan Larut pada 1862 dan tugasnya digantikan oleh Abdul Jabbar. Sebagai seorang hartawan terkenal, tugas menguruskan kewangan atau Bendahari diserahkan kepada Pandak Leman. Di Kota Matang, ditubuhkan Balai Keselamatan dengan kekuatan anggotanya seramai 40 orang, diketui oleh seorang yang dipanggil Jemadar, jawatan yang berasaskan kepada sistem keselamatan yang wujud di India (Khoo Kay Kim 1981, 2). Segala urusan pentadbiran dibantu oleh seorang kerani bernama Muhamad Hashim, kemudian digantikan oleh Che Karim keturunan Rawa yang dikenali sebagai Kerani Karim. Untuk memantapkan lagi pentadbiran Ngah Ibrahim mengadap Maharaja Abu Bakar di Johor untuk mempelajari sistem pentadbiran moden untuk dilaksanakan di Larut.

Bagaimanapun, untuk mengukuhkan kekuasaannya di Larut, Ngah Ibrahim cuba mendapatkan pengesahan baginda Sultan Perak terhadap kawasan yang diwarisi daripada ayahnya. Tidak lama selepas kematian ayahnya, pada 30 November 1857 bersamaan 10 Syawal 1274 Hijrah, sepucuk surat daripada Paduka Seri Sultan Jaafar Muazzam Syah 1857-65 mengesahkan hak Ngah Ibrahim ke atas daerah Larut, Kerian dan Bagan Tiang. Surat yang dipersetujui oleh Raja Muda, Bendahara dan Pembesar yang lain menerangkan:

> Sebuah daripada jajahan negeri Perak, iaitu Larut telah dikurniakan kepada Che Ngah Ibrahim oleh baginda Sultan Perak. Pemberian jajahan itu adalah sah dan tidak boleh dibatalkan oleh sesiapapun sama ada dia memerintah dengan baik atau sebaliknya. Che Ngah Ibrahim boleh mengadakan undang-undang dijajahan yang diperintahnya itu dan boleh berutusan surat serta menyelesaikan hal-hal dalam jajahannya itu. Beliau juga dibenar berutusan dengan negara luar, misalnya Kerajaan British dengan tidak payah memberitahu kepada baginda Sultan Perak, Raja Muda, Raja Bendahara ataupun kepada sesiapapun yang berkuasa dalam kerajaan negeri Perak (Wilkinson 1928).

Berikutan dengan pemberian hak dan kuasa itu, semua cukai di Larut dan Kerian seperti hasil perlombongan bijih timah, candu, arak, hasil pertanian, barang makanan dan sebagainya terpulang kepada beliau. Maka Ngah Ibrahim menjadi kaya-raya hasil daripada pungutan cukai terutamanya bijih timah. Kemakmuran di Larut menjadi perhatian khususnya kepada pihak pedagang British di Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, pada tahun 1858, Syarikat Hindia Timur (East India Company), yang selama ini memonopoli segala hasil dan keuntungan perdagang telah dimansuhkan. Dengan itu semua hak kuasa perdagangan di Negeri-negeri Selat telah diserahkan kepada Kerajaan Kolonial British. Malah saudagar dan tauke Cina rakyat British di Pulau Pinang sudah tidak sabar lagi untuk masuk berdagang di Larut sebagaimana laporan *Penang Gazette* bertarikh 14 April 1860:

> Kawasan pedalamannya sangatlah kaya dengan bijih timah dan sejumlah besar pelombong Cina yang bekerja di situ datangnya dari Pulau Pinang, kedatangan mereka semakin bertambah ramai. Pintu masuk ke kawasan bijih timah yang utama ialah melalui Sungai Larut yang dikuasai oleh Che Ngah Lamat. Cukai tanah yang harus dibayar kepada Sultan Perak untuk seluruh kawasan itu (termasuk Kerian dan Bagan Tiang), menurut kuasa yang diberikan semasa Che Long Jaafar dan warisnya, hanyalah $100 setahun. Sementara hasil yang mereka terima dari Larut sahaja ialah sebanyak antara $5,000 hingga $6,000 sebulan, iaitu $4,000 daripada cukai yang dikenakan ke atas sebahara bijih timah bernilai $20. Bakinya antara $1,000 hingga $2,000 itu adalah daripada cukai candu yang dikenakan sebanyak $120 sepeti. Cukai import beras pula sebanyak $2 sekoyan manakala selebihnya antara $150 hingga $200 adalah daripada hasil cukai perjudian (Khoo Kay Kim 1984,87).

Pada masa pemerintahan Ngah Ibrahim, segala urusan pungutan cukai seluruh kampung-kampung adalah di bawah kuasa Penghulu yang berperanan sebagai hakim. Justeru itu, Ngah Ibrahim akan menghantar para pegawainya memungut 1/10 hasil tahunan padi daripada penduduk kampung. Selain daripada hasil perlombongan yang meraih keuntungan lumayan, terdapat hasil-hasil tanaman seperti ladang kopi, tebu, teh, buah pala, tembakau, bunga cengkih dan ubi kayu di Larut.

Sebagai pemerintah yang berkuasa penuh ke atas Larut, beliau berjaya mentadbir Larut sebagai sebuah 'empayar' tersendiri. Semasa Larut berada dalam kekuasaan Ngah Ibrahim, daerah ini telah berkembang meluas mencapai zaman kegemilangannya menjadi daerah terkaya di negeri Perak. Peta daerah menunjukkan Larut juga terbentang luas, panjangnya kira-kira 112 kilometer dan lebarnya pula antara 32-

80 kilometer. Sempadannya di utara di Sungai Kurau, ke selatan di Sungai Beruas, di timur di Gunung Bubu hingga ke kawasan Pantai. Malah sarjana Barat menyebut 'Larut' dan 'Perak' seolah-olah menggambarkan kedua-duanya sebagai kawasan yang berasingan.

Keadaan ini menyebabkan Paduka Seri Sultan Jaafar mengeluarkan perintah pada 31 Mac 1864 bagi mengurangkan hak dan kekuasaan Ngah Ibrahim ke atas perluasan daerah Larut. Kawasan pentadbiran Ngah Ibrahim kini luasnya hampir sebagai sebuah negeri iaitu 'Negeri Larut' yang meliputi kawasan Larut, Kerian dan Bagan Tiang. Sempadan yang baru ini menganjur dari pesisiran pantai hingga Tanjung Belanak iaitu dari Pasir Gedebu hingga ke muara Sungai Kerian. Pedalamannya pula hingga ke sempadan negeri Kedah. Yang membimbangkan sultan adalah kewibawaan dan kedudukan Ngah Ibrahim yang dihormati dengan berbagai-bagai panggilan seperti 'Raja Larut', 'Menteri Larut' atau 'Tengku Menteri' dan lain-lain.

Pendapatan bulanannya dianggarkan antara $5,000 hingga $6,000, malah ada yang mengatakan jumlah pendapatan tahunannya sebanyak antara $186,000 hingga $200,000. Kemewahan hidupnya terserlah dengan mempunyai rumah bertaraf banglo seni bina Barat dalam kawasan yang dipagari kota binaan batu. Ngah Ibrahim memiliki empat buah kapal dan dua buah daripadanya menggunakan kuasa wap berjentera yang dinamakan Bahtera Bayu dan Indera Bayu. Kapal Bahtera Bayu ditempah khas dari England bernilai $25,000. Beliau menerima hasil kutipan cukai bijih timah sebanyak $19 daripada setiap nilai satu bahara, manakala satu bahara beratnya bersamaan 3 pikul (300 kati). Sungguhpun Ngah Ibrahim adalah pemerintah yang berkuasa penuh di daerah Larut, tetapi beliau masih tertakluk di bawah penguasaan Paduka Seri Sultan Perak yang memerintah.

Sebagai kemuncak dari kekuasaan dan juga kekayaanya, pada 23 Oktober 1863 pada ketika usianya sekitar 23 tahun, Ngah Ibrahim telah dianugerahkan gelaran penting sebagai, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Gelaran tersebut mengangkat dirinya sebagai Orang Besar Keempat dalam senarai perjawatan penting selepas Paduka Seri Sultan Perak. Malah dengan gelaran tersebut kedudukannya semakin dihormati sebagai tokoh politik dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Perak sejajar dengan kekuasaan beliau di Larut sebagai hartawan bijih timah. Kedudukannya setanding dengan para pembesar yang berperanan dalam hal pentadbiran negeri di samping menasihati baginda sultan. Maka dengan gelaran itulah namanya dikenali dengan panggilan

Menteri Ngah Ibrahim ataupun Tengku Menteri. Kuasa pemerintahannya di Larut semakin luas merangkumi kawasan pendalaman hingga Kelian Baru, ke timur hingga Kuala Sungai Beruas dan ke barat sampai ke Kerian.

Sehubungan dengan pemerintahannya di Larut, banyak kemajuan dan pemodenan telah diperkenalkan oleh pentadbiran Ngah Ibrahim. Beliau sebagaimana ayahnya meneruskan perusahaan ladang tebu di Kerian dan Bagan Tiang begitu juga perusahaan ladang kopi di Asam Kumbang yang dikerjakan oleh orang Melayu tempatan. Semasa pemerintahan Menteri Ngah Ibrahim, pusat pentadbiran Larut berpindah ke Kota Ngah Ibrahim, Matang. Kota tersebut berperanan juga sebagai pusat pertahanan, kerana di dalamnya terdapat gudang menyimpan senjata seperti meriam, senapang, ubat bedil, lembing dan sebagainya. Beliau mempunyai pasukan bersenjata sendiri terdiri daripada orang Melayu dan keturunan Habsyi di samping pasukan berkuda, bergajah dan kereta lembu.

Sebagai pemerintah yang mewakili baginda sultan terhadap kebajikan umat Islam bagi kawasan Larut, Menteri Ngah Ibrahim turut mewakafkan tanahnya untuk dijadikan surau, masjid dan tapak perkuburan. Beliau juga menggalakkan masyarakat setempat meningkatkan syiar Islam dengan mendirikan pusat-pusat kegiatan fardu ain dan kifayah dan melantik guru-guru agama. Dalam memperkukuhkan ekonomi orang Melayu Larut, maka perlombongan bijih timah dapat memberikan peluang pekerjaan kepada sejumlah besar penduduk. Sesungguhnya peranan Ngah Ibrahim terhadap kemajuan dalam membentuk 'Kerajaan Larut ataupun Empayar Larut' dan sejarah perlombongan bijih timah amatlah membanggakan. Kejayaan beliau ini turut dipersetujui oleh sejarawan Barat, menurut mereka:

> He was a man of ability and ambition, he built a road, maintained a small police force, and made some slight effort to govern the country on European lines, while at the same time he strove to earn popularity among his countrymen by entertaining all corners lavishly at his home near Bukit Gantang (Winstedt 1974, 82).

## Masalah Pentadbiran Kerian

Daerah Kerian hari ini adalah daerah yang ditadbirkan secara berasingan di antara daerah-daerah di negeri Perak. Sebenarnya daerah ini dahulu pernah menjadi rebutan antara dua buah negeri, iaitu Perak dan

RAJAH 1 Pentadbiran Ngah Ibrahim di Larut




Kedah. Pada ketika itu sempadan antara negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu masih kabur. Tidak ada sempadan mutlak yang membatasi antara sesebuah negeri. Semasa Empayar Kedah berada pada zaman kegemilangannya, negeri Kedah meliputi Pulau Pinang dan Seberang Prai, ke utara meliputi Setul (Wilayah Islam Setul/Satun Selatan Siam sekarang) dan ke selatan termasuk daerah Kerian.

Sehinggalah menjelang akhir abad ke-18, kerajaan Kedah masih menganggap Kerian sebagai sebahagian daripada jajahan takluknya. Misalnya pada 1785, sebelum British menduduki Pulau Pinang mencatatkan Kerian adalah dalam kawasan negeri Kedah membekalkan bijih timah kepada kepada negeri itu (Topping 1850,42). Kerian yang pantainya menganjur sampai ke Kuala Kurau pula menjadi sarang persembunyian lanun yang mengancam perairan Selat Melaka. Pada Disember 1790, sebanyak 37 buah perahu lanun menetap selama 15 hari di Kuala Kurau. Mereka mengganas dan membakar perkampungan penduduk Kuala Kurau.

Pada 1800, pihak British di Pulau Pinang telah memajak Seberang Prai dari Kerajaan Kedah yang sekali gus membentuk sempadannya dengan Kerian. Selepas itu Kerian dimasukkan menjadi jajahan takluk negeri Perak. Keengganan Perak tunduk kepada Siam menyebabkan negeri Melayu itu berada dalam kebimbangan. Pada 1813 timbul berita mengatakan Siam akan menyerang Perak. Walaupun kedudukan Siam agak jauh, mungkin tidak berdaya menyerang negeri Perak, tetapi khabarnya Siam akan mengarahkan Kedah, sebuah negeri naungannya menyerang Perak. Keadaan ini telah menimbulkan kegelisahan kepada Perak.

Menyedari ancaman Siam menerusi Kedah, maka pada 18 April 1815, Paduka Seri Sultan Abdul Malek Mansur Syah (1806-25) yang memerintah Perak mengutus surat kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-21). Baginda Sultan Perak mengakui kemungkinan pertelingkahan yang timbul kebelakangan ini antara Perak dan Kedah berpunca daripada masalah Kerian. Menurut surat itu lagi:

> I cannot help thinking that the seizure of Crean (Kerian) by my Laksamana and its being given to Radin Muhammad Without your knowledge, it is the cause of this correspondence (Bonney 1971,139).

Susulan daripada itu, Sultan Ahmad Tajuddin dari Kedah mengadu kepada Gabenor Pulau Pinang dalam surat bertarikh 27 Ogos 1816 tentang tuntutan Kedah terhadap Kerian. Jelas baginda Sultan:

> The Laksamana of Perak took Krean (Kerian) and gave it to Tunkoo Radin (Muhammad) without making a word of communication to the king (Sultan Ahmad Tajuddin Kedah) on the subject and that also I know nothing of it . . . (Bonney 1971, 139&262).

Perak tidak memandang ringan akan ancaman ketenteraan pihak Siam, walaupun negerinya berjauhan dengan negara itu. Negeri Melayu Patani telah dikalahkan oleh keganasan tentera Siam pada 1786 dan sejak itu hingga 1810 sebanyak tiga kali tentera Siam menyerang Patani yang terletak di utara negeri Perak. Bagaimanapun Kedah cukup bimbang sekiranya pihak Siam bersungguh-sungguh mahu menyerang Perak kerana sudah tentu negerinya akan menjadi laluan bala tentera Siam. Sebelum pihak Siam berbuat demikian, maka angkatan tentera Kedah pimpinan Bendahara dan Laksamana berkumpul di Kerian, tempat tercetus peperangan selama tiga berakhir pada bulan September 1818. Namun jasa Kedah ini tidak pernah dihiraukan oleh Siam yang bertindak pula menyerang negeri Kedah pada 1821. Akibatnya ramai rakyat Kedah yang melarikan diri dari ancaman Siam memasuki kawasan Kerian dan Larut bagi mendapatkan perlindungan.

Apabila keadaan reda, Sultan Ahmad Tajuddin sekali lagi menuntut kawasan Kerian yang sekian lama menjadi hak kerajaan negeri Kedah. Bagaimanapun pada 1826, Perak telah menandatangani Perjanjian Low yang mendesak Perak berada di bawah perlindungan British dan menjamin kemerdekaannya dari ancaman Siam. James Low dan pedagang-pedagang British di Pulau Pinang sentiasa mendesak serta memberi sokongan terhadap negeri Perak (Bonney 1971, 5). Namun pihak berkusa kerajaan Kedah pada 1848 terus menyatakan hak mereka terhadap Kerian. Tambahan pula orang Melayu penduduk Kerian sendiri masih menunjukkan taat setia mereka terhadap Sultan Kedah dan merasakan mereka adalah sebahagian daripada rakyat negeri Kedah (Logan 1856, 63-64). Semasa pembukaan kawasan lombong di daerah Larut, usahawan bijih timah Long Jaafar telah meluaskan daerah pentadbirannya dan menguasai kawasan Kerian.

Kegelisahan penduduk dan masalah pentadbiran Kerian ini berterusan beberapa lama hingga pertengahan abad ke-18. Pihak British di Negeri-negeri Selat pula sentiasa memerhatikan perkembangan di Kerian. Menurut mereka keadaan di Kerian tidak pernah aman seperti ancaman daripada lanun-lanun dan rebutan kuasa antara Perak dan Kedah. Oleh itu, sekitar Julai 1860 pihak British di Pulau Pinang dan Singapura mendesak Kerajaan Kolonial British supaya turut campur tangan di Kerian bagi kestabilan penduduk di kawasan itu (Turnbull 1972, 303). Kerana keadaan tanahnya yang subur, Long Jaafar pembesar Larut yang menjadi wakil baginda Sultan Perak untuk memungut cukai telah mengusahakan ladang tebu di

kawasan Kerian. Pihak British di Pulau Pinang selepas memajak Seberang Prai, bercita-cita pula untuk meluaskan kawasan mereka memasuki Kerian. Laporan *Penang Gazette*, pada 14 April 1860 turut membuktikan hasrat Inggeris terhadap kawasan yang subur itu:

> Tanah lanarnya yang luas terletak di sepanjang pesisiran pantai terkenal kerana kesuburannya, maka ramailah penduduk yang berpindah dari Pulau Pinang dan Seberang Perai memasuki kawasan Kerian, Bagan Tiang dan Kurau setiap tahun. Setiap keluarga yang membayar cukai sebanyak $1 kepada pihak berkuasa pembesar tempatan. Dengan cukai tersebut membenarkan mereka mengusahakan pertanian di kawasan seluas mana yang mampu diusahakan dengan sewa $1 untuk setengah relung. Kira-kira 30 tahun sebelumnya, kawasan sekitar Bagan Tiang tidak mempunyai penduduk malah terkenal sebagai tempat persembunyian lanun-lanun. Kini Bagan Tiang telahpun mempunyai penduduk tetap seramai kira-kira 200 orang dan keadaanya menjadi bertambah ramai semasa musim padi (Khoo Kay Kim 1984,87).

Semasa pemerintahan Ngah Ibrahim di Larut, beliau telah menghantar Penghulu Haji Osman sebagai penguasa tempatan ke kawasan Kerian. Bagaimanapun, penempatan Penghulu Haji Osman ini telah menimbulkan pertelingkahan dengan Panglima Besar Muhamad Kasasi yang dilantik oleh Paduka Seri Sultan Jaafar sebagai pemimpin Kerian yang ditempatkan di Rantau Panjang, kuala Sungai Kerian. Langkah baginda sultan sengaja melantik Panglima Besar bertujuan mengurangkan kuasa Ngah Ibrahim. Bagaimanapun, perlantikan ini menerima bantahan daripada Raja Muda Ngah Ali yang dipengaruhi Ngah Ibrahim, Ngah Lamat dan Datuk Abdul Ghaffar Panglima Bukit Gantang yang menyatakan perasaan tidak puas hati mereka kepada kuasa British di Pulau Pinang. Menurut mereka, bidang kuasa pentadbiran Kerian adalah menjadi tanggungjawab Datuk Panglima Bukit Gantang dan kepentingan Kerian sangat berharga kerana menjadi kawasan pertanian. Jelas Raja Muda Ngah Ali dan Datuk Abdul Ghaffar Panglima Bukit Gantang kepada British, kekacauan di sempadan disebabkan campur tangan Sultan Jaafar yang tidak sepatutnya melantik panglima Besar Muhamad Kasasi menjadi pembesar Kerian. Ini amat bertentangan dengan adat kebiasaan kerana kuasa pentadbiran di situ sudah pun diberikan kepada Panglima Bukit Gantang.

Keadaan menjadi bertambah kusut lagi, apabila pedagang Cina dari Pulau Pinang, Khaw Koon Chee terlibat dalam peristiwa pembalakan Kerian. Beliau telah memajak kawasan hutan balak sekitar

hulu anak-anak sungai Kerian selama tempoh tiga tahun yang bermula pada 29 Januari 1859. Panglima Muhamad Kasasi enggan menerima perjanjian itu sebaliknya menjual pajakan itu kepada Chang Ngoon Tah dari Pulau Pinang yang memajakkan pula kepada pembalak lain. Penghulu Haji Osman bertindak merampas kayu-kayu balak. Laporan diterima oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang, Robertson, pada 26 April 1856 yang menghantar Inspektor Jeremiah dan pasukan polis ke Kerian. Pertempuran meletus antara pengikut Penghulu Haji Osman iaitu penyokong Ngah Ibrahim dengan anggota polis British dari Pulau Pinang yang terpaksa berundur. Berikutan dengan peristiwa itu, pihak berkuasa British di Pulau Pinang menggesa Sultan Jaafar Perak supaya menarik balik perlantikan Panglima Besar Muhamad Kasasi di Kerian.

Namun demikian, tidak lama selepas itu, Paduka Seri Sultan Perak memajakkan pula kawasan Kerian kepada W.T. Lewis, bekas dan pesara Residen Majlis Pulau Pinang selama tempoh 20 tahun dengan sewa sebanyak $5,000 setahun. Pada 11 Mei 1861, W.T. Lewis membawa masuk seramai 700 keluarga dari Pulau Pinang untuk mengusahakan tanah sawah di Kerian (Turnbull 1972, 303). Tindakan beliau ini telah menimbulkan bantahan Raja Muda Ngah Ali dan dalam suratnya bertarikh 25 Mei 1861 menyatakan:

> Saya mengetahui bahawa sahabat kami telah mengadap Yang Di Pertuan Perak bertujuan memajak Kerian dan Yang Di Pertuan telahpun memberikan pajakan tersebut. Maka inilah sebabnya saya menulis. Yang Di Pertuan sendiri tidak boleh berbuat apa-apa tanpa pengetahuan saya dan orang-orang besar yang lain kerana saya adalah wakil Yang Di Pertuan. Saya adalah saudaranya dan juga bakal pengganti naik takhta Perak dengan kuasa yang sama. Oleh kerana pandangan Yang Di Pertuan dalam hal ini telah tidak menerima nasihat dan pandangan saya, apatah lagi memberi tahu saya tentang perkara ini. Maka saya tidak sekali-kali mengizinkan Kerian dipajakkan kepada sesiapapun juga dari negeri lain (Khoo Kay Kim 1984,141).

Untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya persengketaan, cadangan dibuat dengan membahagikan pendapatan Kerian antara W.T. Lewis dengan pihak orang Melayu pimpinan Ngah Lamat dan anak saudaranya Ngah Ibrahim serta Panglima Besar Muhamad Kasasi. Akan tetapi baginda Sultan Jaafar tidak menyetujui rancangan ini dan melahirkan perasaan marahnya kepada W.T. Lewis, tetapi W.T. Lewis cuba membawa masuk pasukan bersenjata untuk mengawasi petani-petaninya serta menentang Sultan Jaafar. Bagaimanapun pihak berkuasa

British di Pulau Pinang tidak mahu perkara ini berpanjangan, tambahan pula Sultan Jaafar sendiri secara bijak memutuskan menurut persetujuan para pembesar negeri supaya membatalkan pajakannya terhadap Kerian tanpa bayaran ganti rugi.

Semasa di bawah pentadbiran Larut khususnya Ngah Ibrahim, Kawasan Kerian semakin bertambah màju terutama dengan perusahaan tebu, padi dan berbagai-bagai tanaman lain. Pada awal tahun 1820-an, Bagan Tiang (disebut Tiang) dan Selinsing belum diterokai, kecuali Kuala Kurau yang sudah lama didiami masyarakat Melayu (Denison 1886; 18, 349-352). Menjelang akhir abad ke-19 penduduk kawasan Kerian semakin bertambah ramai dengan kedatangan oarang-orang dari Banjarmasin, Kalimantan dan penduduk Melayu Kedah. Kemunculan pekan-pekan baru seperti Bagan Serai dan Parit Buntar membawa perubahan besar sehinggalah Kerian dipisahkan dari Larut sebagai sebuah daerah yang berasingan apabila pentadbiran British berkausa di Larut.

Semasa Perjanjian Pangkor 1874, perkara mengenai sempadan Daerah Kerian telah dibangkitkan semula oleh pihak British kerana minat mereka ke atas daerah itu. Sejak British berkuasa di negeri Perak, Kerian menjadi daerah yang berasingan pentadbirannya dari daerah Larut. Pada masa permulaan British berkuasa, kawasan ini sebahagian besar dipenuhi hutan tanah paya. Seperti mana penjelasan Frank Swettenham pada tahun 1874:

> a roadless jungle with a few padi fields and one or two isolated fishing village on the coast (Swettenham 1893,42).

Pada tahun 1877, Noel Denison dilantik menjadi Hakim Daerah Kerian yang pertama dan beliau juga menyatakan bahawa keseluruhan Kerian adalah hutan. Perlantikan beliau itu membawa banyak perubahan terhadap kemajuan daerah Kerian sehinggalah pada tahun 1881, beliau digantikan oleh G.W. Welman yang dilantik sebagai Hakim dan Pemangku Pemungut Hasil. Pada tahun 1889, daripada jumlah keluasan 36,000 ekar tanah daerah ini, kira-kira 7,500 ekar ditanam padi. Ini menyebabkan jumlah penduduk Kerian semakin meningkat dan pada tahun 1893 penduduk daerah ini berjumlah 3,300 orang. Akhirnya daerah Kerian semakin terpisah daripada pentadbiran daerah Larut dan berkembang sebagai sebuah daerah yang terasing seperti keadaannya hari ini.

## BAB 3

# Kekacauan dalam Larut

## Perang Larut I, 1861-62

Apabila Long Jaafar mula meneroka kawasan Larut dan menemui bijih timah pada 1840, beliau membawa masuk seramai tiga orang pelombong Cina. Tetapi ada sumber lain menyatakan sejak 1795 lagi, pelombong-pelombong Cina sudah pun memasuki Larut cuma mereka tidak menetap lama. Pada 1848, sekali lagi Long Jaafar membawa masuk 20 orang pelombong Cina dari Pulau Pinang untuk mengusahakan lombong bijih timah kepunyaannya. Orang Cina keturunan Hakka, Chen Sang bekerja di lombong yang terletak di kawasan Kelian Pauh dan Asam Kumbang. Manakala sesudah penemuan dua kawasan bijih timah di Kelian Baru yang berhampiran sebuah bukit, barulah pelombong Cina keturunan dari Hakka, Fui Chew berpindah ke Larut.

Sungguhpun ramai orang Cina yang sudah memasuki negeri Perak mengusahakan perlombongan bijih timah tetapi kemasukan mereka ke kawasan Larut adalah untuk merebut kekayaan daripada penemuan sumber bijih timah baru. Sebagaimana yang dijelaskan oleh sarjana Barat, bahawa:

> The Chinese tin miners came to Perak, and they came after about 1850 in ever increasing numbers to the district of Larut. There were Chinese miners elsewhere in Perak in these year, in the Kinta valley and on the Batang Padang River, but Larut was the Chinese mining par excellence. There they were more numerous than elsewhere, more strongly organized, and more closely connected with Chinese society in the Straits Settlements (Cowan 1961, 45).

Semasa Long Jaafar berkuasa, keadaan di Larut adalah stabil kerana penduduk belum ramai dan masih boleh dikawal. Tetapi apabila Ngah Ibrahim meneruskan polisi ayahnya dengan membawa masuk pelombong Cina dari Pulau Pinang, keadaannya bertambah menjadi kacau-bilau. Daripada jumlah 5,000 orang pelombong Cina pada tahun 1850-an, menjelang tahun 1870-an jumlah mereka telah

bertambah menjadi dalam lingkungan antara 35,000–40,000 orang. Dengan kekuatan anggota pasukan keselamatan seramai 40 orang sudah tentu tidak dapat mengawal segala persengketaan yang berlaku sesama mereka. Kebanyakan pelombong Cina di Larut ini sering bermusuhan dan mereka menganggotai pertubuhan-pertubuhan kongsi gelap. Long Jaafar sendiri yang sering berulang-alik dari Larut ke Pulau Pinang, mempunyai rakan niaga dengan tauke-tauke Cina di pulau itu turut menganggotai salah sebuah kumpulan kongsi gelap untuk menjamin keselamatan diri mereka.

Sebenarnya permusuhan yang meletus sesama mereka sebenarnya adalah suatu sengketa yang telah berlarutan sejak berabad-abad lalu dari negara China hinggalah berhijrah ke Pulau Pinang dan Larut. Pada 1860-an kebanyakan pelombong Cina ini menganggotai dua pertubuhan yang terbesar dan berpengaruh. Kumpulan pertama terdiri dari golongan Cina keturunan Kantonis berhubungan rapat dengan pertubuhan Ghee Hin yang dikenali sebagai Si Kwan (Daerah Empat). Manakala kumpulan kedua dari keturunan Hakka (Khek) yang bersatu dalam pertubuhan Hai San lebih dikenali sebagai Go Kwan (Daerah Lima). Orang Cina keturunan Kantonis adalah penduduk asal wilayah Kwantung, namun orang-orang Teowchew, Hailam dan Hakka digolongkan sebagai orang sekitar Kwantung (Khoo Kay Kim 1974). Terdapat juga beberapa keturunan lain yang dialek bahasanya berbeza seperti Eng Teng Hokkien, Koh Yeng Chew, Fui Chew dan sebagainya.

Latar belakang mereka di negara China sendiri amatlah berbeza. Pertubuhan Triad yang kebanyakan anggota asalnya adalah orang Ghee Hin yang beberapa abad lalu adalah suatu pertubuhan yang memperjuangkan unsur-unsur keagamaan rakyat China. Semasa Kerajaan Manchu menguasai pemerintahan negara itu pada abad ke-17, pertubuhan Triad bertukar menjadi pertubuhan politik yang berjuang untuk mengembalikan Dinasti Ming. Bagaimanapun, di Larut pertubuhan tersebut bertukar menjadi persatuan berunsur kongsi gelap yang sering bersengketa dan bertindak ganas. Kebanyakan daripada mereka yang berhijrah ke Negeri-Negeri Selat seperti ke Pulau Pinang datangnya dari masyarakat kelas rendah, penduduk kampung yang miskin dan penjenayah dari wilayah-wilayah selatan dan dari pelabuhan-pelabuhan di Selatan China.

Pembesar Larut, Long Jaafar yang bertanggungjawab membawa masuk pelombong Cina ini telah melantik Low Ah Sam dari Pulau Pinang untuk menguruskan lombong bijihnya di Kelian Pauh. Manakala

Low Ah Sam pula bersatu dengan Chung Keng Kooi (Chang Ah Kwee) berketurunan Chen Sang Hakka yang ditugaskan membawa masuk kuli-kuli Chen Sang Hakka dari negara China. Mereka ini adalah anggota Hai San. Sementara lombong Long Jaafar yang bertempat di Kelian Baru, diusahakan oleh pelombong Cina dari Suku Kantonis Hakka yang dikenali juga sebagai Cina Macao, tetapi Kelian Baru dianggap sebagai penempatan suku Hakka keturunan Fui Chew yang paling ramai. Pada awal 1860-an, dianggarkan bilangan orang Cina di Kelian Pauh berjumlah lebih kurang 4,000 orang dan di Kelian Baru pula berjumlah lebih kurang 2,200 orang.

Satu hari, perselisihan tercetus antara puak pertubuhan Ghee Hin dan Hai San berpunca daripada masalah saluran air di kawasan perlombongan. Seorang pekerja lombong bernama Yang Kew dari Chen Sang (Hai San) dengan seorang pekerja lombong bernama Ah Hin dari Fui Chew (Ghee Hin), mengakibatkan Li Yiang Ong dari Ghee Hin terbunuh. Pada malam harinya, ramai orang Hai San dari Kelian Pauh bertindak menyerang orang Ghee Hin di Kelian baru sambil merompak harta benda daripada deretan lapan buah rumah. Pihak Ghee Hin yang merasa amat ketakutan kerana jumlah mereka yang sedikit dibandingkan dengan Hai San, telah melarikan diri mendapatkan perlindungan di sebuah kampung Melayu di Permatang (Matang). Pemimpin masyarakat Melayu seperti Syeikh Muhammad Taib, Ngah Lamat dan Abdul Jabbar yang merupakan penyokong Hai San tidak melakukan sebarang tindakan melindungi pihak Ghee Hin. Ini menyebabkan pemimpin Ghee Hin di Larut, Lee Ah Kun (Li Ko Yin) yang mempunyai pengikutnya seramai 1,000 orang cuba mendapatkan perlindungan daripada pihak British di Pulau Pinang.

Keadaan ini juga menyebabkan pemimpin Ghee Hin di Pulau Pinang mendesak Kerajaan British di Pulau Pinang itu mengambil tindakan wajar terhadap perbuatan puak Hai San di Larut dan sikap pembesar Melayu Larut yang menyebelahi Hai San. Kerajaan British akhirnya bertindak menyekat Sungai Larut dengan dua buah kapal perangnya, Mohr dan Tonze dan sebuah kapal api Hoogly. Bahkan pihak British dengan gesaan pemimpin Ghee Hin Pulau Pinang menuntut bayaran ganti rugi daripada Paduka Seri Sultan Jaafar Perak di atas kerugian yang dialami oleh pelombong Ghee Hin di Larut. Gabenor Negeri-negeri Selat, Kolonel Orfeul Cavenagh meminta pihak berkuasa kerajaan negeri Perak membayar ganti rugi sebanyak $17,447.04. Baginda Sultan Perak tidak sanggup memenuhi tuntutan

tersebut lalu meminta Laksamana Mohamad Amin memberitahu menantunya Ngah Ibrahim supaya menyelesaikan bayaran tuntutan itu. Pada 11 Mei 1862, Paduka Seri Sultan Jaafar Perak menulis surat kepada Gabenor Cavenagh menyatakan:

> Berkenaan surat yang bertarikh 28 April yang dikirimkan kepada saya melalui Kapten Warwick tentang peristiwa di Larut, saya agak lewat memberikan jawapannya kerana terpaksa memanggil Ngah Ibrahim. Saya telah terangkan kepadanya apa-apa yang telah dipersetujui, iaitu berkenaan jumlah wang $17,447.04 yang akan dibayar sebagai ganti rugi kepada orang-orang Cina Ghee Hin. Ngah Ibrahim menerima persetujuan itu dan berjanji akan menyelesaikan tuntutan tersebut dan saya juga mengesahkan pentadbiran Larut terletak dalam tangan Ngah Ibrahim yang berkuasa penuh untuk menguruskan segala hal ehwal bersama-sama. Diharapkan pertolongan dan bantuan dapat diberikan kepada Ngah Ibrahim supaya dia terlepas daripada pengepungan kapal api dan juga diharap supaya sahabat saya dapat mengatur perjumpaan di antara Laksamana dan Ngah Ibrahim dengan Residen Konsular Pulau Pinang untuk membayar ganti rugi (Khoo Kay Kim 1984, 143-144).

Oktober 1862, Syeikh Muhammad Taib yang menjadi pembantu khas Ngah Ibrahim dalam tugas-tugas pentadbiran telah meninggalkan Larut untuk memegang satu jawatan baru di Pahang. Ngah Lamat pula bersara dengan elaun sebanyak $500 sebulan dan pulang ke Kuala Kangsar tetapi masih berkuasa ke atas Larut terutama di kawasan Kubang Buaya. Ini bererti beliau berhak membeli bijih timah yang diberikan kepada dua orang lagi pemajak iaitu Che Musa dan Che Lah. Perang Larut yang bermula pada Julai 1861 telah semakin aman, kekacauan tidak lagi berlaku di antara kedua-dua puak terbesar Cina iaitu Ghee Hin dan Hai San.

Satu perkara yang mengubah keadaan di Larut ialah kewibawaan Ngah Ibrahim yang telah diangkat martabatnya sejajar dengan kedudukan sebagai hartawan terkaya. Kesanggupan dan kemampuan beliau membayar wang ganti rugi sejumlah $17,447.04 kepada pihak Ghee Hin menerusi tuntutan Kerajaan British di Pulau Pinang telah menarik perhatian para pembesar negeri Perak. Oleh itu, pada 23 Oktober 1863, Paduka Seri Sultan Jaafar telah menganugerahkan gelaran 'Orang Kaya Menteri Paduka Tuan'. Beliau juga menerima mandat dan kuasa pentadbiran sepenuhnya bagi membentuk sebuah 'Kerajaan Larut' yang luas sempadannya dari pendalaman bermula di Bukit Berapit hingga kawasan pantai, ke utara hingga Sungai Kerian dan ke selatan hingga Sungai Beruas. Sejak itu, beliau dikenali sebagai Tengku Menteri, atau Menteri Ngah Ibrahim, atau Wan Ibrahim,

Menteri Larut, atau Raja Larut, bahkan ada yang menyebutnya paduka Seri Maharaja Ibrahim bin Jaafar.

Bagaimanapun, melihatkan kuasa Ngah Ibrahim yang semakin menyerlah, Paduka Seri Sultan Perak pada 31 Mac 1864 telah membuat surat pengisytiharan baru bagi mengurangkan kawasan yang terletak di bawah kawalan 'Raja Larut' ini. Menurut surat baginda:

> Kami ingin memberi tahu bahawa sempadan-sempadan wilayah hendaklah seperti berikut: dari Larut dan Kerian ke Bagan Tiang, inilah sempadannya, yang membentuk negeri Larut, sejauh Bagan Tiang. Dan di pesisiran pantai ke barat sejauh Tanjung Belanak, dari Pasir Gedebu hingga muara Sungai Kerian (Khoo Kay Kim 1984,145).

## Perang Larut II, 1865

Keamanan wujud beberapa ketika di Larut, tetapi puak Hai San masih belum berpuas hati dengan penyelesaian yang dibuat dan menantikan peluang untuk mencetuskan lagi pertikaian. Sebelum Jun 1865, penduduk Cina adalah masyarakat majoriti di kawasan perlombongan Kelian Pauh dan Kelian Baru yang dibahagikan kepada beberapa puak keturunan. Di kawasan Kelian Pauh terdapat kira-kira 100 buah deretan rumah, antara 70-80 buah kepunyaan Chen Sang Hakka, tujuh buah kepunyaan Fui Chew Hakka, tiga buah Eng Teng Hokkien, dua buah Hokkien lain dan dua lagu kepunyaan Hai Lam. Keseluruhan penduduk berjumlah kira-kira 4,000 orang dan daripada jumlah tersebut 3,000 orang bekerja sebagai pelombong ataupun pekebun. Mereka bekerja di kawasan lombong yang berjumlah kira-kira 20 buah yang dimiliki oleh Chen Sang Hakka, tiga buah kepunyaan Fui Chew Hakka dan tiga buah lagi dimiliki bersama antara dua kumpulan Hakka tersebut.

Manakala di Kelian baru pula, penduduknya mendiami antara 40-50 buah deretan kedai kongsi kepunyaan Fui Chew Hakka dengan jumlah penduduknya kira-kira 2,200 orang. Daripada jumlah itu seramai kira-kira 2,000 orang adalah pelombong bijih timah, selebihnya adalah pekebun sayur dan kerja-kerja lain. Di sini terdapat kira-kira 20 buah lombong, 15 atau 16 buah daripada lombong tersebut dikuasai oleh Fui Chew Hakka, tiga buah kepunyaan Chen Sang Hakka dan cuma sebuah saja kepunyaan Hokkien.

Dasar pentadbiran Ngah Ibrahim yang tidak dapat memisahkan kelompok antara Ghee Hin dan Hai San ini menyebabkan sikap permusuhan antara mereka masih berterusan. Walaupun tidak jelas,

sama ada beliau menganggotai kumpulan Hai San, namun sikap beliau yang lebih memihak kepada kumpulan itu menimbulkan perasaan tidak senang puak Ghee Hin di Kelian Baru atau Kemunting. Ini terbukti melihatkan hubungan rapat Ngah Ibrahim dengan Law Ah Sam sebagai ketua masyarakat Cina terutama Chen Sang Hakka (Hai San) di kawasan perlombongan Larut. Ngah Ibrahim, menjelaskan:

> Law Ah San ialah ketua kongsi Hai San dan telah memajak lombong bijih daripada saya. Dia ialah wakil peneroka asal dilombong-lombong ini dan sebagai pemajak beliau menguruskan perlombongan tersebut. Saya sentiasa melindungi beliau yang membayar kepada saya sebanyak $8,000 sebulan untuk 6 bulan pertama setelah kawasan lombong itu dipajak. Jumlah itu akan dinaikkan kepda $10,000 sebulan tetapi sekiranya beliau mendapat keuntungan lebih dari itu, maka beliau boleh menyimpan sebanyak $1,000 sebulan dan selebihnya hendaklah dibayar kepada saya (Khoo Kay Kim 1984,147).

Pada 16 Jun 1865, berlaku pertengkaran di sebuah kedai judi di Kelian Pauh antara seorang Fui Chew dengan seorang puak Chen Sang. Ketika itu Ngah Ibrahim tidak ada di Larut. Mangsa pembunuhan Fui Chew (Ghee Hin) telah diserang olèh orang-orang Chen Sang (Hai San) sambil memekik supaya membunuh keluarga 10 buah rumah yang terdapat di situ. Kesemua penghuni Fui Chew di Kelian pauh menjadi ketakutan cuba menyelamatkan nyawa masing-masing, tetapi seramai 14 orang daripada mereka telah ditangkap dan kemudiannya diikat. Bagaimanapun menurut Loh Chong dari puak Eng Teng Hokkien, seorang saudagar di Pulau Pinang:

> Kira-kira 20 orang Chen Siang (Sang) telah menyerang kedai-kedai tersebut dan pada masa yang sama tin-tong dibunyikan dari rumah ke rumah. Ini diikuti dengan paluan gendang sebagai isyarat memanggil semua orang Chen Siang supaya berkumpul. Saya dapati kira-kira 700-800 orang kesemuanya. Mereka menangkap dan mengikat 3 atau 4 orang Hwe (Fui) Chew yang mereka temui dipasar, termasuk kira-kira 10 orang yang lain. Kemudian, mereka bertindak memecah pintu dan tingkap 3 daripada 7 buah kedai Hwe Chew yang terdapat di Kelian Pauh. Beberapa ramai orang Hwe Chew yang lain lari menuju Kelian Baru (Khoo Kay Kim 1984,149).

Pada pagi 17 Jun keesokan harinya, kira-kira 1,000 orang Chen Sang yang bersenjatakan senapang, pisau, lembing, perisai dan belantan telah merusuh dan bertindak menyerang Kelian Baru. Mereka memusnahkan kedai-kedai dan lombong bijih timah orang Fui Chew. Pihak berkuasa tempatan, termasuk kerani dan mata-mata Melayu yang sepatutnya mengawal keamanan di Larut tidak berani bertindak

bagi menghentikan kekecohan itu. Loh Chong dan Lim Seng, saudagar dari Pulau Pinang merasa bimbang sekiranya pihak Fui Chew dari Kelian Baru akan bertindak balas. Kedua-dua saudagar Pulau Pinang yang mempunyai kepentingan perdagangan di Larut telah diminta oleh ketua Fui Chew bernama Chong Chong (Buyong Adil 1972), menjadi orang tengah untuk menemui ketua Chen Sang, iaitu Law Ah Sam. Bagi mententeramkan keadaan, pihak Fui Chew di bawah pimpinan Chong Chong meminta pihak berkuasa Larut dan kerajaan negeri Perak mengadakan kawalan. Kemudian seramai 100 orang Melayu mengawal di kawasan Kelian baru dan seramai 100 orang lagi mangawal di kawasan Kelian Pauh.

Pihak Chen Sang (Hai San) pimpinan Law Ah Sam menyambut baik cadangan ini. Mereka meminta Ketua Pasukan Keselamatan Larut atau Jemadar di Permatang supaya menghantar pasukan keselamatan ke kawasan rusuhan. Abdul Jabbar, seorang Hakim di Larut dan Che Pandak Leman yang menjadi Bendahari kepada Ngah Ibrahim menghantar seramai 200 orang Melayu lengkap bersenjata ke Balai Pasukan Keselamatan di Permatang atau Matang. Beberapa jam kemudian, kira-kira 20-30 orang pengawal Melayu telah dihantar mengawal kawasan sensitif di Kelian Pauh dan Kelian Baru yang sedang bergolak itu. Abdul Jabbar, selaku pemimpin mengumumkan perintah berkurung, dan tidak membenarkan orang-orang Fui Chew meninggalkan Kelian Baru malah dilarang membekalkan makanan kepada mereka. Beberapa orang Hokkien yang tidak terlibat dalam kekacauan itu pergi ke Kelian Pauh cuba menyelesaikan kekusutan. Mereka membawa berita bahawa pihak Fui Chew bersedia berdamai di meja perundingan dan satu perjanjian akan dibuat pada jam 8.00 pagi keesokan harinya.

Bagaimanapun keadaan berubah secara mendadak, pada tengah malam hari itu juga pihak Chen Sang di Kelian Pauh telah bertindak kejam terhadap 14 orang tawanan mereka. Setelah menjalankan satu upacara sembahyang terhadap bendera puak Hai San, kesemua 14 orang Fui Chew itu telah dibunuh dengan cara meradak seligi tajam menerusi kerongkong hingga darah bersembur keluar. Kemudian darah itu digunakan untuk melumur bendera kemegahan puak Hai San sebagai lambang menyatakan mereka sedang dahagakan darah orang Fui Chew Ghee Hin. Namun demikian, salah seorang daripada mangsa sempat melarikan diri dan mengadu kepada orang Ghee Hin di Kelian Baru.

Seperti yang diduga, kemudian kira-kira 300-400 orang Fui Chew yang lengkap bersenjata dari Kelian Baru yang sudah hilang sabar bertindak menyerang orang Chen Sang di Kelian Pauh. Maka sekali lagi, orang Cina yang tidak terlibat dalam konflik itu khususnya orang Hokkien cuba mendamaikan mereka. Menurut Loh Chong:

Pada 19 haribulan, kami mencadangkan kepada pihak Hwe Chew supaya membayar denda sebanyak $1,000 kepada Chen Sang kerana mereka yang mulakan serangan. Dua daripada tiga orang pemimpin mereka bersetuju dengan cadangan tersebut tetapi ramai yang marah kerana ramai orang mereka yang dibunuh dengan kejam. Beberapa jam selepas itu satu lagi pertempuran meletus antara kedua pihak yang bermusuhan. Kemudian Che Jabbar datang bersama dengan 200 orang Melayu bersenjata sepucuk meriam dan memberi amaran supaya bersurai. Oleh kerana mereka sedang hebat berperang terus tidak mempedulikan amaran itu. Akhirnya tembakan meriam telah dilepaskan ke atas mereka maka barulah orang-orang Hwe Chew berundur ke Kelian Baru (Khoo Kay Kim, 1984,150).

Sementara itu, pihak ketua Chen Sang seperti Law Ah Sam, Chang Ah Kwee dan Lee Kwan Kwee telah meminta bantuan Ngah Lamat dan Panglima Kulup Mat Ali (ipar Ngah Ibrahim) di Kota (Bukit Gantang). Kedua-duanya memberi perintah kepada kira-kira 400 orang Melayu supaya bersedia menyertai pihak Chen Sang untuk bertindak menggempur Kelian Baru. Pada malam 17 Jun 1865, Ngah Ibrahim yang tidak ada di Larut tergesa-gesa pulang ke kediamannya di Matang dan menyatakan sesuatu kepada Panglima Kulup Mat Ali. Kesemuanya menyetujui rancangan Ngah Ibrahim melancarkan serangan ke atas Fui Chew pada keesokan paginya. Oleh itu, pada 19 Jun 1865, Ngah Lamat dan Kulop Mat Ali mengarahkan agar sepasukan terdiri 200 orang Melayu pimpinan Penghulu Sanu menyerang Kelian Baru melalui Asam Kumbang.

Pihak Chen Sang, Hai San sendiri kini mempunyai semangat baru bersama sepasukan lagi orang Melayu menuju ke Kelian Baru mengikut jalan besar dan kumpulan kecil yang lain ditempatkan mengepung kawasan musuh. Kumpulan penyerang ini diarahkan membunuh, menghalau orang Fui Chew, membakar rumah-rumah mereka, memusnahkan lombong dan merampas bijih timah. Akhirnya berlakulah satu pertempuran hebat antara kedua-dua belah pihak. Pertempuran ini adalah kemuncak persengketaan antara puak Ghee Hin dan Hai San yang berlaku pada 20 Jun 1865. Menjelang tengah harinya orang Fui Chew yang sedikit jumlahnya dan tanpa bantuan daripada mana-mana

pihak terpaksa menerima kekalahan dan berundur. Semua rumah di perkampungan mereka di Kelian Baru telah dibakar. Harta benda seperti bijih timah, perabot, bekalan makanan dan barang-barang lain dirampas dan dibawa ke Kelian Pauh. Bijih timah yang dirampas itu dibawa ke Kota dan dileburkan di kilang kepunyaan Ah Kwee, kemudiannya disimpan dalam gudang di Kota.

Orang Fui Chew pengikut Ghee Hin yang kalah itu, seramai 2,000 orang telah diusir dari Kelian Baru. Mereka melarikan diri dalam kumpulan-kumpulan kecil meredas hutan untuk sampai ke Seberang Perai dan Pulau Pinang dan hidup di sana dalam keadaan melarat. Semasa melarikan diri itu ramai di antara mereka sudah tidak berdaya lagi meneruskan perjalanan kerana kecederaan dan kelaparan, mereka mati dalam perjalanan. Pemimpin Fui Chew, So Ah Cheong (Chiang), isterinya Chew Neoh, anaknya Chew Swee Poh, seorang pedagang muda dan isterinya Soh Kim Len dan beberapa orang lain, bertolak ke Pulau Pinang dengan menyusup masuk menerusi Kuala Kurau. Dalam pada itu, Ngah Ibrahim sudah pun berpesan kepada orang Hai San di Kuala Kurau supaya menangkap So Ah Cheong sekiranya beliau melintasi tempat itu. Bagaimanapun, diberitakan bahawa So Ah Cheong telah jatuh sakit semasa melarikan diri hinggakan pengikutnya terpaksa mengusung beliau. Apabila tiba di Kuala Kurau mereka meminta pertolongan Pandak Korik, sebaliknya Pandak Korik menerima perintah dari Ngah Ibrahim supaya menangkap keluarga pemimpin Fui Chew itu untuk diserahkan kepada Ngah Ibrahim di Ujong Tembok. Akhiranya semua kaum lelaki termasuk So Ah Cheong telah dibunuh di Telok Kertang dengan pertolongan seorang pegawai Polis dari Pulau Pinang, isteri So Ah Cheong dan rakannya dapat diselamatkan untuk dibawa ke Pulau Pinang.

Dengan itu terusirlah puak Ghee Hin dari Larut, kebanyakan mereka lari ke Pulau Pinang dan ada yang berhijrah ke Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain. Namun seorang pemimpin Ghee Hin yang baru bernama Ho Ghi Siu telah dilantik di Kelian Baru untuk memberikan semangat baru di kalangan mereka. Pemimpin Ghee Hin di Pulau Pinang begitu marah terhadap orang Chen Sang yang dibantu oleh orang Melayu Larut hingga mereka diusir keluar dari Larut. Satu rayuan mendesak Gabenor Negeri-Negeri Selat di Pulau Pinang menuntut ganti rugi dari pihak berkuasa di Larut seperti yang berlaku dalam Perang Larut I sebelumnya. Jumlah kerugian di kedua-dua belah pihak dianggarkan berjumlah $49,573.40. Tetapi kali ini pihak

berkuasa Kerajaan British di Pulau Pinang memutuskan tidak mahu campur tangan dalam permasalahan ini, malah menjelaskan bahawa:

> . . . campur tangan orang Melayu dalam pertikaian pelombong-pelombong Cina semata-mata disebabkan tindakan rusuhan yang dilakukan oleh pelombong Cina itu sendiri. Kemungkinan tindakan pihak berkuasa tempatan dianggap secara kekerasan tetapi haruslah diingat rusuhan tersebut semakin berlarutan. Tindakan pihak berkuasa tempatan terdiri dari orang Melayu itu bertujuan memulihkan keamanan dan menghalang daripada berlakunya kejadian seumpama yang pernah pun berlaku sebelumnya.

Sungguhpun demikian ada pihak yang beranggapan tindakan orang Melayu Larut pimpinan Ngah Ibrahim menyebelahi pihak Chen Sang dan sebaliknya menghalau orang Fui Chew dari Larut adalah tidak wajar. Tetapi tindakan beliau itu adalah menurut keadaan yang mendesak beliau bersikap demikian dan haruslah disedari bahawa ancaman orang Cina yang jumlah mereka lebih ramai daripada penduduk Melayu Larut akan menjejaskan kestabilan ekonomi, sosial dan politik Perak. Bantuan Ngah Ibrahim terhadap orang Cina Hai San terbukti dalam sepucuk surat peribadi yang ditujukan kepada kerani beliau, Che Karim. Antara kandungan surat tersebut:

> Maka pada malam 12 Syaaban 1289 Hijrah, Encik Ngah Ibrahim bagi hukum pada sahaya (Abdul Karim) naik ke Kota, bantu kuli-kuli Cina bersama mata-mata Melayu. Maka Muhamad Amin (Laksamana) dan panggilkan muat senapang dan ubat bedil masuk kereta kerbau, iaitu senapang 12 peti dan ubat bedil 600 tong 8 kereta, mudik malam itu bersama dengan sahaya, satu kereta muat lembing Cina bagi pada Hai San. Maka Kulup Hamzah membawa pula dari Sungai Limau, 5 ekur gajah muat senapang dan ubat senapang 6 peti, ubat 20 tong bagi pada kuli Chang Ah Kooi (Kwee) dan Kelong di Asam Kumbang pada malam itu juga.
>
> Maka pada waktu pukul 6 datanglah, pukul kuli Cina Ghee Hin ke Kota kemudian melawanlah Melayu dan mata-mata serta kuli-kuli Cina Hai San, maka kuli-kuli Ghee Hin pun lari balik ke Kelian (Baru) dan sahaya suruh ikut maka orang-orang Melayu dan kuli-kuli Hai San berperang ada setengah jam di Kelian Pauh. Maka kuli-kuli Ghee Hin pun lari ke Kelian Baru, diikut kuli-kuli Hai San ke Kelian baru. Maka kuli-kuli Ghee Hin pun langsung lari semua ikut Hulu Kurau.
>
> Kemudian Encik Ngah Ibrahim suruh ikut pada Melayu, suruh bunuh dan tangkap ambil senapang-senapangnya. Orang pun ikutlah sampai ke Sungai Ara dan kuli-kuli Ghee Hin pun banyak juga mati sebab lapar dan terbunuh dan tangkap perempuan lebih kurang 40 orang. Maka kepala-kepala Cina Ghee Hin dibawa ke dalam rumah batu bersama Encik Ngah Ibrahim, kuli-kulinya sudahpun lari habis. Daripada 11

Syaaban 1289 Hijrah, segala kedai-kedai Cina/Melayu di dalam Kelian (Baru) semua habis dibakar kuli-kuli Hai San maka kuli-kuli Cina Ghee Hin yang telah lari daripada Larut itu berhimpun... (Daripada Koleksi Mohd Ali Osman).

Perang Larut II ini telah merebak ke Pulau Pinang iaitu puak Bendera Merah dan Bendera Putih. Pada 3 Ogos 1865 satu rusuhan besar meletus di pulau itu akibat perselisihan kedua-dua puak tersebut. Pihak berkuasa British dapat memadamkan pergaduhan dengan mengenakan hukuman ganti rugi sebanyak $5,000 bagi setiap kongsi gelap yang terlibat. Akhbar berpengaruh *Penang Gazette* menggunakan kesempatan ini mendesak Kerajaan British supaya turut campur tangan dalam masalah kekecohan di Larut. Manakana akhbar *Singapore Free Press* terbitan bulan Ogos 1865 terus mendesak, menurut akhbar itu:

We despair of anything in the shape of effectual protection to life and property, or the permanent establishment peace in Perak until we see the British flag flying there (Turnbull 1970,304).

Gabenor Negeri-Negeri Selat, Orfeur Cavenagh pula meminta keizinan Kerajaan British di India menyekat pantai Larut sekali lagi. Tetapi pihak Culcutta tidak membenarkannya kerana masih berpegang teguh kepada polisi tidak mahu campur tangan East India Company terhadap negeri-negeri Melayu. Untuk mententeramkan keadaan yang meruncing di Larut, Kerajaan Inggeris di Pulau Pinang menghantar Timbalan Pesuruhjaya Polis, W.P. Earl pergi ke Larut pada 21 September 1865. Berhubung dengan masalah rakyat British keturunan Cina yang berasal dari Pulau Pinang terlibat dalam kekecohan itu, pihak British menyatakan sikap mereka bahawa:

If British subject choose to live and trade in an uncivilized country like Perak, they must submit to the local costumes and practices (Turnbull 1970,306).

Kongsi gelap bukanlah faktor yang melibatkan kekacauan. Pergaduhan yang berlaku adalah kerana hubungan tradisi di antara dua suku Hakka yang sememangnya renggang. Pergaduhan dalam Perang Larut II pada tahun 1865 mengakibatkan kematian ramai orang Fui Chew, kerana bilangan mereka adalah kecil, tambahan pula pihak berkuasa orang Melayu tempatan menyebelahi pihak Chen Sang. Segala harta benda dan bijih timah kepunyaan suku Fui Chew dirampas, mereka yang melarikan diri meninggalkan Kelian Baru, tidak berani lagi pulang ke Larut (Khoo Kay Kim 1984,4).

## Perang Larut III, 1872-74

Sungguhpun orang Fui Chew kumpulan Ghee Hin tewas dan terusir dari Larut, namun rakan-rakan mereka di Pulau Pinang sentiasa menantikan saat dan ketika untuk melakukan sesuatu tindak balas. Ketiadaan Fui Chew di Larut digantikan oleh orang Cina San Neng, suatu lagi puak Hakka yang berasal dari tenggara Canton, Kwantung. Ketua atau pimpinan San Neng di kawasan Kelian Baru ialah Ho Ghee Siew, seorang pemaju perlombongan bijih menggantikan So Ah Cheong yang dibunuh di Telok Kertang. Jumlah mereka di Larut sekitar 2,000 orang berbanding dengan pihak Chen Sang, Hai San yang menguasai sebahagian besar perlombongan dengan jumlah 10,000 orang. Masyarakat Cina, San Neng ini pula menganggotai kumpulan kongsi gelap Ho Hup Seah (atau disebut juga Habshya) dan kumpulan ini mempunyai hubungan rapat dengan Ghee Hin. Keangkuhan suku Chen San, Hai San yang dibantu oleh orang Melayu tempatan dan sentiasa memenangi setiap peperangan serta jumlah orang Hai San yang ramai menyebabkan sesuatu pertikaian mudah tercetus.

KETUA DAN ORANG CINA DI KELIAN PAUH DAN KELIAN BARU

**Kelian Pauh**

| | |
|---|---|
| Ketua | : Chang Ah Kwee (keturunan Hakka Chen Sang) dan Low Ah Sam. |
| Nama | : Dikenali sebagai Go Kwan (Daerah Lima). |
| Pelombong | : Kebanyakannya Hakka daerah Chen Sang dan Kantonis, Daerah Lima. |
| Penyokong | : Mulai bulan Mei 1873, kumpulan Toh Peng Kong (Kien Tek kebanyakannya dianggotai oleh orang Cina Hokkien peranakan tempatan. Kemudian disertai oleh kumpulan Hong Seng, di antaranya termasuk pemodal Pulau Pinang seperti Khoo Hong Choi. |

**Kelian Baru**

| | |
|---|---|
| Ketua | : Ho Ghee Siew (Ho Gi Siu), kemudian Chin (Chan) Ah yam, keduanya dari San Neng. |
| Nama | : Puak ini dikenali sebagai Daerah empat atau dalam dialek Hokkien disebut Si Kwan. |
| Pelombong | : Kebanyakan keturunan Hakka dari Daerah Empat atau Sze Yip, Hakka Fui (Hwe) Chew, San (Sin) Neng dan Kantonis. |
| Penyokong | : Ho Hup Seah dan Ghee Hin, para anggotanya terdiri dari pemodal atau tauke-tauke dari Pulau Pinang (Fawzi Basri, 1986,64-65). |

Selepas Perang Larut II tahun 1865, Lee Ah Kun (Li Ko Yin) telah dilantik menjadi ketua Ghee Hin di Kelian Baru, Larut dan juga

sebagai wakil Ho Ghee Siew yang menetap di Pulau Pinang. Sekian lama Lee Ah Kun menjadi pemimpin Ghee Hin di Larut, suatu hari beliau dikatakan terlibat dalam skandal wanita yang menjadi isteri keluarga Chang Ah Kwee, pemimpin Hai San yang terkenal itu. Pada 6 Februari 1872, orang Cheng San, Hai San pimpinan Tay Ah Kong (Chen Ah Kong) telah menangkap Lee Ah Kun dan wanita itu. Kedua-duanya telah diseksa dengan dimasukkan ke dalam kandang babi lalu kemudiannya diarak ke serata pekan supaya menjadi tontonan ramai. Akhirnya dengan cara yang kejam mereka telah dibenamkan ke dalam air sebuah palung bekas lombong hingga mati. Cara ini merupakan satu hukuman wajar yang dilakukan oleh masyarakat di negara China terhadap mereka yang melakukan perbuatan sumbang dengan isteri orang (Buyong Adil 1972,154). Puak Chen Sang sentiasa memperlihatkan mereka sebagai kumpulan kongsi Gelap yang paling kuat di Larut dan keangkuhan mereka ini adalah sebab, untuk mencetuskan peperangan di Larut.

> . . . sebab Perang Larut itu (tahun 1872) ialah perselisihan yang membara antara Triad (Ghee Hin) dan Tokong (Toh Peh Kong, Hai San) mengenai sempadan kawasan bijih timah antara Kemunting (Kelian Baru) dengan Kelian Pauh. Ini ditambah dengan hubungan rapat antara Lee Ah Kun dan seorang wanita dari pihak Tokong di Kelian Pauh yang kononnya dikatakan menjadi isteri kepada salah seorang keluarga Chang Keng Kui (Ah Kwee), ketua Hai San (Khoo Kay Kim 1984,186).

Sebagai ketua San Neng (Ho Hup Seah) Ho Ghee Siew menyedari akan kelemahan mereka di Larut dengan jumlah anggota seramai 2,000 orang sahaja, lalu bergabung dengan Ghee Hin, sedangkan pihak Hai San mempunyai 10,000 orang anggota. Segala perbuatan kejam Hai San menimbulkan kemarahan Ghee Hin dan sentiasa siap sedia untuk menyerang musuhnya. Bagaimanapun rancangan ini telah dihentikan berikutan dengan perjanjian kedua-dua belah pihak, apabila pihak Hai San bersetuju membayar wang sebanyak $2,000. Bayaran pertama sebanyak $500 kepada balu Lee Ah Kun dibayar pada 26 Februari. Namun, bayaran itu tidak diselesaikan oleh pihak Hai San yang memungkiri janji mereka dan perbuatan ini dianggap oleh Ghee Hin sebagai penghinaan.

Sementara itu orang Sang Neng di Kelian Baru yang berpihak kepada Ghee Hin mendapat semangat baru dengan perlantikan Chin Ah Yam bagi menggantikan Lee Ah Kun dan sebagai wakil Ho Ghee Siew di Pulau Pinang. Beliau dikatakan telah bersumpah akan

melakukan pembalasan terhadap perbuatan Hai San membunuh Lee Ah Kun dan wanita tersebut dengan cara yang zalim. Dengan bantuan kewangan oleh Ho Ghee Siew dari Pulau Pinang, orang San Neng, Ghee Hin memdapat bekalan senjata seperti pedang, lembing, tombak, dan lain-lain serta lebih 20 buah perahu naga yang membawa kira-kira 600 orang ahli Ghee Hin dari Pulau Pinang. Mereka bertolak ke Sungai Kerian di Nibong Tebal, mendarat di Matang lalu bersatu dengan orang Ghee Hin di Larut dan menyerang orang Hai San. Sungguhpun pihak Hai San lebih ramai, tetapi mereka diserang hebat dan dapat dikalahkan buat pertama kalinya pada 26 Mac 1872. Mereka dapat menakluki Kelian Baru yang ditinggalkan dan kemudian mengusir pihak Hai San dari Kelian Pauh.

Ngah Ibrahim yang bersimpati dengan nasib orang Hai San telah membelanjakan wang $15,000 menyewa tongkang-tongkang membawa pelarian Hai San ini berlindung ke Pulau Pinang. Namun pertolongan Raja Larut ini dianggap oleh pemimpin Hai San di Pulau Pinang sebagai muslihat, kononnya perlombongan dapat dikerjakan tanpa ancamam dan memperolehi cukai yang tinggi. Berhubung dengan serangan itu Ngah Ibrahim menjelaskan:

> Sementara Law Ah Sam menjadi pemajaknya (pada permulaan berlakunya kekacauan), kira-kira 2,000-3,000 orang Cina datang dengan perahu dari Terong dan lebih kurang 1,000 orang lagi melalui darat. Dengan tidak menyatakan tujuan kedatangan mereka terlebih dahulu, mereka terus menyerang para pelombong. Saya mendengar tentang beberapa laporan yang kurang jelas berhubung serangan tersebut, malah terdapat juga laporan keadaan sebaliknya. Hinggakan saya tidak tahu yang manakah boleh dipercayai. Mereka yang datang itu bukannya pelombong dari Seberang Perai ke Kelian di sebelah kawasan penduduk Melayu dekat Nibong Tebal dan berkumpul di sana.
>
> Saya bertanya, mereka ahli kumpulan mana, mereka menyatakan bahawa mereka adalah tukang kayu dan tukang emas dari suku Ho Ghee Siew, Ah Chan, Guan Teh dan Tong. Selama dua hari mereka menyerang rumah saya (yang diperbuat daripada batu-bata), memecah gudang, membunuh 10 orang mata-mata (Melayu), mencuri bijih timah dan perbuatan lain. Saya menyangka kedatangan mereka adalah pejuang-pejuang yang dihantar dari Pulau Pinang. Saya tidak tahu mereka ahli kongsi gelap yang mana satukah, ada yang mengaku mereka ahli kongsi gelap Ghee Hin, ada pula kongsi gelap Hup Seah (pengikut Ho Ghee Siew) dan ada pula yang mengaku mereka adalah kumpulan Hai San. Pada mulanya saya menyangka mereka adalah rakan Law Ah Sam kerana dia menjadi ketua kongsi gelap yang mana terdapat puaknya sendiri menjadi ahli Ghee (Cowan, 1967,47-48).

Semua pengikut Hai San yang melarikan diri secara beramai-ramai ke Pulau Pinang berhasrat untuk menyerang kembali kumpulan Ghee Hin yang kini menguasai Larut. Pada Jun 1872, satu percubaan membunuh Ho Ghee Siew, pemimpin tertinggi Ghee Hin di Pulau Pinang telah dilakukan dengan memasang ubat bedil di rumahnya. Sebulan kemudian, satu lagi percubaan membunuh Ho Ghee Siew dengan tindakan paling berani, iaitu menikam beliau dari belakang dan dengan tembakan sebanyak dua kali di sebuah lorong yang dipenuhi orang ramai di Pulau Pinang, tetapi beliau tetap terselamat.

Pada 26 September 1872, Chang Ah Kwee dan pemimpin Hai San di Pulau Pinang membuat pengaduan kepada Sir Harry Ord, Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura mengenai kerugian mereka di Larut. Pihak berkuasa British kemudiannya menghubungi Ngah Ibrahim yang menafikan laporan pihak Hai San itu. Pihak British tidak dapat untuk mencampuri urusan di Larut. Dalam pada itu, orang Hai San di Pulau Pinang sedang membuat persediaan besar untuk melancarkan serangan ke atas Ghee Hin di Larut. Ngah Ibrahim menyifatkan persediaan itu sebagai satu ancaman terhadap keamanan di Larut, beliau bersama pemimpim Ghee Hin, Ho Ghee Siew telah memberitahu Left. Gabenor British di Pulau Pinang, George W.R. Campbell dan Gabenor Sir Harry Ord di Singapura mengenai hal tersebut.

Pada 16 Oktober 1872, Timbalan Penguasa Polis Pulau Pinang, Kapten T.C.S. Speedy membuat pemeriksaan terhadap sebuah tongkang Cina di pelabuhan. Tongkang tersebut membawa sebanyak 10 buah peti, setiap peti berisi 20 laras senapang, 6 pucuk meriam kecil dan 90 paun ubat bedil. Setelah diperiksa, surat kebenarannya, tongkang tersebut mempunyai permit sah perjalanan ke Sungai Perak bukannya ke Larut. Namun menurut sumber lain bahawa kelengkapan tersebut melebihi daripada apa yang ditemui oleh Kapten Speedy itu:

> His (Speedy) suspicions were groundless (the powder being in another vessel outside the limits of the port) but he could not fail to notice a hundred Chinese on the board with 200 muskets, leaden bullets, 8 pieces of small ordnance, iron shot, and 400 spearheads. The Nakhoda (skipper) stated that the junk belonged to Ah Choey. . . . however that over a thousand Chinese fighting men were remoured to have to Larut during the week (Parkinson 1868,75).

Menurut laporan pihak berkuasa Pulau Pinang daripada dua orang saksi bernama Chin Too Sen dan Lim Foh Sew, mereka telah menyaksikan sendiri akan persediaan dan kelengkapan senjata yang

dibawa oleh pihak Hai San dari Pulau Pinang. Menurut kenyataan Chin Too Sen:

> . . . last night, I arrived from Laroot and saw Chong Quee (Chang Ah Kwee), Lew Sam (Law Ah Sam) and Fong Meng Choey shipping a quantity of arms on board a vessel in the harbour. I saw the arms in four boats, and taken from them and put on board the vessel. I also saw the above mentioned persons on board the vessel to which the arms were taken. The vessel is owned by Fong Meng Choey, and it was bound to Laroot. I was at the back of Beach Street in the ground of the Hysan Kongsee at the time. I saw the muskets and bundles of arms and also small cannons. There is a disturbances in Laroot, and I belive the arms are shipped to a party who are fighting against the authorities at Laroot. The vessel has now left the harbour.

Seorang lagi saksi di Pulau Pinang bernama Lim Foh Sew menceritakan,

> . . . I am the resident of Penang. That the day before yesterday I saw three men named Lew Sam (Low Ah Sam), Chong Quee (Chang Ah Kwee) and Fong Meng Choey go into a shop opposite to my shop in Oojong Passier (Hujung Pasir), about 10.00 a.m and I saw there (these?) three persons buy a quantity of arms, about 70 or 80 pieces. They were fire-arms, and some were to be used on carriages. I don't know the name of the shopkeeper. The next day about 6.30 p.m. I saw Chong Quee and Lew Sam at the back of the same shop in the beach at the of Beach Street ordering coolies to put arms into boats, there were three boats. The boats were well loaded, and they went to Fong Meng Choey's vessel. I saw them put on board. I was at the time on board of my vessel, which was close to the vessel into which the arms were put. The vessel has sience sailed for Laroot. I was on board the same vessel (Fong Meng Choey's) with Captain Speedy last night, and saw it well loaded with arms. There is fighting now going on in Laroot and I belive the arms were shipped to certain Chinese who are now waging war with the Mantri of Laroot and Perak (Parkinson 1960,76-77).

Ketika tongkang-tongkang Hai San yang berisi segala kelengkapan senjata dari Pulau Pinang dalam pelayaran, keadaan orang Ghee Hin di Larut tidak pula berada dalam persediaan. Menerusi helah seorang pengintip Hai San, orang Ghee Hin bersama Ngah Ibrahim sedang mengadakan pertemuan di Matang, di kediaman Ngah Ibrahim sendiri. Tujuan pertemuan itu untuk melantik seorang ketua Ghee Hin atau Kapitan Cina di kawasan Larut yang kini dikuasai oleh Ho Hup Seah yang bergabung dengan Ghee Hin. Pada ketika itulah angkatan Hai San dari Pulau Pinang tiba dan lantas menyerang orang Ghee Hin yang sedang bermesyuarat tanpa sebarang persediaan. Pihak Ghee Hin mengalami kekalahan yang teruk. Beratus-ratus orang Ghee Hin lari

menyelamatkan diri sekitar kawasan paya dan hutan, ramai pula yang dapat dibunuh. Orang perempuan Ghee Hin yang ditinggalkan di Larut telah diperkosa dan ada yang mengambil tindakan membunuh diri kerana tidak mahu dijadikan tawanan.

Perbuatan ini menimbulkan kemarahan yang amat sangat kepada orang Ghee Hin di Pulau Pinang. Dengan pimpinan Ho Ghee Siew mereka membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan tongkang-tongkang, peralatan senjata malah membawa masuk pejuang-pejuang dari negara China untuk melancarkan serangan balas terhadap perbuatan Hai San di Larut itu. Pada Disember 1872, mereka mula menyerang dengan mendaratkan orang-orangnya di Sungai Limau lalu menyerang Kota Ngah Ibrahim di Matang. Pihak Hai San berundur ke Kelian Pauh, tetapi tidak diburu oleh pihak Ghee Hin kerana bimbangkan kekuatan pertahanan mereka di Kelian Pauh. Dengan itu pihak Ghee Hin berjaya menguasai kawasan persisiran pantai dan menutup pantai Larut, menguasai Matang hingga Simpang.

Dalam pertempuran itu, kediaman Ngah Ibrahim di Matang yang dikawal oleh kira-kira 100 mata-mata Melayu itu telah dikepung beberapa hari dan diserang menyebabkan 10 orang pengawal terbunuh. Ngah Ibrahim berjaya berundur ke Kota Bukit Gantang dan menyerahkan kediaman rasminya di Matang itu kepada pihak Ghee Hin. Persengketaan kedua-dua pihak orang Cina ini bertambah sengit apabila pembesar Melayu turut serta. Pada satu pihak Raja Muda Abdullah yang memang tidak disukai Ngah Ibrahim menyertai Ghee Hin dengan memberi bantuan senjata dan disertai oleh orang Melayu. Dan di satu pihak lagi, Ngah Ibrahim yang kembali semula menyebelahi puak Hai San turut menghulurkan senjata dan bantuan kekuatan orang Melayu untuk menentang Ghee Hin. Raja Muda Abdullah yang sepatutnya ditabalkan menjadi Sultan Perak, tetapi telah diketepikan. Pembesar negeri termasuk Ngah Ibrahim bersetuju menabalkan Bendahara Ismail sebagai Paduka Seri Sultan Perak. Ngah Ibrahim bimbang sekiranya Raja Muda Abdullah menjadi sultan, kekuasaan beliau di Larut akan tergugat kerana mereka tidak pernah sehaluan sejak sekian lama.

Oleh itu kekacauan di Larut terus berlarutan sepanjang tahun 1873. Orang Ghee Hin semakin bertindak ganas, Larut tidak lagi berkeadaan aman seperti di zaman Long Jaafar memerintah ataupun sebelumnya. Di laut terjadi peristiwa serang menyerang antara satu sama lain, sama ada antara orang Melayu dengan orang Cina atau

sesama orang-orang Cina dari kedua-dua puak. Usaha-usaha perdagangan dan kegiatan ekonomi sentiasa terbantut, bekalan makanan khususnya untuk orang Hai San telah disekat oleh Ghee Hin yang menguasai kuala sungai.

Pada awal 1873, sebuah kapal Inggeris Fair Malacca yang memasuki Kuala Larut telah ditembak oleh Ghee Hin. Kerajaan British di Negeri-Negeri Selat bertindak menghantar satu pasukan bersenjata diketuai oleh Kapten Denison dan berjaya menangkap dua buah tongkang Ghee Hin. Memandangkan keadaan Larut tidak lagi aman, Ngah Ibrahim berpindah menetap di kawasan Sungai Kerian. Beliau kini mula berbaik-baik dengan Raja Muda Abdullah yang akan dilantik menjadi sultan, malah mengiktiraf Raja Muda Abdullah sebagai Paduka Seri Sultan Perak. Kemudian beliau berpindah pula menetap di Pulau Pinang bersama keluarganya. Pada 15 September 1873, rumahnya di Menteri Street, Pulau Pinang diserang oleh pengikut Ghee Hin, menyebabkan seorang polis terbunuh dan lima orang mengalami kecederaan.

Pada awal 1873, puak Ghee Hin di Larut melakukan perbuatan kejam terhadap pengikut Toh Peh Kong (Hai San) di Kuala Gula. Ini mengakibatkan puak Toh Peh Kong dan Hai San dari Pulau Pinang bersama lima buah tongkang dan enam atau tujuh buah perahu bertindak menyerang Pantai Gula, merampas harta benda dan membakar rumah-rumah pedagang Ghee Hin. Mereka merampas:

> . . . semua barang-barang yang terdapat di sana, termasuk juga wang tunai berjumlah $450, candu 200 tahil, 2 koyan beras, ubat-ubatan, bekalan makanan bernilai $200, beberapa buah kotak berisikan kain, baju dan seluar bernilai $250 serta perahu-perahu kecil sebanyak 50 buah (Khoo Kay Kim 1984,192).

Tidak lama selepas itu, satu serangan lagi dilancarkan oleh orang Toh Peh Kong, Hai San di sepanjang pantai Gula dan telah merosakkan kawasan pertanian yang disewa daripada Ngah Ibrahim. Pihak Ghee Hin mendakwa kampung mereka dibakar hangus, barang-barang dirampas serta penduduk yang cuba melarikan diri dibunuh dan dicederakan. Kerugian ini berjumlah $6,000 dan $2,000 kemusnahan ke atas kampung Kelumpang, di mana terdapat gudang-gudang mereka.

Pada 12 Jun 1873, pengikut Chang Ah Kwee Hai San telah bertindak melakukan serangan ke atas ladang Khaw Boo Aun di Kelumpang dan Selinsing serta merompak sejumlah $3,500 dan

membunuh seramai 60 orang Teo Chew. Serangan terhadap pengusaha kayu bakau Teo Chew telah menjejaskan bekalan kayu api yang dihantar ke Pulau Pinang. Pekerja Teo Chew ini sekian lama mengusahakan bekalan bahan tersebut di kawasan Kurau terutamanya dari Sungai Gula, Kelumpang dan Selinsing. Mereka membayar cukai sebanyak 40 atau 50 sen kepada setiap sebuah perahu. Serangan tersebut juga menyebabkan penduduk Teo Chew yang berjumlah 1,500 orang berpindah dari situ dan kehilangan pekerjaan mereka. Ketiadaan mereka mengakibatkan bekalan kayu api untuk kegunaan ladang-ladang, kapal wap dan kegunaan di rumah-rumah khususnya di Pulau Pinang telah terganggu.

Orang-orang Ghee Hin, Ho Hup Seah yang menguasai kawasan perairan antara Kuala Kerian, Bagan Tiang dan Tanjung Piandang pula menyerang perahu-perahu penduduk Melayu dan Cina yang membawa bekalan makanan terutamanya kepada musuh-musuh mereka. Kejadian seumpama ini terus dilaporkan berlaku, misalnya pada 23 Julai 1873, dua buah perahu penangkap ikan Cina telah diserang dan dibawa ke Kerian. Pada 24 Julai esoknya, dua kumpulan orang Melayu telah diserang, satu di Tanjung Piandang dan kejadian satu lagi di luar kawasan Tanjung Piandang. Pada 25 Julai seramai empat orang Melayu telah diserang di Kuala Kerian dan keesokan harinya pada 26 Julai, tiga orang lagi orang Melayu diserang di Kuala Kerian juga. Dua orang daripadanya, Yaakub dan Lebai Ali adalah penyewa tanah sawah kepunyaan Ngah Ibrahim di Tanjung Piandang.

Perang di Larut dikatakan merebak ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang lain terutamanya di Pulau Pinang. Di Hilir Perak, seramai 60 orang pedagang Chin Chew dan Hokkien yang sekian lama hidup aman telah diancam oleh puak Ho Hup Seah. Setiap kongsi gelap mempunyai bendera dan lambang perjuangan mereka. Kekacauan dan keadaan tegang antara kongsi gelap menyebabkan pihak British yang mempunyai kepentingan ekonomi yang besar di Negeri-Negeri Selat merasa bimbang kemungkinan merebak ke kawasan pentadbiran Inggeris.

## Taiping

Semenjak Paduka Seri Sultan Ismail Muabidin Riayat Syah, 1871-74 menaiki takhta kerajaan negeri Perak, pemerintahannya sentiasa dicabar oleh Raja Muda Abdullah yang merasakan beliaulah sepatutnya yang

ditabalkan. Raja Muda Abdullah bersama kira-kira 12 buah perahu termasuk 200 pengikutnya menetap di Kerian bagi meluaskan pengaruhnya di kawasan Larut.

Sejak perselisihan itu mereka belum pernah bersemuka bagi menyelesaikan kekusutan. Bagaimanapun pada 25 April 1872 (bersamaan 16 Safar 1289) kapal H.M.S. Pluto yang membawa C.J. Irving wakil Gabenor Negeri-Negeri Selat telah berlabuh di Kuala Larut. Tujuannya adalah untuk menemui Ngah Ibrahim di samping meninjau keadaan kekacauan yang berlaku. Raja Muda Abdullah yang datang dari Kerian secara tiba-tiba muncul mengambil kesempatan menemui perwakilan British menerangkan kedudukan beliau yang sepatutnya dilantik sebagai Sultan Perak. Pertemuan antara Ngah Ibrahim dengan Raja Muda Abdullah adalah yang pertama kalinya setelah sekian lama mereka berselisihan. Turut bersama dalam rombongan dari Singapura itu ialah Muhammad Ibrahim Munshi, seorang penulis terkenal yang mencatatkan peristiwa bersejarah penemuan para pemimpin Perak. (Lihat, *The Voyages of Muhammad Ibrahim Munshi*, h. 104).

Bagi mengatasi masalah persaingan yang wujud antara Raja Muda Abdullah dan Ngah Ibrahim, kedua-duanya bersetuju meminta bantuan Lee Kim Ching dari Singapura. Beliau menyatakan kesanggupan untuk menyelesaikan persengketaan antara puak Ghee Hin dan Hai San di Larut dengan syarat Ngah Ibrahim mestilah mengiktiraf Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak. Di samping itu Lee Kim Ching yang juga merangkap Konsul Siam di Singapura meminta beberapa kepentingan di Larut diberikan kepadanya. Ngah Ibrahim tidak dapat menerima syarat-syarat itu. Penglibatan Raja Muda Abdullah menyebelahi pihak Ghee Hin dan Ngah Ibrahim pula berpihak kepada Hai San menyebabkan perusahaan bijih timah di kawasan Larut turut terjejas dan haknya terpaksa dibahagi dua kepada puak-puak yang bertelagah itu. Sementara carta mereka yang menyebelahi Ngah Ibrahim atau Raja Muda Abdullah adalah seperti dalam rajah 3.1.

Demi keamanan dan kesejahteraan di Larut maka satu pertemuan dalam usaha ke arah kedamaian abadi telah dibuat di Pulau Pinang pada 10 Ogos 1873. Leftenan Gabenor A.E.H. Anson telah menjemput ke rumahnya para pemimpin yang bertentangan di Larut, pembesar negeri Perak dan beberapa orang tetamu perundangan sebagai saksi untuk usaha perdamaian ini. Turut hadir dalam pertemuan penting itu ialah Raja Muda Abdullah, Ngah Ibrahim, Ho Ghee Siew pemimpin

RAJAH 3.1 Mereka yang berpuak kepada Ngah Ibrahim dan Raja Muda Abdullah

| Ngah Ibrahim | Raja Muda Abdullah |
|---|---|
| Law Ah Sam (Hai San) | Chin Ah Yam (Ho Hup Seah) |
| Chang Ah Kwee (Hai San) | Ho Ghee Siew (Ho Hup Seah) |
| Khoo Thean Teik (To Peh Kong) | Tan Kim Chang |
| Foo Tye Sin (Toh Peh Kong) | Khaw (Koh) Boo Ann (Ghee Hin) |
| Ong Boon Teik (Toh Peh Kong) | Edward Bacon |
| Koh Siang tat (Toh Peh Kong) | W.H. Read |

Ghee hin, Chung Keng Kwee (Ah Kwee) pemimpin Hai San dan Foo Tye Sin (dianggap seorang yang bebas tetapi sebenarnya berpihak kepada Hai San). Saksi-saksi yang hadir seperti Tunku Dhiaudin (Tunku Kudin) wakil Sultan Abdul Samad, Selangor dan Kapten Grant nakhoda kapal perang H.M.S. Midge.

Pada pertemuan itu, Gabenor Anson mengajak semua pihak yang terbabit supaya berdamai dan meletak senjata demi keamanan khususnya di daerah Larut yang kaya dengan hasil bijih timah. Raja Muda Abdullah dan Ngah Ibrahim bertanggung jawab memujuk pihak yang bertelagah menghentikan pergaduhan dan menyerahkan senjata masing-masing. Kesemuanya bersetuju untuk menyelesaikan persengketaan mereka selama ini. Namun keesokan harinya, pada 11 Ogos 1873 didapati pemimpin Ghee Hin iaitu Ho Ghee Siew telah memungkiri janji, beliau tidak mahu pergi ke Larut dan merasa bimbang serta enggan mengarahkan para pengikutnya meletak senjata. Oleh itu, rancangan perdamaian Gabenor Anson menghadapi kegagalan. Beliau meminta bantuan Gabenor Negeri-Negeri Selat menghantar kapal perang H.M.S. Thalia mengawal pantai larut.

Ngah Ibrahim yang berada di Pulau Pinang telah menemui Timbalan Pesuruhjaya Polis Kapten T.C.S. Speedy dalam usaha mencari jalan damai. Kapten Speedy bersetuju dengan syarat Ngah Ibrahim mencari jalan untuk menghentikan kekacauan di Larut. Keputusan ini secara peribadi kerana beliau kecewa dengan tindakan Gabenor Sir Harry Ord yang mengetepikannya dengan melantik kapten S. Dunlop memangku jawatan Inspektor Jeneral Polis Negeri-Negeri Selat.

Penghulu Kuala Kurau, Mat Ali turut berada di pejabat Menteri Larut iaitu pejabat Ngah Ibrahim di Pulau Pinang menyatakan bahawa tawaran T.C.S. Speedy bekerja dengan Ngah Ibrahim itu disertakan dengan bayaran pendahuluan sebanyak $15,000. Termasuk 1/3 daripada jumlah pungutan hasil cukai Larut di samping bayaran gaji sebanyak

$5,000 sebulan (gajinya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis cuma $2,400 setahun) yang membawa anggaran pendapatan sebanyak antara £10,000-£15,000 setahun. Sebagai seorang yang mempunyai pengalaman menjadi tentera di India pada 27 Julai 1873 Kapten Speedy belayar ke India. Bagaimanapun tindakan Ngah Ibrahim mengambil Kapten Speedy bekerja dengannya telah menerima kecaman hebat daripada Raja Muda Abdullah serta menyatakan Ngah Ibrahim tidak mempunyai hak di Larut.

Pada 23 Ogos 1873, Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Harry Ord yang berada di Pulau Pinang sekali lagi berusaha mencari perdamaian dengan menjemput Raja Muda Abdullah datang ke Pulau Pinang. Namun Raja Muda Perak ini tidak dapat hadir. Pada 9 September, Gabenor Anson menerangkan kedudukan Ngah Ibrahim kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Harry Ord dan beliau kemudian mengisytiharkan Ngah Ibrahim adalah pemerintah yang sah dan berkuasa di Larut. Sejajar dengan itu, Ngah Ibrahim diberi kuasa membeli dan memiliki bekalan senjata serta dibenarkan mempunyai pasukan bersenjata sendiri di bawah khidmat Kapten Speedy.

Pada bulan September persengketaan di Larut berlaku berterusan. Kapal Perang H.M.S. Midge di bawah Kapten Grant diserang oleh dua buah perahu orang Ghee Hin, dua orang Pegawai British, W. Cresswell dan A. Lindesay tercedera. Sebagai tindak balasnya H.M.S. Midge dengan dibantu kapal H.M.S. Thalia telah membedil kubu Ghee Hin di Selinsing. Kapten Speedy mengambil seramai 110 orang tentera Sepoi dari India keturunan Punjabi (Benggali) dan Pathan sebagai askar upahan untuk mententeramkan Larut. Pada 29 September 1873, Kapten Speedy bersama angkatan dua buah kapal api dan 15 buah perahu membawa tentera-tentera Sepoi lengkap bersenjata menuju ke Larut.

Setibanya di perairan Larut lalu menyekat kekuatan pihak Ghee Hin yang menguasai perairan, muara-muara sungai dan pantai sekitar Larut. Manakala Ngah Ibrahim pula meminta bantuan Paduka Seri Sultan Ismail untuk mengadakan pasukan orang Melayu dengan kekuatan 500-600 orang dihantar ke Kota Bukit Gantang. Penghulu Mat Ali pula diperintahkan mengumpul orang Melayu Kuala Kurau yang lengkap bersenjata untuk menggempur pihak Ghee Hin di Kuala Larut. Tentera pimpinan Kapten Speedy pula memberi tentangan terhadap orang Ghee Hin yang beberapa lama menguasai Simpang yang akhirnya mereka ditawan pada bulan Disember 1873. Tentera Laut British pula bertindak menyekat bantuan dan membiarkan 2,700

orang Ghee Hin yang bersenjata berjuang di Larut dalam keadaan tertekan.

Sementara itu, Raja Muda Abdullah meneruskan usahanya untuk menguasai takhta kerajaan negeri Perak dan bertindak menyingkirkan Ngah Ibrahim bagi membolehkan penguasaannya terhadap daerah terkaya itu. Dasar penjajahan British mula berubah daripada polisi tidak mahu campur tangan ke atas negeri-negeri Melayu, bertukar kepada tindakan untuk campur tangan. Dasar ini mula berkuatkuasa pada 20 September 1873 dan pengisytiharannya dibuat oleh Pejabat Tanah Jajahan di London. Bagi membolehkan pelaksanaannya, maka Sir Andrew Clarke dihantar menggantikan Sir Harry Ord sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat yang baru sejajar dengan perubahan polisi penjajahan British. Sebelum menerima jawatan yang baru ini, Lord Kimberly pada 20 September 1873 menulis surat kepada Sir Andrew Clarke menegaskan tentang perubahan dasar ini, antara lain menyatakan:

> Whether there are, in your opinion, any steps which can properly be taken by the Colonial Government to promote the restoration of peace and order, and to secure the protection to trade and commerce with native territories. I should wish you especially to consider whether it would be advisable to appoint a British Officer to reside in any of the states. Such an appointment could be made with the full consent of the native Government (Sadka 1970).

Sir Andrew Clarke tiba di Singapura dari England pada 4 November 1873 sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat yang baru. W.H. Read menemui Gabenor Clarke pada 13 Disember merundingkan tentang masalah perebutan kuasa pembesar Melayu dan masalah Perang Larut di negeri Perak. Beliau kemudiannya mempengaruhi Raja Muda Abdullah dan merangka sepucuk surat yang ditujukan kepada Gabenor Clarke meminta diadakan suatu perjanjian dengan Kerajaan British. Pada 9 Januari 1874 surat Raja Muda Abdullah diterima oleh Gabenor Clarke sebagai satu mandat politik yang membuka pintu untuk beliau memulakan perubahan dasar yang baru bagi Pejabat Tanah Jajahan.

Kekacauan yang terus berlaku di Larut mendesak Gabenor Clarke menghantar Pegawai Jabatan Hal Ehwal Masyarakat Cina, W.A. Pickering ke Pulau Pinang mencari jalan perdamaian. Clarke kemudiannya menghantar Mejar J.F.A. McNair, Jurutera dan Juru ukur Tanah Jajahan dan Kapten S. Dunlop, Ketua Polis Singapura pergi ke Pulau Pinang selepas itu ke Larut. Di Larut ketiga-tiga Pegawai

British ini menemui Chung Keng Kwee (Ah Kwee) pemimpin Hai San dan Chin Ah Yam pemimpin Ghee Hin serta pemimpin masyarakat Melayu Larut yang bersetuju untuk berdamai.

Proses perdamaian konflik pembesar Melayu dan kekacauan di Larut berjalan lancar menurut beberapa peringkat yang akan ditandatangani di Pulau Pangkor. Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke diiringi oleh Peguam Agung Thomas Braddell, A.M. Skinner dan Lefternan Brackenbury bertolak dari Singapura pada 11 Januari dengan kapal H.M.S. Pluto. Beliau disambut oleh Pickering, Kapten Dunlop, Mejar McNair dan Frank Swettenham yang telah pun berada di Perak. Pada 13 Januari pemimpin-pemimpin Ghee Hin dan Hai San dibawa ke Pulau Pangkor dengan kapal Fair Malacca.

Perjanjian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama bagi menyelesaikan sengketa para Pembesar Melayu negeri Perak, perlantikan Paduka Seri Sultan Perak serta memberikan peluang kepada British untuk campur tangan dalam masalah pentadbiran negeri itu. Kedua berhubung dengan masalah kekacauan ekoran daripada Perang Larut yang berlarutan sekian lama dan telah meragut banyak nyawa serta harta benda. Pihak Ghee Hin sahaja menghabiskan sejumlah $380,000 daripada pendapatan hasil bijih timahnya membiayai peperangan menentang Hai San, malah Raja Muda Abdullah terpaksa meminjam wang sebanyak $16,000 bagi membantu Ghee Hin. Mengenai Larut Frank Swettenham menyatakan:

> The village and every isolated house had been burnt down, almost every mine had stopped work, and the combatants had stockaded themselves in what they consider the most advantageous positions.

Manakala Sir Andrew Clarke sendiri beranggapan bahawa situasi di Larut adalah seperti:

> One huge cockpit, where nothing but fighting, and murder, and violence and piracy were going on. (Gullick 1953).

Perbincangan khusus mengenai huru-hara di Larut diadakan pada 15 Januari antara Chang Ah Kwee bagi puak Hai San dan Chin Ah Yam bagi puak Ghee Hin. Pemimpim masyarakat Cina yang hadir seramai 26 orang akhirnya bersetuju dengan syarat:

1. Menghentikan persengketaan, melucutkan senjata dan membinasakan kubu-kubu.
2. Melantik Suruhjaya Pengaman di Larut terdiri dari Pegawai British dan dua orang perwakilan kedua-dua puak yang berselisih untuk menilaikan jumlah ganti rugi.
3. Pentadbiran Larut akan dikendalikan oleh seorang Residen British dan masing-masing mengikat janji sebanyak $50,000 untuk menjamin keamanan dan mematuhi segala syarat perjanjian.

Pada suatu perbincangan lain yang dihadiri oleh Ngah Ibrahim, Bendahara, Temenggong (kesemuanya Orang Besar Empat), Laksamana, Datok Sagor (Seri Agar Diraja) dan Syahbandar (kesemua Orang Besar Lapan), mereka telah menyokong Raja Muda Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak. Kecuali Ngah Ibrahim yang masih menyokong Sultan Ismail, walaupun baginda Sultan Ismail, Raja Yusof dan Datok Maharaja Lela tidak hadir dalam perbincangan itu. Mungkin juga Ngah Ibrahim menyedari bahawa perjanjian ini adalah satu helah dan muslihat politik pihak British untuk merampas negeri Perak dan daerah Larut yang kaya itu.

Pada 16 Januari, suatu perdebatan hebat antara Ngah Ibrahim dengan Gabenor Andrew Clarke dan Thomas Braddell diadakan. Mereka menafi dan mengecam hak dan kedaulatan Ngah Ibrahim di Larut sebagai pemerintah yang berkuasa. Pihak British tidak begitu senang dengan kedudukan Ngah Ibrahim yang selama ini menguasai perlombongan bijih timah yang menjadi idaman kerajaan kolonial British.

Pada 20 Januari 1874, Perjanjian Pangkor ditandatangani di atas kapal H.M.S. Pluto yang melantik Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak bergelar Paduka Seri Sultan Abdullah Muhammad Syah II. Sultan akan menerima seorang Residen British yang menasihatinya dalam urusan pemerintahan negeri kecuali perkara yang bersabit dengan agama Islam dan adat istidat Melayu. Kapten Speedy yang sebelum ini berkhidmat dengan Ngah Ibrahim kini dilantik menjadi Penolong Residen British di Larut. Ngah Ibrahim tidak lagi diakui sebagai pemerintah Larut yang merdeka seperti sebelumnya. Beliau hanya dianggap sebagai salah seorang pembesar Perak dan daerah Larut akan tertakluk sebagai salah sebuah jajahan di negeri Perak. Para pemimpin masyarakat Cina di Larut bersetuju menerima pentadbiran British sebagai orang tengah menguasai lombong yang

mereka duduki dan memperbaiki urusan perniagaan bijih. Persetujuan tersebut sekali gus menyingkir kekuasaaan pelombong Cina.

Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke telah melakukan sesuatu yang melebihi dari arahan Pejabat Tanah jajahan terhadap perubahan polisi mereka. Beliau bukan sahaja menjadi orang tengah dalam pertikaian pembesar Melayu dan persengketaan pelombong Cina bahkan telah menyempurnakan perlantikan raja dan membawa misi damai kepada Perak. Walaupun berhasil mendamaikan sengketa, namun pada hakikatnya perjanjian ini telah memulakan penjajahan British ke atas Semenanjung Tanah Melayu.

Pihak British telah menyusun kembali pentadbiran di Larut dan memberikan nama baru kepada Kelian Pauh iaitu Taiping yang bererti Kedamaian Abadi sempena tamatnya Perang Larut.

Taiping scarcely heard of in 1874, was now a thriving town, known by its Chinese name, which mean 'everlasting peace' (Parkinson 1960).

Pada mulanya nama Taiping disebut dengan berbagai-bagai ejaan misalnya, Thai Peng, Thai-peng dan sebagainya, meninggalkan nama Melayunya Kelian Pauh dan nama Kelian Baru yang ditukarkan kepada Kemunting. Kini nama Kelian Pauh semakin hilang dari ingatan masyarakat setempat. Tetapi hanya kekal dikenang pada sebatang jalan pertama yang dibina menghubungkan Taiping dengan Kemunting (juga disebut Jalan Keramat Tok Bidan). Seterusnya kelahiran Taiping pada bulan April 1874 terus berkembang sebagai pusat pemerintahan British dan ibu kota negeri Perak pertama sehinggalah meletusnya Perang Dunia II pada tahun 1941.

BAB 4

# Pemerintahan British Pertama

## Hilangnya Pertuanan Melayu

Sungguhpun persetujuan terhadap Perjanjian Pangkor telah dicapai, namun terdapat beberapa orang pembesar negeri membantah kandungan perjanjian itu. Ngah Ibrahim, satu-satunya pembesar Melayu yang berada dalam majlis menandatangi perjanjian tersebut menyuarakan bantahannya terhadap perlantikan Raja Muda Abdullah sebagai Paduka Seri Sultan Perak. Bersama dengan beberapa orang pembesar negeri yang lain Ngah Ibrahim menyatakan rasa tidak puas hatinya terutama tentang hak-hak pentadbiran Larut. Lebih-lebih lagi dengan perlantikan Kapten Speedy sebagai Penolong Residen di Larut yang menjejaskan kewibawaannya sebagai pemerintah yang berkuasa sebelum itu. Tetapi kini beliau terpaksa mentadbir Larut dengan mematuhi nasihat dan segala peraturan mengikut lunas-lunas pentadbiran British seperti yang dikemukakan oleh Kapten Speedy.

Walau bagaimanapun perjanjian itu sudah pun ditandatangani, Raja Muda Abdullah menjadi Sultan Perak. Sementara itu, Paduka Seri Sultan Ismail yang tidak mahu menyerahkan alat kebesaran Diraja telah diturunkan oleh British dari takhta kerajaan negeri Perak. Kerana perasaan tidak puas hati dengan syarat-syarat Perjanjian Pangkor, Ngah Ibrahim telah membayar sebanyak $ 12,000 kepada peguamnya Robert Carr Woods atau R.C. Woods supaya membawa kes Perjanjian Pangkor ke England untuk dibahaskan.

Maka pada suatu pertemuan yang dihadiri oleh Ngah Ibrahim dan pembesar negeri yang lain telah diputuskan bahawa:

1. Alat-alat kebesaran tidak akan diserahkan kepada Sultan Abdullah bagi mengelakkan daripada British dapat mempengaruhi baginda.
2. Peguam R.C. Woods, Haji Abu Bakar dan Raja Yusof mesti berangkat ke England bagi membawa kes memprotes Perjanjian Pangkor seperti cadangan Ngah Ibrahim.
3. Sekiranya timbul sebarang masalah mengenai alat-alat kebesaran maka Tuan Cik hendaklah memimpin orang Melayu atas perintah Sultan Ismail supaya berjuang menentang British.

4. Bekalan senjata, peluru dan perbelanjaan bagi tujuan itu akan dibiayai oleh Ngah Ibrahim.
5. Sejumlah $ 25,000 mestilah disediakan oleh Ngah Ibrahim kepada R.C. Woods dan rombongannya memprotes Perjanjian Pangkor. (Burns 1976, 130).

Ngah Ibrahim tidak mahu menerima syarat-syarat Perjanjian Pangkor kerana menyedari tindak-tanduk pihak British yang ingin menguasai daerah Larut yang ketika itu menjadi nadi utama negeri Perak. Pada 28 Oktober 1874, Ngah Ibrahim pergi menemui Sultan Ismail dan R.C. Woods. Sultan menganugerahkan wang sebanyak $ 20,000 daripada jumlah keseluruhan sebanyak $ 50,000 bagi menampung perbelanjaan ke England. Dalam pada itu, Laksamana Muhamad Amin turut mencadangkan kepada Sultan Abdullah supaya mengeluarkan surat kuasa kepada Ngah Ibrahim.

Pada 4 November 1874, sebagai melaksanakan syarat utama Perjanjian Pangkor, maka Residen British pertama J.W.W. Birch tiba di Kota Belanda, untuk memegang jawatan. Manakala Kapten Speedy dilantik menjadi Penolong Residen British. Ngah Ibrahim pernah menjadi majikannya ketika mengetuai Pasukan Polis Sepoi. Pasukan tersebut telah diserapkan menjadi Pasukan Polis Bersenjata Perak bertempat di Taiping di bawah Kapten Speedy. Dengan campur tangan pihak British dalam urusan pentadbiran menerusi Penolong Residen maka kedudukan Ngah Ibrahim sudah digugat. Kini, kuasa, hak dan ketuanan Melayu sejak zaman dahulu telah terjejas dengan perlantikan Kapten Speedy sebagai Penolong Residen di Larut. Pada April 1874. Frank Swettenham dan Residen Birch menemui Kapten Speedy di Larut untuk meninjau sendiri keadaan perlombongan bijih timah lantas membuka bandar Taiping (Kelian Pauh) dan Kemunting (Kelian Baru).

Kini pendapatan Ngah Ibrahim mulai merosot, hutangnya bertambah kerana dalam peperangan di Larut pada tahun 1861-74, Kapten Speedy yang berjawatan sebagai Ketua Polis Larut yang dianggotai oleh 110 orang Sikh, Hindu dan Pathan ditanggung oleh Ngah Ibrahim. Ini ditambah dengan pasukan mata-mata terdiri daripada 100 orang Melayu yang diketuai oleh *Jemadar* menjadikan kedudukan kewangan Ngah Ibrahim terjejas. Semasa mengadap Sultan Abdullah di Bota pada 30 Disember 1874, Ngah Ibrahim mengakui dan mengingatkan baginda bahawa beliau sendiri kehilangan kuasa dan wang akibat daripada perlantikan Kapten Speedy.

Kira-kira setelah empat hari berada di Perak, Residen J.W.W. Birch mula melaksanakan beberapa peraturan baru bercanggah dengan amalan budaya tempatan yang menggugat kedudukan Baginda Sultan dan pembesar negeri Perak. Beliau mencadangkan perubahan terhadap kutipan cukai, sistem kewangan dan pentadbiran negeri. Cadangan ini telah membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Melayu Perak. Kepada Ngah Ibrahim, Residen British menegaskan bahawa beberapa rancangan akan dilaksanakan bagi masa depan rakyat dan negeri Perak yang berada di bawah naungan British. Kedatangannya sebagai Residen British adalah bagi menyelesaikan masalah sempadan Dinding dan Kerian, membentuk sistem pajakan candu dan pungutan cukai di setiap kuala sungai hendaklah dilakukan oleh pegawai kerajaan.

Dalam pengutipan cukai, beliau meletakkan pegawai kerajaan keturunan British yang dilantik kononnya sebagai wakil sultan. Tindakan beliau ini diluluskan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke. Justeru itu, sesiapa memungut cukai yang bukan keturunan British akan dikenakan denda. Keadaan ini mencetuskan perasaan kemarahan pembesar Melayu yang sekian lama diberi kuasa oleh baginda Sultan Perak memungut cukai di muara-maura sungai. Maka persengketaan di antara orang Melayu Perak terhadap Residen Birch timbul secara mendadak. Misalnya, pada 9 Disember 1874, Residen Birch mengarahkan supaya membakar rumah Raja Ngah (bergelar Tengku Panglima Raja), saudara Sultan Ismail yang memungut cukai di Kuala Bidor, sedangkan kawasan ini adalah anugerah sultan kepadanya. J.W.W. Birch kemudianya mengarahkan penangkapan ke atas Tuan Cik dan Haji Abu Bakar, kedua-duanya ialah pengikut setia Sultan Ismail.

Melihatkan segala tindak-tanduk Residen British di negeri Perak, maka baginda Sultan Abdullah mahupun bekas Sultan Ismail, Ngah Ibrahim dan para pembesar negeri merasakan sesuatu tindakan yang wajar mestilah diambil. Beberapa kali mesyuarat diadakan oleh pembesar Melayu Perak mengenai ancaman dan campur tangan British yang semakin ketara malah lebih daripada yang dipersetujui dalam Perjanjian Pangkor (Abdullah Zakaria Ghazali 1993, 20-43). Para pembesar Melayu yang berselisih seperti Sultan Abdullah, Sultan Ismail, Ngah Ibrahim, Laksamana dan sebagainya kini bersatu menentang ancaman baru yang melanda.

Perpustakaan Negara

Akhirnya pada satu mesyuarat yang berlangsung pada 21 Julai 1875, di Durian Sebatang yang dihadiri oleh Sultan Abdullah, Raja Idris, Kundah Muhamad (wakil Bendahara dan Seri Maharajalela), Wan Hussein (wakil Temenggong), Penghulu Mat Ali (wakil Ngah Ibrahin), Laksamana Muhamad Amin, Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor (Seri Agar), Datuk Muda Abdul Ghaffur (Panglima Bukit Gantang) dan ramai lagi mengambil keputusan bahawa Residen British J.W.W. Birch mesti dibunuh. Semua yang hadir bersumpah tidak akan memungkiri janji sepakat dengan keputusan yang telah dicapai. Residen Birch sudah keterlaluan, mencemar dan mencabuli kedaulatan dan hak ketuanan bangsa Melayu di negeri Perak.

Penghulu Mat Ali dari Kuala Kurau diberi kuasa penuh mewakili Ngah Ibrahim ditemani Haji Omar, Iman Kampung Kurau, Husein dan Haji Sulaiman pada mesyuarat itu merancang menyerang British, bermula dari bahagian hulu Sungai Perak. Apabila pulang ke Larut, Penghulu Mat Ali melaporkan kepada Ngah Ibrahim tentang keputusan mesyuarat Durian Sebatang dan strategi perjuangan menentang British. Tidak lama selepas itu, wakil Sultan Abdullah, iaitu, Uda Tok Yeop bersama kira-kira 20 orang pengikut membawa 200 pucuk senapang menemui Penghulu Mat Ali. Beliau mencadangkan kepada Penghulu Mat Ali supaya meminta bantuan kewangan daripada Ngah Ibrahim bagi membeli peluru. Kedua-duanya pergi menemui Ngah Ibrahim di Kota Bukit Gantang yang memberikan wang sebanyak $1,000 untuk tujuan tersebut. Sebanyak $300 daripadanya telah diberikan Penghulu Mat Ali kepada anak saudaranya, Encik Dayan yang diarahkan pergi ke Pulau Pinang mendapatkan bekalan bahan letupan berkenaan. Kira-kira seminggu selepas itu, sebanyak 15 atau 20 tong ubat bedil, satu pikul pelumbum untuk dicampur dengan peluru dan satu koyan beras telah dibawa pulang sebagai bantuan Larut dalam usaha menentang British itu.

Akhirnya sebagaimana yang dirancangkan, pada 2 November 1875 Residen British ke negeri Perak, J.W.W. Birch telah dibunuh di Pasir Salak ketika beliau mandi dan sedang dalam perjalanan ke serata kampung menyebarkan surat pengisytiharan kuasanya. Berita kematian beliau telah menggemparkan Kerajaan Negeri-Negeri Selat dan Pejabat Tanah Jajahan di London. Berita ini juga dilaporkan kepada Leftenan Gabenor A.E.H. Anson di Pulau Pinang yang kemudian melaporkan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir William Jervois di Singapura yang baru menggantikan Sir Andrew Clarke. Selepas itu Sir William

Jervois meminta bantuan ketenteraan dari London, India dan Hong Kong bagi memerangi orang Melayu dalam 'Perang Perak'.

Berita kematian Residen Birch sampai ke pengetahuan Penolong Residen Kapten Speedy di Taiping pada malam 3/4 November 1874, lalu beliau menghantar Pasukan Polis pimpinannya ke Kuala Kangsar bagi mencari Frank Swettenham yang juga dalam usaha menghebahkan penampalan surat pengisytiharan. Pada 4 November, Penolong Residen Kapten Speedy memanggil semua pemimpin masyarakat Melayu, Cina dan India di Larut bagi membantu British. Bagaimanapun orang Cina Larut sebaliknya menyebelahi pihak British lantaran cuba menyekat kemaraan orang Melayu Kuala Kangsar menyerang British di Larut. (Fawzi Basri 1986, 86). Namun demikian serentak dengan pembunuhan Birch di Pasir Salak, Ngah Ibrahim mengarahkan Yeop Ahmad supaya memerintahkan Penghulu Mat Ali, bersama Long Khamis, Haji Sulaiman, Imam Haji Omar, Majid dan seramai 200 orang pejuang Melayu Kuala Kurau menyerang Pejabat Kastam, Kota Setia, Hilir Perak. Tetapi pasukan yang dilengkapi dengan senjata seperti lela, senapang dan bekalan peluru dengan setiap perahu boleh dinaiki kira-kira 15 orang itu tidak dapat melancarkan serangan kerana dikepung oleh kapal perang British yang mengawal pantai Kuala Kurau.

Pada 16 November 1875, angkatan tentera British yang terdiri daripada anggota Regimen Ke-80 pimpinan Mejar Jeneral F. Colborne dari Hong Kong dengan anggota seramai 300 orang tiba di Singapura lalu menuju ke negeri Perak. Pada 26 November 1875, pasukan bantuan dari India pimpinan Bragadier Jeneral J. Ross, bersama pegawai-pegawainya Mejar Mark Heathcote, Mejar H.L. Hawkins, Leftenan J.J Preston, Mejar Twigge dan Kapten A.R. Badcock, berserta 600 tentera Regimen Ke-3 dan 400 orang pasukan Gurkha tiba di Pulau Pinang. Pada 3 Disember, tentera British dari India ini bergerak menerusi Larut menuju ke kawasan Hilir Perak di mana berlakunya Perang Perak. Tentera British yang berada di negeri Perak ini dibahagikan kepada dua pasukan, pasukan selatan di bawah Mejar General Colborne dengan 240 orang tentera darat, 70 laskar atau tentera laut dan 80 buah perahu. Manakala pasukan utara dari Larut menuju Kuala Kangsar pimpinan Bragadier Jeneral J. Ross menggempur dan menghapuskan pejuang orang Melayu Perak yang lemah dengan sistem pertahanannya.

Perpustakaan Negara

Dengan itu, seluruh kekuatan orang Melayu telah digempur oleh kecanggihan senjata pasukan tentera British yang menggunakan meriam *Howitzer* laras 12 dan perlancaran roket. Akhirnya seluruh pertahanan orang Melayu berjaya dipatahkan satu demi satu dengan memusnahkan benteng dan kota pertahanan yang dibina daripada kayu. Perkampungan orang Melayu telah dibakar hangus. Semua tempat yang disyaki menjadi persembunyian para pejuang telah dirempuh dan digeledah. Ramai orang Melayu penduduk kampung yang tidak berdosa telah terkorban kerana tindakan ganas pihak British ketika berusaha menghancurkan pejuang Pasir Salak yang dikenali sebagai Perang Perak. Pemimpin masyarakat dan pembesar Melayu tempatan telah diburu ke segenap ceruk negeri untuk ditangkap ataupun dibunuh. Negeri Perak berada dalam perpecahan, di kalangan para pembesar sudah tentu tidak membuat sebarang persediaan, walaupun mereka menyedari segala tindakan pihak berkuasa dan tentera British memberi ancaman kepada maruah negeri. Paling menyedihkan, ketika rakyat Perak khususnya orang Melayu sedang menghadapi tindakan tentera British, Sultan Abdullah dan Ngah Ibrahim meminta sokongan orang Cina di Larut. Sultan Abudllah dan Ngah Ibrahim sendiri pernah memberi sokongan ketenteraan kepada orang Cina Ghee Hin dan Hai San semasa Perang Larut. Namun masyarakat Cina di Larut mengambil sikap berdiam diri dan tidak mahu terlibat kerana kurang yakin dengan perjuangan orang Melayu menentang British. (Fawzi Basri 1986, 85).

Akibatnya, pejuang-pejuang Melayu yang ingin menegakkan kedaulatan dan kewibawaan bangsa yang dicabuli ini telah diberkas seorang demi seorang dan dihukum sampai mati. Kota Ngah Ibrahim di Matang dijadikan tempat mahkamah perbicaraan yang dimulakan pada 14 hingga 22 Disember 1876. Mahkamah menjatuhkan hukuman mati ke atas panglima-panglima seperti Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor dan Pandak Endut, manakala pejuang-pejuang yang lain seperti Ngah Jabor, Panjang Bur, Kulub Ali dan Tuah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Walaupun Ngah Ibrahim tidak terlibat dalam gerakan ini, tetapi beliau dianggap British sebagai seorang yang pintar dan merbahaya dalam senarai Orang Besar Perak yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W. Birch. Sebagai tokoh yang berani menyuarakan tentangannya terhadap Perjanjian Pangkor, maka tuduhan kepada Ngah Ibrahim antara lain:

1. Pada bulan Julai 1875, Menteri Larut, Ngah Ibrahim menghantar Penghulu Mat Ali mewakili dirinya menghadiri mesyuarat di Durian Sebatang.

2. Menteri Larut memberikan wang sebanyak $1,000 kepada Penghulu Mat Ali untuk membeli senjata bagi menyerang Kota Setia.
3. Akhir bulan Ogos 1875, beliau mengadap Sultan Ismail dan merestui Datuk Maharaja Lela untuk membunuh J.W.W Birch.
4. Ngah Ibrahim menghadiri pertemuan rahsia pada bulan September 1875 di atas perahu Laksamana secara terbuka menyetujui rancangan membunuh Birch.
5. Ngah Ibrahim pernah menasihati Sultan Ismail supaya menolak cadangan Gabenor tetapi memberi kuasa kepada Maharaja Lela membunuh J.W.W. Birch.
6. Dalam mesyuarat yang sama, Ngah Ibrahim merancang bersama Laksamana supaya menyerang dari Kuala Kangsar dan Bandar Baru, Hilir Perak.
7. Ketika perbicaraan kes pembunuhan J.W.W. Birch beliau masih mengirim pesan kepada Penghulu Mat Ali supaya meneruskan serangan ke atas Kota Setia.

Berdasarkan tuduhan di atas ternyata, Ngah Ibrahim adalah perancang yang pintar dan tidak menampakkan penglibatan beliau secara langsung, walaupun diakui oleh Sultan Abdullah bahawa Ngah Ibrahim dan mentuanya Laksamana Muhamad Amin adalah dua orang tokoh utama yang mencetuskan gerakan menentang British. Akhirnya Paduka Seri Sultan Abdullah Muhammad Syah bersama tiga orang pembesar Perak, Ngah Ibrahim (Menteri Larut), Laksamana Muhamad Amin dan Shahbandar telah dijatuhkan hukuman buang negeri. Pada 20 Julai 1877 dengan menaiki kapal *Carherstone*, diiringi seramai 24 orang lelaki dan 23 orang perempuan, Sultan Abdullah, Ngah Ibrahim, Muhamad Amin dan Shahbandar berangkat ke Pulau Seychelles (orang-orang Melayu menyebut Pulau Sisir), terletak di Lautan Hindi di sebelah timur benua Afrika untuk menjalani hukuman.

Dengan pembuangan Paduka Seri Sultan Perak dan Ngah Ibrahim khususnya, maka hilanglah hak ketuanan orang Melayu di negeri Perak secara mutlak. Ketiadaan Sultan Abdullah bersama perlantikan sultan yang baru oleh pihak berkuasa British maka mudahlah urusan pentadbiran British di negeri Perak. Penolong Residen Kapten Speedy yang kemudiannya digantikan oleh William E. Maxwell sebagai Pemangku Penolong Residen di Larut. Segala kekayaan hasil pendapatan dari perlombongan bijih timah dengan senang dapat dikaut oleh pihak British kerana ketuanan Melayu di Larut telah hilang dan Ngah Ibrahim dianggap sebagai tokoh dalam peranannya menghadapi peperangan di Larut dan perjuangannya menentang British.

Sebagai pejuang kebebasan untuk memartabatkan ketuanan bangsa Melayu di Larut dan negeri Perak amnya, Ngah Ibrahim juga berperanan sebagai usahawan, pentadbir negeri dan ahli politik. Dalam menghadapi pihak British beliau bijak memainkan peranan tidak secara terus

Perpustakaan Negara

terang dan tiada bukti yang kukuh menuduhnya membunuh J.W.W. Birch. Perjuangan Ngah Ibrahim yang tidak mahu bahasa dan adat budaya Melayu dirosakkan oleh campur tangan awal British. Dalam menegakkan ketuanan Melayu di Larut, Ngah Ibrahim yang berketurunan daripada pembesar atau pemerintah Melayu, terlibat dalam mentadbir dan mengembangkan perniagaan ayahnya dan memajukkan daerah Larut. Kekayaannya tidak terkira dan beliau menggunakan kekayaannya itu untuk menegakkan kedaulatan bangsa dan ketuanan Melayu (Abdullah Zakaria 1990).

Kemasukan orang Cina ke Larut berpunca daripada perlombongan bijih timah. Mereka dibawa oleh Long Jaafar atau anaknya Ngah Ibrahim. Mereka datang semata-mata kerana hasil bijih timah, ini bermakna Larut merupakan pusat penting dalam sejarah perlombongan bijih timah. Long Jaafar dan Ngah Ibrahim menjadi usahawan Melayu yang pertama berjaya mengumpulkan kekayaan. Mereka sebagai pengasas kepada pembukaan serta kemajuan Larut. Pihak British di Pulau Pinang mempunyai minat untuk menguasainya, justeru itu campur tangan British di Perak adalah hasrat yang tersirat kerana sumber ekonomi, bukannya kerana masalah untuk menyelesaikan perselisihan pembesar Melayu dan sengketa Cina di Larut. Pada mulanya British di Pulau Pinang tidak berminat mencampuri urusan pemerintahan negeri-negeri Melayu, tetapi setelah Larut terkenal dengan kekayaan hasil bijih timah, maka British mula membuka mata. Apabila seorang British dibunuh, sebagai tindak balasnya pihak berkuasa British membunuh, menghukum dan membuang negeri ramai orang Melayu. Pertuanan Melayu di negeri Perak digugat, ketuanan Melayu di Larut tercemar, kemudian seluruh negeri Perak dikuasai British.

## Pentadbiran British di Larut

Sebenarnya campur tangan British di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu telah lama berlaku iaitu sejak mereka mengambil Pulau Pinang dari Kedah pada bulan Julai 1786. Selepas, itu mengambil Melaka daripada tangan Belanda pada tahun 1824. Penyerahan Singapura oleh Kerajaan Johor pada tahun 1819 sehinggalah tertubuhnya Negeri-Negeri Selat (*Strait Settlements*) yang mengandungi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Maka setelah bertapak di Negeri-Negeri Selat, pihak British mula memonopoli segala sumber hasil mahsul negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu yang memberikan

keuntungan atau laba yang cukup lumayan kepada Syarikat Hindia Timur.

Sungguhpun polisi pihak British tidak mahu campur tangan terhadap negeri-negeri Melayu, tetapi secara tidak langsung tindakan mereka sebagai 'pendamai' kepada masalah politik yang berlaku adalah suatu campur tangan. Penghantaran Pegawai-pegawai British seperti John Crawford, Robert Fulerton, Henry Burney dan James Low untuk mendamaikan persengketaan di negeri-negeri Melayu adalah penglibatan langsung British pada peringkat awal. Begitu juga campur tangan semasa peperangan di Larut demi menjaga kepentingan perdagangan di Negeri-Negeri Selat.

Bagaimanapun campur tangan berbentuk pentadbiran secara menyeluruh berlaku apabila Perjanjian Pangkor ditandatangani berikutan dengan desakan Setiausaha Tanah Jajahan di London, Lord Kimberley. Dalam memorandumnya terhadap perlantikan Sir Andrew Clarke sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat pada akhir 1873, beliau menyatakan:

> Adalah menjadi tugasnya yang penting bagi hubungan dengan negeri-negeri Melayu yang bukan di bawah kekuasaan Siam. Memandangkan keadaan kacau-bilau semakin bertambah di beberapa buah negeri di Semenanjung yang mengakibatkan kerugian kepada perdagangan dan kepentingan British maka sudah tibalah masanya suatu langkah patut diambil untuk memulihkan keadaan seperti itu. (Emerson 1976, 167).

Perlantikan Residen British bermula di negeri Perak ini dan dikehendaki menasihati baginda sultan dalam semua hal pentadbiran negeri kecuali perkara-perkara yang menyentuh tentang agama Islam dan adat istiadat Melayu. Raja Melayu dibenarkan meneruskan kesinambungan sistem pemerintahan tetapi mestilah mengikut nasihat Residen.

Residen British menghadapi suatu tugas yang besar dan mestilah memulihkan ketenteraman rakyat. Beliau juga bertanggujawab untuk membina suatu sistem yang sempurna terhadap pemungutan hasil cukai. Pentadbiran British menerusi Residen haruslah memikirkan yang boleh memberi untung kepada kerajaan Kolonial British. Pertama, melantik seorang Pengawai British dengan gajinya yang murah dibayar oleh Kerajaan Negeri. Keduanya, memberikan kebebasan kepada Kerajaan Kolonial British melaksanakan ciri-ciri pentadbiran Barat berlandaskan pemerintahan tempatan untuk masa depan penjajah British di negara ini. Pada pandangan pihak British, campur tangan menerusi

Perpustakaan Negara

lantikan seorang Residen ini adalah yang terbaik tetapi orang Melayu merasakan bahawa sistem ini menggugat pemerintahan dan budaya Melayu. Sungguhpun kelihatan baginda sultan yang berkuasa memerintah tetapi pemerintah sebenarnya di bawah kuasa Residen British.

> The Resident went on to built up modern administrations, staffed by British districts and depatmental officer, and separate civil services came into being. Subject only to control of the Goverment in Singapore, they initiated legislation and framed policy in all its aspects, and ruled their states almost as benevolent despots. (Stevenson 1977, 2)

Sehubungan dengan itu, perlantikan J.W.W. Birch sebagai Residen British pertama di negeri Perak adalah permulaan suatu campur tangan pihak British terhadap sistem pentadbiran negeri Perak. Beliau memperkenalkan perubahan kutipan hasil cukai, walaupun menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan para pembesar termasuk baginda sultan sendiri. Beliau memutuskan segala kerja-kerja bersabit dengan pungutan hasil dan cukai adalah menerusi perlantikan pegawai-pegawai British. Peraturan baru yang disusun semula dilaksanakan ke atas sistem cukai senjata, padi, perahu, memotong atap, pajakan candu, arak, judi dan kebenaran mengusahakan kayu balak (Cowan 1967, 302). Peraturan baru ini memperkemaskan lagi pembukaan kawasan perlombongan dan tanah pertanian. Cukai-cukai tertentu diperkenalkan dengan alasan bagi menambahkan hasil negeri. Misalnya, perahu nelayan yang boleh membawa tiga orang dikenakan cukai sebanyak 50 sen. Sesiapa yang melanggar peraturan akan dikenakan denda tidak melebihi $20.00 dan perahu-perahu tersebut dirampas. Ini menimbulkan kegelisahan rakyat dan perasaan tidak senang di kalangan pembesar tempatan.

Untuk mengukuhkan sistem pemerintahan British, jawatan penghulu yang dahulu berdasarkan warisan dan tauliah sultan, kini tanpa tauliah sultan. Sikap pegawai pentadbir British yang berkhidmat di negeri Perak pada peringkat awal penglibatan kuasa mereka adalah angkuh serta memandang rendah terhadap penduduk Melayu yang dianggap tidak bertamadun. Kesombongan pegawai pentadbir British mencemuh setiap perlakuan serta kekurangan masyarakat Islam tempatan,

> Its is true that most of the first groups of administators saw themselve as the bearers of a higher civilizations but their approach was more pragmatic and leisurely. (Stevenson 1975)




*Sumber: Swettenham*

RAJAH 2 Sekatan dan kubu di Sungai Larut.




*Sumber: Swettenham*

RAJAH 3 Kubu pihak Ghee Hin (*Si Kwan*) di Sungai Larut.




RAJAH 4 Kubu Kapten Speedy di Simpang.




PETA 1 Lokasi Pulau Kelumpang.




PETA 2 Larut tahun 1870-an.




PETA 3 Kawasan perlombongan bijih timah terkaya di Tanah Melayu.




PETA 4 Larut dan kawasan pantai Negeri Perak, 1870-an.




GRAF 1 Pengeluaran bijih timah Larut 1876-1899.




Sumber: Wayte, M.E. JMBRAS, Jilid 22 Bhg.1 (1959)

GRAF 2 Kemerosotan Bijih Timah Larut 1884-1902.



GAMBAR 1 Chung Keng Koi atau Ah Quee, 1829-1901.



GAMBAR 2 Kapten T.C.S. Speedy, Penolong Residen Larut.

Perpustakaan Negara



GAMBAR 3 William E. Maxwell.



GAMBAR 4 Kolonel R.S.F. Walker, Ketua Polis Perak.



GAMBAR 5 Sir Hugh Low.



GAMBAR 6 Rumah pelombong Cina di Kelian Pauh.

Perpustakaan Negara



GAMBAR 7 Penempatan penduduk Cina Kelian Pauh.



GAMBAR 8 Pembinaan awal bandar Taiping oleh British.



GAMBAR 9 Bandar Taiping merupakan bandar pertama termoden di negeri-negeri Melayu Semenanjung pada 1870-an.



GAMBAR 10 Jalan besar bandar Taiping 1880-82.



GAMBAR 11 Sebuah lorong di bandar Taiping pada 1894.



GAMBAR 12 Kediaman Residen British di Taiping.



GAMBAR 13 Pembinaan Pasar Besar Taiping awal 1885.



GAMBAR 14 Penubuhan *Perak Club* pada 1880.



GAMBAR 15 Balai Polis Kemunting pertama pada 1870-an.



GAMBAR 16 Pesalah dan penjenayah di Penjara Taiping.



GAMBAR 17 Stesen Kereta api Taiping 1885.



GAMBAR 18 Stesen Kereta api Simpang.



GAMBAR 19 Stesen Kereta api Port Weld.



GAMBAR 20 Pegawai, kakitangan, buruh Cina dan pekerja kereta api di Stesen Kereta api Taiping.



GAMBAR 21 Suatu pesta lumba kuda.



GAMBAR 22 Perbarisan tentera *Malay States Guides*.



GAMBAR 23 Lapangan Terbang Taiping dibina pada 1930.



GAMBAR 24 Runtuhan bangunan tembok Kota Bukit Gantang.



GAMBAR 25 Bangunan Masjid Kota.




GAMBAR 26 Bangunan Perpustakaan Awam Taiping.



GAMBAR 27 Hospital Taiping.



GAMBAR 28 Jabatan Pos dan Telegraf pertama di negara ini.



GAMBAR 29 Bangunan sekolah King Edward VII Taiping.



GAMBAR 30 Muzium Perak.



GAMBAR 31 Bangunan pentadbiran Pejabat-pejabat Kerajaan.



GAMBAR 32 Bangunan penjara Taiping.

Justeru itu, pentadbiran British di negeri Perak pada peringkat permulaan telah menghadapi bantahan daripada rakyat yang menganggap pihak British mencabuli kedaulatan dan martabat bangsa Melayu. Ciri-ciri pentadbiran yang cuba dilaksanakan tidak dapat difahami oleh rakyat Perak. Mereka bangun memberontak menentang kuasa penjajah British dalam Perang Perak di Pasir Salak.

Namun demikian, keadaan di Larut agak berbeza dengan sikap toleransi ditunjukkan oleh penduduk yang terdiri daripada pelombong-pelombong Cina. Di daerah Hilir Perak, Residen J.W.W. Birch menetap di Bandar Baru, tidak berapa jauh dari kediaman Paduka Seri Sultan Abdullah. Manakala di daerah Larut, Kapten Speedy bekas pekerja Ngah Ibrahim menetap berhampiran dengan Kota Ngah Ibrahim dan tidak banyak menghadapi kesulitan dalam melaksanakan pentadbiran British di Larut. Perhubungan antara Residen Birch dengan Sultan Abdullah menghadapi keretakan tidak sebagaimana perhubungan antara Kapten Speedy dengan Ngah Ibrahim di kawasan penduduk Cina. Sungguhpun Perjanjian Pangkor telah ditandatangani pada Januari 1874, hanya pada November barulah perlantikan Residen berkuatkuasa. Dalam tempoh itu sebagai Penolong Residen, Kapten Speedy memulakan tugas tertumpu di kawasan rusuhan sebagai pentadbir British yang pertama di daerah Larut.

Untuk memulihkan keamanan di Larut, Suruhajaya Pengaman yang ditubuhkan semasa Perjanjian Pangkor berkuatkuasa di kawasan-kawasan penting yang strategik. Suruhanjaya yang dianggotai W.A. Pickering, Major Dunlop, Frank A. Swettenham, Chang Ah Kwee (ketua Hai San) dan Chan Ah Yam (ketua Ghee Hin), berjaya mengembalikan kestabilan penduduk Cina di kalangan masyarakat pelombong dan menghapuskan pertubuhan haram seperti kongsi gelap serta meredakan suasana kegelisahan penduduk.

Keadaan keselamatan penduduk diperkukuhkan dengan mendirikan Balai Polis pada 2 April 1875. Balai Polis itu dibina di tempat yang disyaki boleh menimbulkan ketegangan seperti di Terong, Kuala Kurau dan Tanjung Piandang. Kuala Kurau di bawah kepimpinan Penghulu Mat Ali pernah menjadi pusat kegiatan Ngah Ibrahim menentang British. Kapten Speedy mengadakan kawalan keselamatan di situ dilengkapi dengan senjata dan beberapa pucuk meriam diletakkan di muara sungai. Begitu juga di Selama, Che Karim berketurunan Rawa dan bekas kerani Ngah Ibrahim mencetuskan ketegangan menyebabkan Kapten Speedy menghantar Pasukan Polis Sepoi ke Selama pada Oktober 1874.

Antara beberapa kejayaan awal pentadbiran British di Larut, adalah persefahaman antara Penolong Residen Kapten Speedy dengan Ngah Ibrahim yang dibantu oleh kekuatan Pasukan Polis Sepoi seramai 25 orang. Seramai 160 orang lagi anggota Pasukan Keselamatan dan kira-kira 10 peratus orang Cina tempatan dan 18 orang Melayu keturunan Mandailing pimpinan Raja Desah turut bergabung dengan pasukan Kapten Speedy. Maka dengan kekuatan itu Penolong Residen berjaya melaksanakan pentadbiran British.

Sistem perundangan British mengikut cara pentadbiran Negeri-Negeri Selat juga diwujudkan di Larut. Mahkamah diletakkan di bawah kekuasaan pegawai British bernama Marples yang dilantik sebagai Hakim dan Bendahari. Sekitar 1874, sebanyak 770 kes jenayah seperti membunuh, kecurian dan sebagainya menunggu perbicaraan. Terdapat permintaan sekitar Jun 1874, supaya Balai Polis didirikan di kawasan Bukit Berapit yang menjadi laluan penting antara Larut dan Kuala Bangsar.

Satu sistem pemungutan cukai ditubuhkan sejajar dengan perlantikan Peterson sebagai Pegawai Kastam dan Shahbandar-pelabuhan (Harbour-Master/Custom-Officer). Dengan hasil kutipan ini Kerajaan British dapat menampung sebahagian besar masalah kewangan serta perbelanjaan pembangunan setempat. Pada awal 1874 sahaja jumlah hasil yang berjaya dipungut di daerah Larut mencapai angka 101,554 pound sterling.

Untuk menjadikan Larut sebagai pusat pentadbiran Inggeris, maka pembinaan projek infrastruktur turut sama berkembang di daerah ini, menjadikannya sebagai peneroka kepada pembangunan dan kemajuan. Pembukaan bandar baru Thaipeng (Taiping, mengambil nama Cina) yang menggantikan Kelian Pauh sebagai penempatan utama pengikut Hai San dan kemunculan nama Kemunting (mengambil nama Melayu) sekitar bulan April 1874 sebagai penempatan utama pengikut Ghee Hin, telah menjadikannya pusat pentadbiran. Di Taiping terdapat kira-kira 250 buah rumah dengan jumlah penduduk 5,000 orang termasuk 1,000 orang daripadanya ialah pekedai, manakala di Kemunting terdapat kira-kira 4,000 orang penduduk dan 300 buah kedai.

Suatu lagi usaha awal British di Larut ialah membina jalan-jalan bagi kemudahan asas kepada penduduk. Sungguhpun Ngah Ibrahim sudah membina jalan raya yang menghubungkan Kota dan Bukit Gantang (Kennedy 1962, 14), namun usaha itu diteruskan dengan pembinaan jalan-jalan raya yang lebih sempurna untuk mengelakkan

berlumpur akibat laluan menggunakan gajah, kerbau dan sebagainya. Untuk itu, batu-batu kelikir banyak ditimbus untuk pembinaan jalan dari Taiping ke Kuala Kangsar. Di samping itu, peruntukan pembinaan bangunan ditambah sebanyak $14,000 bagi tahun 1875.

Pada permulaan kemasukan pemerintahan British di Larut, rumah kediaman rasmi Penolong Residen, Kapten Speedy bertempat di kampung Menteri berhampiran Kota Ngah Ibrahim. Sekitar Jun 1874, beliau pindah ke kawasan Taiping. Rumah kediaman rasmi Residen British siap dibina pada awal tahun 1875 oleh pekerja-pekerja Cina dengan bentuk dan ciri-ciri seni bina yang dikagumi. Residen British J.W.W. Birch tiba melawat Larut kali kedua pada 13 hingga 18 Februari 1875 untuk melihat kerja-kerja membina bandar Taiping sebagai ibu kota negeri Perak. Beliau melawat tempat-tempat seperti Matang, Simpang, Kota, Taiping, Kemunting, Cangkat Serdang, Hulu Sepetang, Selinsing, Kurau dan sebagainya. Residen Birch melihat sendiri bagaimana pembangunan kawasan Larut dibina seperti pembinaan jalan raya menuju Kerian, pembinaan bangunan-bangunan perkhidmatan awam, pembinaan kemudahan hospital dan banyak lagi kerja-kerja pembinaan dan infrastruktur yang belum siap dibina (Burn 1976, 213-222). Bagi menyelaraskan kerja-kerja pentadbiran British ramai Pegawai British dan keturunan Eropah yang lain dibawa masuk mentadbir dan mengetuai berbagai-bagai jabatan di Larut (Jadual 4.2).

JADUAL 2. Pegawai-Pegawai Pertama British di Larut 1874

| | | |
|---|---|---|
| Kapten T.C.S. Speedy | - | Penolong Residen |
| E.M. Marples | - | Bendahari dan Hakim |
| W.G.A. Geddis | - | Merinyu Galian |
| Revening | - | Merinyu Jalan Raya |
| Peterson | - | Shahbandar dan Kastam |
| Maille | - | Pengawai Perubatan Dan Perhutanan |

Walau bagaimanapun, Ngah Ibrahim yang menerima kecaman hebat semasa Perjanjian Pangkor, kini dalam keadaan tertekan di Larut. Kuasanya telah dirampas dalam perjanjian bersejarah itu dan hak ketuanan Melayu di Larut semakin hilang. Beliau dikatakan menunggu masa menghantar peguamnya di Pulau Pinang, Robert Carr Woods ke England untuk memprotes agar Perjanjian Pangkor itu dibatalkan. Hutangnya pula bertambah dan pendapatannya dari

berkurangan. Jika suatu ketika dahulu beliau menerima kutipan bernilai $200,000 sebulan, kini pada 1874 cuma menerima sebanyak $8,566 dan 1875 berikutnya sebanyak $21,221 sebulan, atau sekadar lapan dan sembilan peratus kutipan tahunan daerah Larut. Ternyata, Kapten Speedy yang bekerja dengan Ngah Ibrahim suatu ketika dahulu mempunyai pendapatan bulanan yang lebih lumayan. Antara rungutan Ngah Ibrahim (Menteri) terhadap Speedy:

> The Menteri complained about Speedy in the course of a conversation with ex-Sultan Ismail, "I gave him pay and he worked under me and how has he treated me since? " The Malay chiefs in the rest of Perak found it difficult to understand what the real position of the Menteri in Larut was (Gullick 1953, 58)

Ngah Ibrahim tanpa daerah yang diwarisi daripada ayahnya turut merangsang semangat gerakan Melayu Perak menentang pentadbiran British. Namun, Kapten Speedy tidak dapat bertahan lama dalam melaksanakan sistem pentadbirannya kerana usaha beliau tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa atasannya, terutama Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura. Akhirnya Kapten Speedy menerima berbagai-bagai cemuhan, perkhidmatannya sebagai Penolong Residen Larut telah ditamatkan. Beliau dituduh:

> As a goverment adminitrator he proved unsatisfactory, having spent a large proportion of Larut's limited fund on an imposing new Residency. He resigned in1877 after his salary has been halved in 1876 and he had been posted to the remote district of Lower Perak (Stevenson 1975, 20).

Tugas Kapten Speedy di Larut telah digantikan oleh W.E. Maxwell pada Ogos 1876 dengan jawatan sebagai Penolong Residen. Ketiadaan Kapten Speedy menyebabkan pasukan keselamatan dikatakan berada dalam kegelisahan. Speedy yang boleh berbahasa Urdu dan bertanggungjawab membawa pasukan polis Sepoi ke Larut, menyebabkan kesetiaan dan disiplin para anggota pasukan keselamatan tidak dapat dikawal.

Pada April 1877, Sir Hugh Low dilantik menjadi Residen British ketiga untuk negeri Perak. Sebagai seorang yang berpengalaman selama 29 tahun di Labuan, beliau amat memahami adat resam dan budaya Melayu serta boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik. Berbekalkan pengalaman ini, Sir Hugh Low yang memilih Kuala Kangsar sebagai kediaman rasminya. Beliau Pentadbir British yang berjaya membawa kemajuan khususnya dalam sistem pemerintahan

JADUAL 3. Residen dan Penolong Residen Di Perak

| | | |
|---|---|---|
| J.W.W. Birch | - | 1874 - 1875 |
| J.G. Davidson | - | 1876 - 1877 |
| Sir Hugh Low | - | 1877 - 1889 |
| F. Swettenham | - | 1889 - 1896 |
| W.H. Treacher | - | 1896 - 1901 |
| J.P. Rodger | - | 1901 - 1903 |
| E.W. Birch | - | 1904 - 1911 |
| Penolong Residen British di Larut | | |
| T.C.S. Speedy | - | 1874 - 1877 |
| W.E Maxwell | - | Ogos 1876 - 1878 (Memangku) |
| | - | 1878 - 1882 |
| C.V. Creagh | - | 1882 - 1885 |

Kolonial British di negeri Perak. Majlis Mesyuarat Negeri Perak telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh pelbagai kaum termasuk pemimpin masyarakat Cina Larut, seperti Chang Ah Kwee (Ketua Hai San) dan Chan Ah Yam (Ketua Ghee Hin). Mesyuarat pertamanya diadakan pada September 1877.

## Larut Daerah Terkaya

Penemuan bijih timah menjadi faktor penting terhadap pembukaan daerah Larut serta menjadi tumpuan utama Semenanjung Bijih timah menjadi sumber kekayaan telah mula diusahakan seawal 1850-an. Hingga menjelang akhir abad ke-19 daerah ini terus menjadi rebutan antara pengusaha tempatan dan asing. Persengketaan pelombong Cina dan perebutan kuasa di kalangan pembesar Melayu sengaja dijadikan sebab bagi British untuk menyebarkan pengaruh politiknya di daerah ini.

Sejak dari 1824 pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat terletak di India dan apabila menerima bantahan berbagai-bagai pihak, maka pada 1 April 1867, pusat pentadbirannya dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan, di London. Tidak lama selepas itu, Terusan Suez yang dibuka pada 1869 membawa perubahan besar kepada bidang perdagangan antarabangsa, terutama memendekkan perjalanan ke Singapura dulunya melalui Tanjung Harapan di selatan benua Afrika sejauh lebih 19,320 km mengambil masa hampir 177 hari. Tetapi menerusi Terusan Suez perjalanan tersebut berkurang sebanyak 1,288 km dengan pelayaran yang mengambil masa cuma 37 hari sahaja.

Akibat pembukaan Terusan Suez menyebabkan pelabuhan Singapura berkembang maju. Singapura menjadi pusat perdagangan bijih timah terbesar di rantau Asia Tenggara. Bijih timah yang dieksport menerusi pelabuhan Singapura dikenali sebagai 'Bijih Timah Negeri-Negeri Selat' atau *Straits Tins*. Keperluan produksi bijih timah menjadi begitu penting di negara-negara Eropah, khususnya di negara Britain. Kebetulan lombong bijih timah di Cornwall, England semakin berkurangan pengeluarannya. Perkembangan perindustrian papan timah dan permulaan perusahaan makanan dalam tin banyak bergantung pada bijih timah Tanah Melayu yang dieksport ke Britain dari pelabuhan Singapura (Khoo Kay Kim 1988, 40).

Penemuan dan pembukaan lombong bijih timah di daerah Larut kebetulan ketika pihak British sedang tercari-cari sumber galian berkenaan. Kekuasaan British di Negeri-Negeri Selat suatu pertolongan bagi mereka memulakan langkah kedua untuk menguasai perdagangan bijih timah terutama dari negeri Perak. Perlombongan di Larut yang diusahakan Long Jaafar hasilnya dieksport menerusi penglibatan tauke dan pelombong Cina dari Pulau Pinang turut melibatkan pihak berkuasa Inggeris di Negeri-Negeri Selat.

Nama Larut yang dikenali sebagai pusat longgokan bijih timah di negeri Perak seterusnya mengangkat nama Tanah Melayu sebagai pengeluar bijih timah dunia. Pada awal 1850-an kemasukan pelombong dari Wilayah Kwantung, negara China ke daerah Larut secara beramai-ramai dibiayai oleh tauke dan pedagang Cina Pulau Pinang. Pada 1861, penduduk Cina Larut dianggarkan sekitar jumlah 5,000 orang iaitu Ghee Hin berjumlah 1,500 dan Hai San berjumlah 3,500 orang. Tetapi dalam tempoh yang singkat jumlah kemasukan mereka melebihi paras berpuluh-puluh ribu orang. Kebanyakan mereka berasal dari Kwangtung, Macau (Kantonis), terdiri pelbagai suku seperti Khek (Khays), Cheng Sang (Chan Siang) dan San Neng (Sin Nang).

Para pelombong Cina yang menjalankan industri perlombongan bijih timah di Larut ini dikenakan cukai yang tinggi oleh Ngah Ibrahim. Ada 12 bayaran yang perlu dijelaskan oleh pelombong-pelombong tersebut:

1. Pawang kerana memilih tempat yang sesuai untuk melombong.
2. Cukai kerana meleburkan hampas bijih timah.
3. Cukai kerana pembersihan hutan.
4. Cukai ke atas sudu besi yang digunakan semasa menuang bijih lebur ke dalam acuan.

5. Cukai sebanyak secupak bagi setiap kampit bijih.
6. Sewa tanah.
7. Cukai ke atas arang yang digunakan.
8. Cukai kerana mengangkut bijih timah dari kawasan lombong ke Kota.
9. Cukai kerana pengangkutan dari Kota ke rumah stor di Permatang.
10. Cukai yang dinaikkan untuk candu.
11. Cukai beras.
12. Denda ke atas candu yang dibawa dari lombong-lombong.

Ngah Ibrahim menggunakan empat buah kapal dagang bagi mengangkut bijih timahnya ke Pulau Pinang. Harga bijih timah di pasaran ketika itu ialah $19.00 nilai 1 bahara.

JADUAL 4. Jumlah Eksport Larut ke Pulau Pinang 1861-63

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1861 - April 1862 | - | $291,989 | - | Bijih timah |
| | | $116,998 | - | Barangan lain. |
| Jumlah | | $416,249. | | |
| Mei 1862 - Febuari 1863 | - | $258,997 | - | Bijih timah. |
| | | $74,000 | - | Barangan lain. |
| Jumlah | | $342,479. | | |

(Khoo Kay Kim 1988)

Syarikat terbesar di Pulau Pinang yang menjadi pemborong bijih timah Ngah Ibrahim ialah Syarikat Tye Sin-Tat (gabungan saudagar Foo Tye Sin dan Koh Siang Tat). Begitu juga syarikat-syarikat British yang menjadi agen-agen di Pulau Pinang seperti Larraine, Gillesspie & Co, Mansfield & Co. dan yang lain-lain.

Bagaimanapun, peperangan yang tercetus di Larut telah menjejaskan hasil perlombongan. Jumlah penduduk pada 1862 semakin berkurangan antara 20,000 hingga 25,000 orang penduduk Cina. Kawasan lombong yang diusahakan juga berkurangan. Pada 1862, terdapat sebanyak 19 buah lombong dikerjakan di kawasan Kelian Baru atau Kemunting dan sebanyak lapan buah di kawasan Kelian Pauh atau Taiping.

Apabila suasana keamanan di kalangan pekerja lombong dapat dikembalikan oleh pentadbiran British keadaan Larut menjadi stabil,

jumlah penduduk turut bertambah sejajar dengan kestabilannya. Pada Januari 1874 jumlah penduduk Cina adalah seramai 4,000 orang, namun pada penghujung 1874 menjadikan jumlahnya bertambah kepada 27,000 orang. Kemajuan dalam perlombongan bijih timah menjadi matlamat utama penjajahan British ke atas Larut dan kaedah-kaedah perlombongan dan sistem pengutipan cukai baru telah diperkenalkan. Dalam laporan Kapten Speedy 1874, beliau memperkenalkan suatu teknik melombong yang lebih sempurna. Menurutnya:

> Sand and clay had been washed into some by heavy rains, until they were nearly choked, and others were fathom deep in water. Several mouths were consequently occupied in cleaning away the debris and pumping the water out of the mines. (Gullick 1953, 49).

Pada Mac 1874, sebuah badan kewangan di Pulau Pinang telah memberi bantuan bagi memulihkan keadaan lombong-lombong yang tidak beroperasi di Larut. Terdapat sebanyak 30 buah lombong sebelum 1874 yang mengeluarkan hasil sebanyak 70 pikul bijih timah dalam tempoh sebulan. Pada akhir 1874, sebanyak 90 buah lombong baru telah dibuka dan Kapten Speedy mengharapkan setiap lombong dapat mengeluarkan hasil purata 50 pikul sebulan. Kemunculan Tahun Baru Cina bulan 1875 adalah kemuncak pengeluaran hasil bijih timah mencapai tahap paling tinggi. Namun apabila berlaku Perang Perak, perusahaan lombong bijih timah turut mengalami kemerosotannya. Harga timah $60.00 sebahara 1874 telah jatuh dengan mengejut menjelang Januari 1876 dengan nilai $10.00 - $15.00 sebahara, malah jumlah hasil timah meningkat pada 1874 menurun menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 3,000 pikul sahaja setahun.

Hasil kekayaan yang dipungut oleh pentadbiran British pada peringkat awal digunakan untuk pelaburan bagi pembangunan setempat. Ini seperti mana yang dijelaskan:

> In Larut under Captain Speedy in 1874-75 it was 25% or more of the value of tin, and this was presumably similiar to former practices. The revenue from tin provided the main fund from which early British Resident could meet existing obligations sush as pensions, annuities, and the cost of administration, as well as embark on new developments in the form of communications and public welfare services (Kennedy 1975, 49-50).

Semasa J.W.W. Birch berkunjung ke daerah Larut pada Februari 1875, beliau menemui sebanyak 139 buah lombong bijih timah yang

berlesen, di antaranya sebanyak 46 buah kepunyaan Si Kwan (Ghee Hin) dan sebanyak 93 buah kepunyaan pihak Go Kwan (Hai San). Namun pada September 1875, jumlah lombong telah meningkat kepada 143 buah kesemuanya, tetapi 80 buah sahaja yang beroperasi. Pada mulanya W.G.A. Geddis telah dilantik sebagai Merinyu Galian, tetapi tidak lama selepas itu beliau diganti oleh Revening. Ramai pelombong keturunan Eropah turut bekerja dengan pelombong Cina, di antaranya seorang pelombong Belanda bernama Nanta bertujuan mempastikan kualiti dan kuantiti bijih timah Larut (Burns 1976).

Semasa Perak di bawah pentadbiran Residen British, Sir Hugh Low, beberapa pembaharuan dari segi teknik perlombongan diperkenalkan. Ini memandangkan bijih timah memberikan hasil yang lumayan kepada Kerajaan Kolonial British, di samping membekalkan logam tersebut kepada pasaran Eropah. Cara tradisi oleh pelombong Melayu dan teknik melampam oleh pelombong Cina sudah tidak sesuai lagi.

The Chinese miners were also quick to adopt Western devices. About 1879, Hugh Low, Resident Perak had a British steam-engine and centrifugal pump on show to interest Chinese miners as an improved method of flood-prevention. Western technology in the form first of the steam-engine, centrifugal pump and winding gear, and, later, of hydrulic methods and finally of tin-dredge, could be used to improved mining methods and output.(Kennedy 1975, 193-94).

Maka dengan penggunaan kaedah jentera pam ini sudah tentu pengeluaran bijih timah meningkat. Ini adalah sejajar dengan matlamat awal pihak British untuk menambah pengeluaran dan menguasai Larut. Pada 1879, Patrick Doyle pakar jurutera perlombongan telah membuat kajian terperinci mengenai kerja-kerja perlombongan bijih timah di daerah Larut dalam bukunya berjudul *The Mining in Larut.* Dengan membuat kajian perbandingan terhadap lombong Cornwal dan Devon di England, lombong Pulau Banka di Indonesia, serta teknik perlombongan emas di California dan Australia, merumuskan Larut sebagai lombong terkaya:

The tin industry is fast developing, under British protection, in Larut, and bids fair to eclipse, in a period far from the remote, the productions of the other parts of the Peninsula and islands of the Archipelago. There is no exaggeration in the statement that its deposits (which exceed in richness those of any other tin-producing country in the East) (Doyle 1879).

Pendapat beliau berhubung dengan bijih timah di daerah Larut di sokong oleh satu kenyataan lain yang mengakui tentang kekayaan tersebut. Beberapa keistimewaan yang terkandung dalam bijih timah di Larut ini tidak diperolehi di tempat atau kawasan perlombongan lain di serata dunia.

The ore stratum which underlies the metalliferous area in Larut is frequently traversed by streams or bands of richer deposit than the general average, and in certain places where eddies doubtless existed in the body of water carrying the stream-tin and its associated gravel, the ore layer is found unusually richin tin-sand. The upper portions of the deposit of tin-ore is generally very poor, the lower most being richest, the change being progressive from top to bottom.

Di Larut, kajian tertumpu kepada tiga kawasan utama iaitu lombong Asam Kumbang, Kemunting dan Tupai dengan jumlah 80 buah lombong kepunyaan 40 kongsi gelap. Kawasan Asam Kumbang meliputi 38 buah lombong dengan jumlah pelombong seramai 3,827 orang Kemunting 30 buah lombong dengan jumlah 1,809 orang dan kawasan Tupai 12 buah lombong dengan 1,207 orang. Ini menjadikan jumlah pelombong 6,843 orang, iaitu purata 86 orang pekerja pada sebuah lombong. Di antaranya, lombong Kemunting dimiliki oleh Kong Lun Kongsi kepunyaan Kapitan Ah Quee (Chang Ah Kwee) merupakan yang terbesar dengan jumlah 300 orang pekerja. Lombong ini juga menggunakan kaedah dan teknik terbaru dengan menggunakan jentera pam yang diperkenalkan oleh pihak Inggeris menggantikan cara lama pelombong Cina Larut yang menggunakan pam rantai. Manakala lombong kepunyaan Ban Hock Sin di Tupai berupaya membeli jentera pam berharga $4,340, merupakan lombong pertama di Larut yang menggunakan kaedah ini.

Doyle juga mengkaji tentang masalah lain dalam industri bijih timah seperti masalah sosial pekerja yang terlibat dengan kegiatan perjudian dan sebagainya. Begitu juga dengan masalah kebajikan pekerja, hak milik dan sempadan kawasan perlombongan serta Akta Perlindungan Lombong yang dilancarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Perkara yang berhubung dengan sumber manusia, masalah kebajikan, tempoh waktu bekerja dan sistem kapitalis yang wujud di kalangan pengusaha lombong. Kebanyakan majikan hanya mementingkan pengeluaran sahaja.

Terdapat beberapa kawasan perlombongan lain turut membekalkan bijih timah kepada negeri Perak, seperti Batang Padang dan Gopeng

dengan jumlah purata kira-kira 1,000 pikul setahun. Namun, lombong di Larut tetap menjadi "El-Dorado" kepada negeri Perak khususnya dan Semenanjung Tanah Melayu amnya. Katanya:

The exports of tin from the Straits Settlements in 1877 was 195, 483 piculs, which 53,639 piculs were from Singapore, and 141, 844 piculs from Penang, there being hardly ever any shipped direct for export from Malacca. Penang receives all the Larut tin, and its imports for the same year showed 157,431 piculs, of which 40,725 were from the Malay and 116,706 from the Siamese States (negeri Melayu Patani). The exports of tin from Larut to Penang were 39,996 piculs, and the higher weight of the Larut picul be considered, the conclusion is that all the tin imported into Penang from the native States of Peninsula comes from Larut.(Doyle 1879)

Jumlah bijih timah Larut yang dihantar ke pelabuhan Pulau Pinang, kemudiannya dieksport ke luar negeri mengikut permintaan negara yang memerlukannya.

JADUAL 5. Negara-negara pengimport bijih timah Larut

| | |
|---|---|
| India | 28,648 pikul |
| China | 48,113 pikul |
| United Kingdom | 39,218 pikul |
| Singapura (melalui) | 25,865 pikul |
| JUMLAH | 141,844 pikul |

(Doyle 1879)

Pembukaan pangkalan Port Weld (mengambil sempena nama Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Frederick Aloysius Weld) menggantikan pelabuhan Teluk Kertang yang sebelumnya berperanan sebagai pelabuhan daerah Larut telah merancakkan lagi perusahaan perlombongannya. Pembinaan jalan kereta api pertama Taiping-Port Weld pada 1 Jun 1885 telah memudahkan pengeksportan bijih timah untuk dihantar ke Pulau Pinang dan seterusnya ke luar negara.

For a few years Port Weld was one of the leading ports of Malaya, outranked only by Malacca and Georgetown (Penang). It was the Chief outlet for Larut and nothern Perak, and to a limited extent it even served the Kinta valleys. Along the railway line and through Port Weld passed all of the tin export of Larut, and the other exports of nothern Perak, such as hides, coffee, sugar and cinchona. In the other directions went all the food, opium and mining supplies for Larut, and a large proportion of the supplies required in Kinta. Ten trains every day travelled to and from the port, and ships called daily linking to Penang. (Wayte 1959 : 54-166).

Walau bagaimanapun, kemasyhuran daerah Larut sebagai pengeluar utama bijih timah mulai menurun dari 1890-an. Penemuan kawasan perlombongan yang baru di Lembah Kinta mula menggantikan peranan Larut. Penduduk Larut khususnya pelombong Cina telah mengalih perhatian mereka ke kawasan Perak tengah dan berhijrah secara beramai-ramai bagi merebut kekayaan sekitar Kinta. Menjelang akhir abad ke-19, ternyata produksi bijih timah Larut tidak lagi mencapai tahap gemilangnya. Namun, tidaklah keterlaluan dikatakan bahawa Larut pernah menjadi pesaing pengeluar bijih timah negara Bolivia dan Nigeria. Penggunaan kapal korek yang diperkenalkan pada 1912 tetap menempatkan daerah ini sebagai pembekal bijih timah utama Semenanjung Tanah Melayu.

## Pembangunan Awal di Larut

Telah pun dinyatakan bahawa daerah Larut sebelum penerokaan Long Jaafar sudah pun didiami penduduk Melayu pada beberapa abad. Apabila bijih timah ditemui dan diusahakan maka perkembangan Larut terutama sekitar kawasan Kelian Pauh dan Kelian Baru telah menambahkan lagi penerokaan dan pembangunan kawasan itu. Kelian Pauh dan Kelian Baru menjadi tumpuan utama pelombong bijih timah masyarakat Cina di samping memugar tanah hutan yang baru. Keperluan seperti rumah penginapan, bangunan-bangunan kongsi, dewan berkumpul, kedai minuman, makanan dan barangan keperluan harian turut didirikan. Siri peperangan yang tercetus telah memusnahkan bangunan usang tersebut dan kemudian dibangunkan semula apabila rusuhan reda.

Pemerintahan Ngah Ibrahim di Larut turut membangunkan daerah ini bersama pembinaan bangunan-bangunan penting Matang (Permatang) yang menjadi pusat pentadbiran daerah. Semasa pemerintahan beliau, walaupun Kelian Pauh dan Kelian Baru merupakan penempatan pelombong, namun terdapat catatan bahawa deretan rumah kedai di kedua-dua pekan lombong itu dimiliki oleh orang Melayu sebagai peniaga. Sebagai Menteri Larut maka Ngah Ibrahim telah melaksanakan berbagai-bagai pembangunan sejajar dengan kepentingannya. Beliau bertanggungjawab membawa kemajuan kewujudan pekan Kelian Pauh dan Kelian Baru. Kawasan Kota terletak berhampiran Kelian Pauh (Taiping sekarang) menjadi tempat atau gudang menyimpan bijih timah di mana proses melebur dan menimbang

dilakukan sebelum dieksport ke Pulau Pinang. Muhammad Ibrahim Munsyi semasa berkunjung ke Larut (kemungkinan Matang) adalah baik, terdapat banyak rumah dan jalan boleh dilalui dengan kereta. Tetapi hanya terdapat sebuah kereta dokat sahaja, kereta kuda banyak ditemui, namun Larut lebih baik daripada Kelang. Antara lain dicatat:

Early that morning, the Captain of the Pluto went up-river in a gig to see the area where tin is being mined, and he did not return until a quater past three. I asked him what Larut is like, good or otherwise. He replied that it is good, with many houses and large number of straight roads, which can be used by carriages.

Apabila pihak berkuasa British masuk memerintah Larut di bawah Penolong Residen dan Kapten Speed, maka berbagai-bagai pembangunan bercorak moden telah dirancang dengan begitu teliti biar pun kekurangan pakar-pakar di bidang pembangunan. Pertukaran nama Kelian Pauh kepada Taiping dan seterusnya menjadikan bandar tersebut sebagai pusat pentadbiran utama bagi negeri Perak telah menyemarakkan lagi usaha-usaha pembangunan awal daerah Larut. Sebanyak $100,000 telah diperuntukkan bagi membina bangunan-bangunan kerajaan, pembinaan jalan-jalan darat, terutama yang menggunakan kawasan tanah paya dan denai antara kawasan Matang-Kota (11.2 km), Kota-Taiping, Taiping-Asam Kumbang, Taiping-Kemunting, Kemunting-Serdang, Taiping-Air Terjun dan Taiping-Bukit Gantang. Pada 1875 berikutnya peruntukan tambahan sebanyak $226,000 digunakan bagi pembinaan bangunan pentadbiran, ibu pejabat jabatan, jambatan dan jalan raya serta kemudahan dalam menyelaraskan sistem pentadbiran awam.

## Proses Perbandaran

Pembukaan Taiping telah menjadikan bandar tersebut sebagai pusat pentadbiran negeri Perak yang berpindah dari daerah Hilir Perak. Perbelanjaan membina bangunan, sistem perhubungan, jabatan kerajaan serta berbagai-bagai kemudahan asas adalah daripada peruntukan hasil daerah Larut. Sebelum kemasukan British lagi, Larut merupakan sebuah daerah yang kaya, menurut C.J. Irving yang melawat daerah itu pada 1872, Ngah Ibrahim mengeksport sebanyak 800 bahara bijih timah sebulan menjadikan pendapatannya sebanyak $182,400 (pada masa harga bijih 1 bahara $19.00). McNair yang menulis pada 1878

mencatatkan jumlah eksport bijih timah Larut pada 1871 sebanyak $1 juta (McNair 1972, 35), manakala Speedy menganggarkan sebanyak $1 1/4 juta pada 1875. Dengan pendapatan itu Larut mampu untuk membangun.

Pada mulanya rumah kediaman Penolong Residen British pertama berhampiran rumah Ngah Ibrahim, iaitu Menteri Larut di Matang. Dengan kewujudan Taiping maka sebuah kediaman rasmi Kapten Speedy perlu dibina sebagai lambang pertapakan pentadbiran British di daerah Larut ini. Oleh itu, pada awal 1875 kerja-kerja pembinaan kediaman yang baru dimulakan di kawasan sebuah bukit di tepi tapak bekas lombong. Rumah Residen ini dikagumi reka bentuknya, hiasan perabot mahupun kawasan persekitarannya. Ramai di kalangan Pegawai Tertinggi British sendiri memuji akan keunikannya. Menurut Residen J.W.W. Birch, "a very commodious residence," Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir William Jervois menyifatkannya, "a large and very confortable house" dan A.M. Skinner pula menyatakan, "a very roomy and comfortable." Rumah yang dibina oleh tukang Cina yang mahir serta dibantu oleh tukang Melayu tempatan. Jelas McNair dalam catatannya:

> The residency was built of adze-squared timber and that some of the woodwork of the verandah, rails, floors and doors was actually planned a wonderful novelty in Perak. The Resident's houses here is a large native structure an eminence. It looks, with its wooden supports, palm-thatched and extensive verandahs, precisely adapted to the climate, and here the eastern element shows out strongly. (McNair 1972, 59).

Bagaimanapun rumah Residen yang bernilai $19,000 yang dibina pada 1875 itu kini hanya tinggal tiang-tiang dan tapak persekitaran, menggambarkan betapa kukuhnya sebuah bangunan British seperti mana kukuhnya cengkaman mereka ke atas daerah Larut.

Akan tetapi segala perancangan Speedy terhadap proses perbandaran awal ke atas Larut, khususnya bandar Taiping mendapat kecaman pihak berkuasa British. Tindakannya menggunakan kewangan hasil kutipan cukai daerah Larut mendapat tentangan kerana Pejabat Tanah Jajahan di London bercita-cita mengumpul kekayaan Larut sebanyak mungkin untuk menampung masalah kewangan Great Britain. Kerana itulah kedudukan beliau sebagai Penolong Residen di Larut tidak berkekalan, walaupun ada yang beranggapan kejayaannya telah meletakkan batu asas ke atas pembangunan dan kemajuan Larut.

Speedy spent most of the funds remaining afrter meeting the commitments already discribed in erecting. Buildings cost $12,000 in 1874 and $14,000 in 1875. he had no engineer to supervise this programme and the work was not well done. It seems to have been a case of erecting cheap, temporary buildings, in order to have something, and the having to rebuild within a few years. (Gullick 1953,57)

Sungguhpun begitu pembinaan bangunan-bangunan konkrit yang terdapat di Larut mendahului tempat-tempat lain di Semenanjung. Malahan menurut pendapat umum, pekan Taiping sudah pun muncul dengan bangunan dan rumah-rumah batu sedangkan ketika itu Kuala Lumpur masih lagi dipenuhi rumah-rumah usang seperti bangsal. Seperti mana penjelasan J.M. Gullick:

But the Taiping goverments buildings were better than any others in Perak and Selangor in the period of 1874-1875.

Apabila bandar Taiping mula pesat membangun maka jumlah penduduknya juga turut meningkat. Frank Swettenham menggambarkan atas kemunculan bandar baru Taiping pada April 1874, berkata:

There were already 250 houses in Taiping, very nice looking house they are, too, all like, going up on both sides of what will shortly be a good street.

Menjelang akhir 1874, penduduk bandar Taiping berjumlah 5,000 orang termasuk seramai 1,000 orang pekedai, penduduk Kemunting pula berjumlah 4,000 orang termasuk 300 orang peniaga. Manakala McNair merakamkan pemandangan indah bandar Taiping dari bukit rumah Residen pada 1875, menulis:

A busy place, with long thatched buildings by hundred. Fences and water-courses intersect the land, and here and there supplies of water are dammed up for the purpose of working tin." (McNair 1972,89).

Menjelang akhir abad ke-19, setelah pembukaan bandar Taiping mula dikunjungi para pelawat asing yang datang membuat catatan mengenai keadaan di Taiping dan kawasan sekitar Larut. Di antara mereka ialah Isabella L. Bird yang mencatatkan dengan panjang lebar mengenai tempat-tempat, suasana persekitaran. Melalui Kuala Larut, pelabuhan Teluk Kertang dan pekan Matang, beliau tiba di Larut untuk menemui Penolong Residen W.E. Maxwell. Isabella turut mengkagumi Rumah Residen tempat penginapannya, katanya:

The Residency is large and lofty, and throughly draughty, a high commendation so near the equator. It consists of a room about thirty feet wide by sixty long, and about twenty feet high at its highest part, open at both ends, the front end a great bow window without glass opening on an immense verandah. This room and its verandah are like the fore cabin of a great Clyde steamer. (Isabella 1883,263).

Isabella juga menceritakan tentang kesibukan jalan raya dan lorong-lorong di bandar Taiping. Sistem dan peraturan undang-undang, bangunan-bangunan pentadbiran, perlombongan, serta penduduknya yang berbilang kaum, walaupun masyarakat Cina menjadi penduduk utama. Seterusnya beliau menyatakan tentang Taiping pada tahun 1879:

Taipeng is a thriving, increasing place, of over six thousand inhabitants, solely Chinese, with the exception of a small Kling population, which keeps small shops, lends money, drivers gharries and bullock-carts, and washed clothes. There are scarcely and Malays in the town. . . . this important Chinese town, with a street about a mile long, with large bazaars and shops making a fine appearance, being much decorated in Chinese style, halls of meeting for the different tribes, gambling houses, workshops, the Treasury, a substantial dark wood building, large detached barracks for the Sikh Police, a hospital, a powder magazine, a parade ground, a Goverment storehouse, a large a new jail, neat bungalows for the minor English officers, and on the top of a steep, isolated terraced hill, the British Residency. (Isabella 1883, 264).

Daripada Isabella Bird ini jelas membuktikan bahawa bandar Taiping pada 1870-an sudah pun maju. Usaha-usaha pembangunan awal yang dimulakan oleh Penolong Presiden Kapten Speedy telah menempatkan bandar Taiping sebagai pusat kegiatan penduduk dan pusat pentadbiran Inggeris yang pertama.

Perubahan perbandaran Taiping menjadi lebih ketara apabila Sir Hugh Low menjadi Residen Perak pada 1877, sejajar dengan itu pelbagai institusi penting ditubuhkan di Taiping. Bagaimanapun pada 1880 satu kebakaran besar berlaku di bandar Taiping, menyebabkan kerugian yang besar termasuk kemusnahan bangunan:

On relaying out of the town of Thyaipeng, which took place after the great fires in 1880, the main streets were widened to seventy feet and the cross streets to sixty feet. Some of these were taken through abandoned mining land which recessitated great unforeseen expense in filling up the old pits, and the metalling of the larger streets cost much more than had been anticipated. (Khoo Salma 1977).

Selepas kebakaran itu, bangunan yang baru didirikan bagi menggantikan rumah-rumah atap yang sudah terbakar. Pada 1883 bangunan-bangunan baru wujud seperti mahkamah dan pejabat-pejabat kerajaan mula dibina. Berikutan dengan itu, Frank Swettenham dilantik memangku jawatan Residen Perak pada 1884-86. Beliau turut merancang bandar Taiping seperti penubuhan kemudahan pos dan pejabat telegraf, jabatan audit, pembesaran pasukan polis, kemudahan pasar, penjara, pejabat kewangan dan sebagainya. Residen Sir Hugh Low menyatakan:

> The architectural pretensions of all the buldings undertaken by the advice of Mr. Swettenham shows a very great improvement in taste on those which were erected in the preceeding years, and... are equal in beauty of design and excellence of workmanship to anything to be found in any older Colony. (Khoo Salma 1977).

Jalan raya bandar Taiping dikawal kebersihannya oleh Taiping Sanitary Board dengan pekerja-pekerjanya. Bagi mengindahkan bandar ini pohon-pohon rendang yang menghijau telah ditanam di tengah ataupun sekeliling bandar. Kecantikannya turut mengkagumi para pelawat.

## Perkhidmatan Kereta Api Pertama

Sistem pengangkutan menggunakan kereta lembu, kereta kerbau dan kereta kuda mula digantikan dengan penggunaan kereta berjentera mengikut jalan-jalan raya. Sebelumnya perhubungan penting di antara sesebuah pekan ataupun kampung hanyalah melalui sungai-sungai. Di kawasan Larut misalnya Sungai Beruas, Sungai Jarum Mas, Sungai Terong, Sungai Limau, Sungai Bukit Gantang, Sungai Larut, Sungai Sepetang, Sungai Kurau, Sungai Kerian dan sebagainya. Perkembangan ekonomi di kawasan pendalaman menyebabkan pengangkutan cara tradisi tidak lagi dapat menampung kegiatan seharian.

Kerana Larut merupakan kawasan penghasilan bijih timah yang kaya, maka tidak hairanlah perkhidmatan kereta api pertama di negara ini telah dibina di daerah ini. Jalan darat yang ada dari pelabuhan Teluk Kertang menuju Taiping tidak dapat lagi membawa barang-barang berat seperti bijih timah. Menyedari masalah ini, maka Sir Hugh Low menyatakan:

> The great difficulty that the tin could be got from the mines to the shipping place.

Pada 1879, cadangan untuk membina jalan kereta api ini telah disuarakan untuk menghubung Taiping ke Kota sahaja. Namun pada 20 Februari 1880 pihak berkuasa Kerajaan British meluluskan membina jalan kereta api yang lebih jauh, dari Taiping ke pelabuhan Telok Kertang. (Wong Lin Kin 1914). Seorang Juru Ukur dari Sri Lanka, H.S. Deane ditugaskan mengukur kawasan yang menjadi landasan kereta api yang menghubungkan Taiping dengan pelabuhan Port Weld. Pada mulanya kerja-kerja memugar kawasan paya di Kuala Sepetang menghadapi masalah kekurangan pekerja buruh. Residen British mendapat persetujuan daripada pengusaha lombong di Larut yang sanggup mendapatkan modal pembinaannya dari hasil kutipan cukai bijih timah. Sebanyak $2.00 dikenakan cukai ke atas setiap $10.00 atau satu bahara bijih timah mulai 1 Mac 1880. Kutipan ini akan berubah mengikut nilai harga semasa. Cadangan awal pembinaanya dari Taiping ke Teluk Kertang sejauh 13 km, tetapi memandangkan kuala Sungai Sepetang adalah lebih baik dengan jarak yang sama, maka persetujuan dicapai pembinaan dari Taiping ke Kuala Sepetang (Port Weld).

Pada 1882, kerja-kerja membina landasan kereta api telah dimulakan dengan membawa masuk buruh-buruh dari Sri Lanka (Ceylon) dari Pioneer Corps di bawah pengawasan H.Ward dan J. Trump. Pada pagi 12 Februari 1885, Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Clementi Smith dan isterinya tiba di kuala Sungai Larut dengan kapal Sea Belle. Ketibaan mereka disambut Pemangku Residen Perak Frank A. Swettenham dan Penolong Residen di Larut C.V. Creagh yang tiba dengan kapal Kinta. Mereka melawat landasan kereta api di pelabuhan Port Weld yang baru dibina sejauh 12.8 km dan mengambil masa cuma 40 minit perjalanan menuju Taiping. Apabila tiba di Stesen Taiping, rombongan ini menerima perbarisan hormat oleh Pasukan Polis Sikh Perak. Akhirnya landasan kereta api pertama yang dibina di negara ini dibuka kepada lalu lintas pada 1 Jun 1885.

Kos pembinaannya sebanyak 7,000 pound merupakan yang termahal, dan sebanyak $345,000 dibelanjakan untuk pembinaan landasan, enjin dan gerabak, bangunan dan peralatan lalu lintas yang lain. Landasan keretapi dari Taiping–Port Weld melintasi dua buah stesen, iaitu di kilometer 4.4 dan kilometer 8 (Simpang). Manakala Stesen Taiping terletak di sekitar padang Sekolah Rendah King Edward VII dan Ibu Pejabatnya berhampiran Rumah Rehat sekarang. Pendapatan daripada perkhidmatan pengangkutan barang-barang dan

penumpang dengan kereta api sungguh menggalakkan. Pada 1887, jumlah pendapatan *Perak State Railway* adalah sebanyak $60,884.25 dan tahun berikutnya meningkat kepada $79,050.89, iaitu pertambahan sebanyak $18,166.74. Pelabuhan Port Weld yang dibuka pada tahun 1885 itu menjadi bertambah terkenal. Setiap hari kereta api berulang-alik sebanyak 10 kali dari Taiping ke Port Weld.

Pada 1888, Perak State Railway merancang untuk memanjangkan landasan menuju ke Kemunting, iaitu kawasan bijih timah kedua terbesar di Larut. Ini disebabkan pengangkutan dengan kereta lembu dari kemunting telah menimbulkan masalah kepada pengguna. Banyak lembu yang diserang penyakit mengakibatkan sewa kereta lembu meningkat. Dengan kereta api kos pengangkutan berkurangan, misalnya kos pengangkutan 50 guni beras India dari Port Weld ke Taiping dengan jarak 12.6 km itu cuma $3.50, tetapi kos pengangkutan dengan kereta lembu dari Taiping ke Kemuntuing sejauh lima kilometer sahaja kosnya hingga $3.75. Dengan itu, pada 30 September 1889, kerja-kerja pembinaan landasan kereta api dari Taiping ke Kemunting telah dimulakan dan dirasmikan pembukaannya pada 6 Mei 1890 oleh Residen Perak. Dari Kemunting landasan ini dibina lagi menuju ke utara. Pada 2 Jun 1892 landasan sejauh 8.5 km dibuka di Stesen Belanda Mabuk yang ditukar semula namanya menjadi Hulu Sepetang dirasmikan oleh Residen W.H. Treacher. Dari Hulu Sepetang, landasan sejauh 26.8 km dibina menuju ke Selama menerusi Pondok Tanjung pada 1896, sehinggalah siap jambatan Sungai Kerian pada 1900.

Kemudian pembinaan landasan kereta api menuju ke selatan Semenanjung Tanah Melayu dirancang arah ke Kuala Kangsar. Kos pembinaannya tidak banyak tetapi melibatkan kerja-kerja membuat terowong. Pada 1897, kerja pembinaan landasan Larut disambung ke Padang Rengas, namun halangan pekerjaan ini ialah pembinaan terowong dan lubang gelap yang agak panjang. Pada 1898, kerja-kerja memecah batu di Bukit Berapit dimulakan dan terowong yang dinamakan Waterloo Tunnel itu siap dibina pada 1903.

Kerajaan British membina landasan kereta api di Larut untuk tujuan pengangkutan bijih timah tetapi telah menyebabkan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Frederick Weld mencadangkan penyambungan landasan kereta api ke utara menuju Perai dan ke selatan menuju Kuala Lumpur.

## Pertahanan dan Keselamatan

Masalah keselamatan penduduk Larut khususnya telah diperkukuhkan sejak zaman kuasa pertuanan Melayu memerintah daerah ini. Genting jalan Bukit Berapit merupakan pintu masuk dari utara ke kawasan Kuala Kangsar untuk menghilir menerusi Sungai Perak. Semasa pentadbiran Che Long Jaafar, beliau menyusun pasukan kawalan bersenjata terdiri daripada mata-mata Melayu yang diketuai oleh seorang yang berpangkat Jemadar. Usaha-usaha beliau memodenkan Larut disambung oleh pentadbiran anaknya Ngah Ibrahim yang membesarkan anggota keselamatan mencapai kekuatan 200 anggota. Peralatan senjata moden turut dibekalkan terutamanya semasa mengawal kegiatan kongsi-kongsi gelap Cina dan rusuhan yang tercetus dalam siri Perang Larut. Sungguhpun kemampuan pasukan keselamatan pihak berkuasa di bawah Ngah Ibrahim masih memerlukan bantuan luar, namun keupayaan membanteras ancaman berjaya mengembalikan suasana keamanan di daerah itu.

Apabila kekacauan semakin meningkat dalam Perang Larut yang berlarutan hingga ke Pulau Pinang, maka pasukan pertahanan kerajaan negari Perak turut membantu mengawal Larut. Sehinggalah Ngah Ibrahim terpaksa mengupah Kapten Speedy berjawatan Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang untuk mengamankan daerahnya. Speedy kemudian bertanggungjawab membawa masuk seramai 110 orang anggota Sepoi dari India terdiri daripada keturunan Sikh dan Pathan.

Apabila British memerintah negeri Perak, soal pertahanan dan hubungan luar negeri terletak di bawah Kerajaan Kolonial menerusi Pejabat Tanah Jajahan di London. Di Larut pasukan tentera Sepoi pada awal 1875 telah diserapkan menjadi Pasukan Polis Perak di bawah pengawasan Kapten Speedy dan kekal ditempatkan di Taiping.

JADUAL 6 Pembinaan Landasan Larut

| Tempat | Tarikh | Jarak Batu/Rantai |
|---|---|---|
| Taiping – Port Weld | 1 Jun 1885 | 8.06 |
| Taiping – Kemunting | 6 Mei 1890 | 3.50 |
| Kemunting – Hulu Sepetang | 1 Julai 1892 | 5.22 |
| Hulu Sepetang – Pondok Tanjung | 1 Sept 1899 | 3.48 |
| Taiping –Bukit Gantang | 1 Mei 1902 | 5.04 |

(Perak Goverment Gazette, 1888)

JADUAL 6 Tambang Kereta api Taiping – Port Weld

| | 1 penumpang | | | 2 penumpang | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kelas | I | II | III | I | II | III |
| Taiping – Simpang | $0.30 | $0.16 | $0.08 | $0.45 | $0.25 | $0.12 |
| Simpang – Port Weld | $0.50 | $0.25 | $0.13 | $0.75 | $0.35 | $0.20 |
| Taiping – Port Weld | $0.80 | $0.40 | $0.20 | $1.20 | $0.60 | $0.30 |

(Perak Goverment Gazette, 1889)

Bagaimanapun, Pegawai-pegawai Pentadbiran Inggeris di Negeri-Negeri Selat tidak mahu mengekalkan Kapten Speedy dalam perkhidmatan pentadbiran sebagai Penolong Residen di Larut. Penukaran beliau ke Hilir Perak menimbulkan kegelisahan anggota Polis Sepoi yang berasal dari India ini kerana hanya Speedy dapat berinteraksi dengan mereka.

Kemudian pasukan Sepoi ini terpaksa dibubarkan dengan penubuhan pasukan Polis Bersenjata Perak atau Perak Armed Police yang bermarkas di Taiping. Pasukan ini pernah mengadakan perbarisan horamat bertempat di Padang Esplanade, Taiping. Penubuhan bermula secara rasmi apabila Mejar Paul Swinburne tiba di Larut untuk memperkemaskan pasukan polis yang lengkap bersenjata ini. Pada bulan April 1877, Sir Hugh Low telah membuat kunjungan ke negeri Perak dan tiba di Larut untuk meninjau sendiri keadaan penduduk di situ. Beliau memberitahu tentang pasukan keselamatan yang baru terdiri daripada 213 orang anggota pengawal Residen, 423 orang anggota Melayu dan 73 orang Polis Sikh. Pada 1879, Mejar Swinburne bercuti dan beliau digantikan oleh Leftenan R.S.F. Walker menjadi Pemangku Ketua Polis Perak. Isabella L. Bird turut mencatatkan tentang Pasukan Polis Perak yang terdiri daripada keturunan Sikh, Pathan dan Hindu semasa beliau berkunjung ke Larut, terutama tentang pakaian seragam mereka. Menurutnya:

They wear large blue turbans, scarlet coats, and white trousers. There are 450 of them, recruited in India from among the Sikhs and Pathans. They are to all intents and purposes soldiers, drilled and desciplined as such, though called "Armed Police," and are commanded by Major Swinburne of the 80th Regiment. There is a half battery of mountain train rifled guns, and many of these men are drilled as gunners. They are splendid looking men, with long moustsches and whiskers, but they plait the long ends of the later and tuck them up under their turbans. (Isabella 1883,283).

Pada Mei 1892, Kolonel Walker bersama 35 orang anggota Sepoi dari Taiping ditugaskan untuk menggempur kebangkitan pahlawan-pahlawan Melayu Pahang seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau dan ramai lagi menentang penjajah Inggeris di negeri itu. (Buyong Adil 1984, 322).

Dengan kepimpinan Kol. Walker juga pasukan '1st Perak Sikhs' telah ditubuhkan pada tahun 1896. Apabila negeri-negeri Melayu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan disatukan pentadbirannya dalam Persekutuan pada tahun 1896, maka pasukan Malay States Guide ditubuhkan. Markas utamanya masih bertempat di Taiping, pasukan ini bertanggungjawab mempertahankan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Federated Malay States dan juga Negeri-Negeri Selat. Di samping pasukan pertahanan yang terdiri daripada askar Sepoi keturunan Sikh, Pathan dan Hindu, keselamatan di bandar Taiping turut dikawal oleh pasukan Polis tempatan yang diketuai oleh Evan Dicken sebagai Inspektor Polis, manakala di Kemunting didirikan sebuah Balai Polis diketuai oleh Inspektor Den Mohamad dengan kekuatan seramai 20 anggota.

Semasa meletusnya Perang Dunia Pertama 1914-18, di Eropah ditubuhkan perikatan negara Jerman-Turki pada Oktober 1914. Di Singapura, Kassim Mansor telah menyebarkan dakyah anti-British di kalangan tentera khususnya keturunan Punjabi dan Pathan yang beragama Islam. Pada 16 Februari 1915, dua pasukan tentera tersebut memberontak enggan berjuang di bawah panji-panji British apabila dihantar bertugas di Aden Yaman untuk berhadapan dengan pihak Turki. Selepas tamat perang, pada 1919 Malay States Guides telah dibubarkan.

## Perubatan dan Kesihatan

Pada peringkat awal usaha melombong bijih timah, kemudahan perubatan amat diperlukan oleh pelombong Cina. Secara tidak langsung telah didirikan rumah-rumah sakit bercorak klinik bagi kemudahan pelombong bijih. Namun kelengkapan peralatan dan perubatannya tidaklah begitu sempurna dan teratur, ini menyebabkan pesakit semakin bertambah serta wabak penyakit pula semakin menular. Oleh itu, menerusi pentadbiran Speedy pada 1874, beliau merancang untuk mendirikan sebuah hospital untuk kemudahan awam di Larut.

Sungguhpun terdapat beberapa buah hospital yang lain bagi menampung jumlah pasakit, tetapi hospital yang paling besar ialah Hospital Yang Wah yang dibiayai khas untuk kemudahan golongan penduduk miskin. Hospital ini mempunyai tempat untuk kira-kira 900 orang pesakit di bawah pengurusan tauke-tauke pelombong Cina dan ditadbir oleh Dr. Wright.

Sir Hugh Low yang tiba di Larut pada 24 April 1877, tidak lama kemudian telah dilantik menjadi Residen British ketiga di Perak. Ketika itu wabak demam campak dan penyakit beri-beri sedang menular di daerah Larut. Demikian juga di kawasan Tanjung Piandang, Kerian. Seorang pesakit dari Kampung Kubu, Bukit Gantang, telah meninggal dunia, sementara dua orang pesakit dari Matang dan tiga orang dari Kampung Buaya, terlantar di hospital. Keadaan di Hospital Larut serba kekurangan dan amat menyedihkan berbanding dengan jumlah pesakit yang semakin meningkat. Kenyataan ini diakui Patrick Doyle, berhubung dengan masalah pelombong Cina yang menderita dengan wabak penyakit beri-beri dan demam campak. Menjelang akhir 1880, hospital ini akhirnya diserahkan kepada Kerajaan Perak kerana masalah kewangan. Kemudian, hospital ini telah dinaikkan tarafnya pada 1884 dan ia adalah yang pertama dibina di negara ini.

## Kemudahan Pembangunan Lain

Sepanjang 1880-an, pembangunan di bandar Taiping terus berkembang mendahului bandar-bandar lain di Semenanjung Tanah Melayu. Pada Januari 1883, bangunan Muzium Perak didirikan dan selesai pembinaannya pada 1886. Pembinaannya diusahakan oleh Residen Perak, Sir Hugh Low dan mengarahkan Leonard Wray Jr. Penguasa Taman Bunga, Larut mengumpulkan bahan-bahan untuk ditempatkan di bangunan tersebut. Leonard Wray Jr. (J.I. Wray) kemudiannya dilantik sebagai Kurator pertama Muzium Perak. Oleh kerana pentadbirannya diletakkan di bawah kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang ditubuhkan pada 1896, maka muzium ini dikenali juga sebagai FMS Muzium (Federated Malay States Museum). Pada 1900, bahagian belakang bangunan asal telah disambung untuk Balai Pameran dan pembinaan ini siap pada 1903.

Sehubungan dengan itu, sistem pengangkutan dan perhubungan menerusi jalan darat turut dimajukan, walaupun terdapatnya landasan kereta api. Pembinaan jalan raya menghubungkan Taiping ke kawasan

Kerian diusahakan Speedy pada 1874 yang diteruskan hingga ke Parit Buntar dan pembinaannya selesai pada 1883. Pada 1884 bangunan Pejabat Pos dan Telegeraf pertama di negara ini didirikan bagi menggantikan bangunan kayu yang telah usang. Begitu juga dengan bangunan Penjara Perak didirikan pada 1879 bagi menampung penjenayah yang dihukum penjara di seluruh Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun yang sama Pejabat Percetakan Kerajaan (Government Printing Office), ditubuhkan dan ditugaskan mencetak laporan atau *Warta Kerajaan Perak*. Hari ini Penjara Perak yang pernah berfungsi sebagai Ibu Pejabat Jabatan Penjara, Malaysia merupakan penjara yang tertua di negara ini. Bangunan Perpustakaan Awam, Taiping asalnya adalah Chartered Bank of India, Australia dan China dan kemudian sebagai Standard Chartered Bank bermula 1888. Bangunan yang didirikan pada 1882 ini, kini berperanan sebagai Perpustakaan Awam, Taiping.

Balai Polis Jalan Kota, pada mulanya adalah bangunan kayu yang didirikan pada 1881, berhampiran panggung wayang Cina. Bangunan ini dilengkapi dengan senjata dan jam besar, namun beberapa tahun selepas itu telah diubah keadaannya. Balai Polis ini menjadi pusat kemudahan bomba yang disatukan dengan pasukan Bersenjata Polis Perak. Sebuah lagi bangunan dikenali sebagai Fort Carnovan didirikan pada 1881 dan siap pada 1885 di bawah arahan Kolonel Walker bertujuan menjadi stor atau gudang menyimpan senjata dan peluru.

BAB 5

# Perubahan Sosio Politik

## Taiping sebagai Ibu Negeri Perak

Negeri Perak merupakan negeri Melayu pertama di Semenanjung Tanah Melayu menerima pengaruh politik dan pentadbiran British menerusi Perjanjian Pangkor. Ini diikuti negeri-negeri Melayu seperti Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan kemudian disatukan pentadbiran mereka dengan Perjanjian Persekutuan 1896. Keempat-empat buah negeri Melayu tersebut diseragamkan pentadbirannya dikenali sebagai Negeri Melayu Bersekutu atau Federated Malay States (F.M.S). Sebelum itu, Pulau Pinang, Melaka dan Singapura dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat atau Strait Settlements. Negeri Johor terus merdeka, manakala negeri-negeri Melayu di utara dan pantai timur mengandungi Perlis, Pattani, Kedah, Kelantan dan Terengganu dianggap Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu atau Unfederated Malay States.

Kelima-lima buah negeri Melayu tersebut dipanggil juga Negeri-Negeri Melayu Utara ataupun Negeri-Negeri Melayu-Siam kerana di bawah naungan kuasa Siam dan menghantar ufti atau Bunga Emas kepada kerajaan tersebut. Maka kedudukan Semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 adalah dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat di bawah Siam serta Negeri-Negeri Selat di bawah British, Negeri-Negeri Melayu Utara di bawah Siam serta negeri Johor bebas.

Pada 1 Julai 1896, Frank Swettenham dilantik sebagai Residen-Jeneral mengetuai Residen-residen British untuk empat buah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kuala Lumpur dipilih menjadi pusat pentadbiran, namun ada ura-ura untuk menjadikan Taiping sebagai pusat pentadbiran kerana bandar ini membangun berbanding dengan Kuala Lumpur yang baru dibuka. Kedudukan Taiping yang jauh ke utara dan keadaan Kuala Lumpur terletak di tengah-tengah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menyebabkan bandar itu dipilih. Dengan penubuhan Kerajaan Persekutuan maka berbagai-bagai kemajuan baru dicapai, misalnya penubuhan Penasihat Undang-Undang, Setiausaha

Hal Ehwal Masyarakat Cina, Pesuruhjaya Kehakiman, Pesuruhjaya Polis, Pengarah Jabatan Kerja Raya dan berbagai-bagai lagi. Ini menjadikan Kuala Lumpur pusat untuk menyatukan ciri-ciri awal pentadbiran serta penubuhan jabatan-jabatan pentadbiran yang baru Kerajaan Kolonial British. Malah Kuala Lumpur menjadi pusat pengurusan pentadbiran di kalangan negeri-negeri Melayu. Raja-raja Melayu pula dapat bertemu dan berbincang sesama mereka di Kuala Lumpur dalam siri-siri pertemuan untuk Majlis Persidangan Raja-Raja.

Seperti yang disebutkan sebelumnya, akibat campur tangan British dan kekayaan daerah Larut, maka Taiping menjadi pintu masuk kepada pembentukan pentadbiran pertama British. Bermula pada April 1974, berbagai-bagai usaha pembangunan awal dimulakan di bandar ini yang tidak berjauhan dengan Kuala Kangsar. Taiping kemudian terus menjadi tumpuan keturunan Eropah khususnya orang Inggeris yang berkhidmat di negara ini. Suasana pembangunan yang tumbuh begitu pesat sekitar bandar Taiping menarik minat orang Barat sebagai destinasi kunjungan ataupun untuk menetap.

Di Taiping pentadbiran daerah dibantu oleh Ketua Pegawai Polis, Pegawai Kerja Raya, Ukur dan Tanah, Pegawai Perubatan, Hakim, Penguasa Penjara, Merinyu Perlombongan, Shahbandar (Kastam) dan jabatan-jabatan lain.

Bandar Taiping yang menjadi pusat pentadbiran negeri Perak di tengah-tengah daerah Larut terus berperanan sebagai nyawa kepada

JADUAL 8 Pegawai-pegawai British di Taiping 1883

| | | |
|---|---|---|
| Sir Hugh Low | - | Residen British. |
| Martin Lister | - | Setiausaha Residen. |
| Leung Kam Tsun | - | Jurubahasa Cina. |
| A. T. Dew | - | Shahbandar, Matang. |
| W. P. Hall | - | Penolong Perbendaraan. |
| F. W. Mais | - | Penolong Juru Ukur. |
| H. L. Pemberton | - | Penolong Juru Ukur. |
| W. J. Martin | - | Pengusaha, Jabatan Kerja Raya. |
| T. F. Toft | - | Pengusaha, Pos dan Taligraf |
| F. H. Stone | - | Pengusaha, Perlombongan |
| Mejar Tranchell | - | Pengusaha, Penjara |
| Kapten G. E. Giles | - | Penolong Pesuruhjaya, Pasukan 1st Perak Sikh. |
| N. T. Gray | - | Jurutera Daerah |

(Perak Government Gazette 1889)

JADUAL 9. Jumlah Penduduk Taiping, 1888 dan 1921

| Bangsa | Tahun | |
|---|---|---|
| | 1888* | 1921** |
| Melayu | 2,075 | 1,839 |
| Cina | 25,637 | 12,193 |
| India | 1,268 | 6,349 |
| Eropah | 149 | 285 |
| Serani | – | 232 |
| Lain-lain | – | 213 |

(Khoo Kay Kim 1988)

kemakmuran ekonomi Perak. Menurut catatan hasil kutipan cukai yang dikeluarkan oleh Perbandaran Perak 1877, menjelaskan:

Larut provided by far the greater part of the revenue of Perak. 1876 total revenue of Perak was $273, 043, which Larut provided $231, 043 or rather than more than 3/4, 1877, out of a total revenue from Perak of $282, 235. Larut provided $218, 216, and of this the duty on Larut tin exports accounted for $139, 396 or almost half of the revenue of Perak.

Pada masa bijih timah mendatangkan keuntungan yang cukup lumayan kepada kerajaan Kolonial British di Tanah Melayu, perusahaan getah juga dianggap sebagai hasil negeri yang penting. Pihak British membawa masuk benih biji getah dan ditanam di serata Semenanjung Tanah Melayu pada seluas 38,000 ekar pada 1905. Dalam masa setahun sahaja, jumlah itu bertambah menjadi 100,000 ekar dan empat tahun kemudian meningkat kepada 500,431 ekar. Bahkan tanaman getah di Tanah Melayu merupakan separuh daripada jumlah keluasan tanaman getah dunia.

Kini, getah memainkan peranan menggantikan pengeluaran bijih timah. Kawasan Taiping di Larut turut tidak ketinggalan menanam pokok-pokok getah. Terletak sekitar 9.6 km dari bandar Taiping berhampiran dengan Stesen Keretapi Simpang ialah Jebong Estate suatu kawasan ladang getah yang luas. Tidak jauh dari ladang itu Matang Jambu Estate kepunyaan Frederick H.E. Sperling yang dibuka pada tahun 1898. Begitu juga dengan Selinsing Estate kepunyaan W.F. Dew, G. Graham Clarke dan C.J Bayley. Pada 1907, ladang ini dibeli oleh Selinsing Rubber Company yang mempunyai pejabat berdaftar di Colombo, Ceylon (Sri Lanka). Kawasan yang terkenal dengan

perlombongan iaitu Kemunting juga mempunyai ladang getah yang dikenali sebagai Kemunting Estate, pemiliknya ialah Syarikat Guthrie.

Dengan itu, perusahaan getah turut menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi penduduk Taiping. Penghasilan bijih timah dan getah adalah dua faktor yang menjamin Taiping supaya tetap menjadi ibu kota negeri Perak. Kemunculan ladang-ladang getah telah menambahkan bilangan pengurus ladang keturunan Eropah dan mereka bergantung kepada bandar Taiping untuk mendapatkan bekalan bahan mentah di samping kegiatan dalam kehidupan sosial orang Barat. Ini menjadikan Taiping bukan sahaja pusat pentadbiran British, malahan sebagai pusat kegiatan ekonomi seperti getah dan bijih timah.

Sebagai bandar utama dan ibu negeri, maka berbagai-bagai jenis permainan dan sukan diadakan di Taiping. Masyarakat Barat yang mendiami bandar ini berminat sekali dengan permainan seperti bola sepak, ragbi, tenis, kriket, renang dan sebagainya. Pentadbiran British seperti Frank Swettenham, E.W. Birch dan Lt. Kol. R.S.F turut memberikan sokongan malah mereka juga adalah pemain kriket yang berkebolehan. Bagi memeriahkan permainan tersebut, Walker menghadiahkan piala pusingan untuk dipertandingkan di kalangan pasukan seperti Taiping Recreation Club, Sekolah King Edward dan pasukan-pasukan dari Kuala Kangsar, Ipoh, Batu Gajah, Telok Anson (Intan) dan sebagainya. Permainan bola sepak menjadi begitu popular pada awal 1920-an.

Untuk memupuk minat dalam bersukan di kalangan remaja, kaum Eropah yang mendiami bandar Taiping memberi tunjuk ajar kepada murid-murid sekolah mengenai kegiatan bersukan. Sekolah King Edward VII mendahului sekolah-sekolah lain di Semenanjung Tanah Melayu dalam bidang sukan. Pada 1902 sekolah ini berjaya menguasai Piala Walker yang menjadi rebutan antara sekolah-sekolah. Antara pemain terkenal waktu itu ialah dua beradik W.H. Toft dan E.H. Toft (anak kepada T.F. Toft, Penguasa Pos dan telegraf, Taiping), Chin Ah Ming dan paling terkemuka ialah P.C. Lessiar, kesemua mereka mewakili negeri Perak.

Dalam permainan hoki, pelajar Sekolah King Edward VII mendapat bimbingan dari anggota Malay States Guides, orang-orang keturunan India sememangnya handal dengan permainan hoki. Negara India sendiri sebelum Perang Dunia II tidak pernah kalah dalam siri-siri perlawanan hoki dalam Sukan Olimpik yang diadakan empat tahun sekali itu. Taiping mendahului bandar-bandar lain di negara ini dalam

permainan hoki kerana pertandingan antara kelab-kelab telah bermula di ibu kota negeri Perak ini sejak awal abad ke-20.

Menyebut tentang permainan ragbi, sukan ini begitu sinonim dengan nama Sekolah King Edward VII institusi pertama di negara ini di mana anak-anak tempatan mula menyertai permainan ini. Permainan ragbi diperkenalkan oleh Kapten Newboult, J.D. Mead dan H.P. Bryson. Ragbi adalah sukan yang sangat popular di kalangan orang Inggeris dan penduduk tempatan jajahan British. Salah seorang pemain terkemuka dari Sekolah King Edward VII ialah Dr. Lim Swee Aun, bekas Menteri Perdagangan dan Perusahaan, kabinet Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Pada 1930-an permainan bola sepak menjadi sukan yang paling popular. Pasukan bola sepak yang terkenal waktu itu ialah pasukan Larut Peranakan Club dan Tekka Tin. Tiga orang daripada pemainnya mewakili negeri Perak dalam pertandingan Malaya Cup, mereka itu seperti Liew Kam Chan bermain di bahagian sayap kanan. Manakala barisan pemain muda dari Sekolah King Edward VII seperti Mohamad Darus, Zackaria, Yahayauddin selaku Kapten 1931 dan Alladad Khan selaku Kapten 1927-1930. Permainan badminton juga amat digemari di Taiping pada 1930-an. Beberapa buah persatuan badminton ditubuhkan, seperti Taiping Physical Culture League, Lodge Badminton Party, Evergreen, Freshmen, Ann Cheng Party, Catchments dan pada 17 Mei 1935 ditubuhkan Taiping and District Badminton Assocation.

Dalam bidang olahraga, Taiping menjadi peneroka apabila pada 10 April 1908 diadakan kejohanan tersebut bertempat di Sekolah King Edward VII. Pada hari tersebut bangunan sekolah dan padang permainan dihias indah dengan bendera dan bunga oleh Malay States Guides sebagai menyambut sukan olahraga yang julung kali diadakan di negara ini. Pada 1930, Sekolah King Edward VII juga berbangga dapat melahirkan seorang ahli sukan yang sangat terkenal di negara ini iaitu, Alladad Khan. Beliau bukan sahaja terkenal sebagai jaguh pelari pecut tetapi juga ahli sukan yang mewakili negeri Perak dalam permainan bola sepak, ragbi dan hoki.

Suatu lagi kegemaran masyarakat Barat yang menetap di Taiping dan turut diminati bersama oleh masyarakat tempatan ialah sukan lumba kuda. Perak Turf Club ditubuhkan pada 1896 oleh Lt. Kol. R.S.F. Walker yang memainkan peranan terhadap kemajuan kelab tersebut. Sukan lumba kuda yang bermula di gelanggang Taiping inilah kemudiannya merebak ditubuhkan di tempat-tempat lain serata

Semenanjung Tanah Melayu. Gelanggangnya terletak kira-kira 4.8 km dari bandar Taiping. Biasanya sukan ini diadakan sekitar bulan Ogos setiap tahun dengan mengimport kuda-kuda jenis terbaik dari negara Burma (Myanmar). Maka setiap kali diadakan perlumbaan, suasana begitu meriah bagi masyarakat penduduk sekitar bandar Taiping yang menyambut baik sukan itu sebagai satu majlis sosial yang memberikan kesempatan untuk bergaul di samping bersukan. Dua orang anak lelaki Chang Ah Kwee (Kapitan Cina Hai San) bernama Chung Thye Siong dan Chung Ah Yong, mempunyai kuda-kuda lumba yang dilatih dan dipelihara oleh seorang pelatih Eropah.

Sebagai pusat pentadbiran, maka Taiping juga terbukti memainkan peranannya sebagai pusat kegiatan sukan yang istimewa dan banyak mempelopori aktiviti berbagai-bagai jenis sukan yang dimulakan di bandar itu. Rakyat tempatan yang mula menerima pengaruh kehidupan Barat turut menyambut baik setiap kali acara-acara sukan berlangsung di bandar ini bagi mengisi masa lapang mereka. Penyertaan penduduk Melayu di kampung-kampung sekitaran di daerah Larut ini telah memulakan suatu fenomena baru dalam memenuhi kegiatan riadah menerusi sukan. Malah pada kesempatan ini masyarakat penduduk daerah Larut khususnya mula terdedah dengan proses pembangunan sosial dan interaksi penduduk dari pelbagai keturunan.

Suatu perubahan besar berlaku pada 1932 mengenai sistem pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu termasuklah negeri Perak. Sejak tertubuhnya Kerajaan Persekutuan pada 1896 banyak kuasa kerajaan negeri dipindahkan kepada kerajaan pusat di Kuala Lumpur, hingga menimbulkan rungutan di kalangan Raja-raja Melayu.

Kuasa Residen British di peringkat negeri masih dikekalkan mengawal urusan politik, pentadbiran, kewangan dan sebagainya seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri:

> The Resident had politic and administrative as well as consultatives duties, and to maintaince peace, intiate a sound system of taxation, develop the resources of the country and supervise the collection of revenue. (Sadka 1977)

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Perak yang berlangsung di Taiping pada 1932, beberapa perkara dibangkit dan dibahaskan sejajar dengan pemulangan kuasa pentadbiran Kerajaan Negeri. Mesyuarat itu dihadiri oleh Paduka Seri Sultan Iskandar (1918-38), Raja Muda Aziz, Residen British B.W. Elles, Pembesar-pembesar Negeri, Pegawai-pegawai

Pentadbiran British, Pemimpin Masyarakat dan Pelombong-pelombong. Mesyuarat membincangkan masalah pentadbiran negeri Perak, masalah pengambilan semula Pulau Pangkor dan daerah Dinding yang diserahkan kepada pihak British. Terdapat juga untuk memindahkan pusat pentadbiran atau ibu kota negeri Perak dari Taiping ke bandar Ipoh yang muncul jauh lebih maju dari segi perkembangan ekonominya. Malah sejak perlombongan bijih timah semakin berkurangan di kawasan Larut, maka kawasan Kinta telah menggantikan kekayaan Larut hingga menyebabkan perpindahan penduduk ke kawasan berkenaan.

Sebenarnya cadangan untuk memindahkan ibu negeri Perak ini telah dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir Hugh Clifford pada tahun 1927 dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, di Kuala Lumpur. Berita tentang cadangan itu mendapat tentangan hebat daripada penduduk Taiping. Menurut penduduk Taiping walau setakat mana pun majunya bandar Ipoh, tetapi dari segi perlembagaan, sejarah mahupun ekonomi, Ipoh tiada mempunyai hak untuk dimahkotakan sebagai bandaraya pertama di negeri Perak. Tambah mereka lagi, kekayaan Ipoh yang dijadikan alasan tersebut adalah terbatas lambat-laun pengeluaran bijih timah di lembah Kinta akan merosot.

Dalam pada itu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak kelahiran Taiping seperti Dr. Saw Ah Choy dan Toh Eng Hoe turut mempertahankan kepentingan hak bandar Taiping setiap kali ada perbahasan. Untuk menyuarakan bantahan mereka dengan lebih lantang, penduduk Taiping telah menerbitkan sebuah akhbar mingguan, iaitu *Taiping Weekly Record*. Tokoh yang memainkan peranan utama dalam penerbitan akhbar di Taiping ialah Yeoh Teng Khoo, seorang guru sekolah dan ahli sukan yang dikenali ramai. Manakala penduduk bandar Ipoh pula mempertahankan pandangan dalam *The Times of Malaya*. Dengan itu, penduduk Taiping dan Ipoh berjuang habis-habisan untuk kepentingan hak masing-masing dan menjadikan media sebagai medan pertembungan pendapat.

Pemimpin-pemimpin masyarakat di Taiping seperti Orang Kaya Menteri Wan Ahmad Rasdi, Chua Gong Kow, Alexander Keir, Hugh Fraser juga mempertahankan supaya ibu negeri tidak dipindahkan dari Taiping. Akhbar *Taiping Weekly Record* menegaskan:

There is nothing farther from the truth or universal practice than the Capital must be situated in the largest town of the district. The factors that go to make it important as

a Capital and as a bussiness centre need not neccessarily be the same, but are entirely different in more cases. That a combination of the seat of the growth and the seat of bussiness is was less far the progress of a State is an erroneous idea conceived perhaps by people who have not examined the actual examples in other parts of the world. (*Taiping Weekly Record*, 1935, 12)

Raja Muda Aziz yang menetap di Teluk Intan turut menyatakan pendapatnya yang tidak menyetujui rancangan itu. Menurut beliau:

As such his suggestions cannot be dismissed as trivial. In the questions of the transfer of the State Capital to Ipoh he has quite justly favourd the vetention of Taiping as the perpetual Capital, and none but those who have a deep interest in the unfriendly development of Ipoh will be likely to disagree with him. Now he has brought up the question of erecting a new Residency in Taiping, a work which has long been overdue, and, as expected, an objection to the Council from Ipoh, the trumpeted in his objections being, it is stated, that Taiping is in a romate part of the States. (*Taiping Weekly Record* 1935).

Bagaimanapun segala hujah-hujah itu tidak dapat diterima. Rancangan untuk memindahkan ibu negeri Perak dari Taiping ke bandar Ipoh diteruskan. Perasaan pahit itu terpaksa diterima dengan akur. Sungguhpun rancangan pemindahan diatur, pada tahun 1930 pembinaan lapangan terbang pertama di negara ini di bina di Taiping. Pada 6 November 1931, buat pertama kalinya dua buah pesawat Angkatan Udara Diraja British (Royal Air Force) mendarat di Lapangan Terbang Taiping yang mempunyai keluasan landasan 836 meter panjang dan 800 meter lebar. Suasana menjelang meletusnya Perang Dunia II telah melambatkan rancangan pemindahan yang dijangka pada 1937. Sejurus selepas tamat perang maka Pentadbiran Tentera British atau British Millitary Administration (BMA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak pada 1945 telah memindahkan ibu negeri Perak Taiping ke bandar Ipoh. (Khoo Kay Kim 1988, 18).

Sebenarnya semasa penubuhan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1896, Taiping pernah dicadangkan sebagai ibu kota negara Tanah Melayu, bukannya Kuala Lumpur. Bagaimanapun, kenyataan ini tidak pernah tercatat dalam mana-mana buku atau sumber penulisan sejarah, bukti yang ada hanya dalam akhbar *Perak Pioneer and Native Advertiser* yang diterbitkan pada tahun 1894 di Taiping. Ketika itu bandar Taiping menjadi pusat birokrasi Kerajaan British dan mempunyai jumlah penduduk Cina yang ramai.

Residen British ketika itu Sir Hugh Low berjaya mengembalikan kepercayaan Sultan Perak dan rakyat mengenai kebaikan sistem residen yang telah digubal oleh Kerajaan British. Hugh Low bijak mengambil hati orang Melayu dan begitu berhati-hati melaksanakan sesuatu tindakan agar tidak menimbulkan sebarang kekecohan seperti mana tercetusnya Perang Perak akibat pembunuhan J.W.W Birch. Beliau banyak mendirikan bangunan awal di bandar Taiping supaya menjadi sebuah bandar yang maju di Tanah Melayu, tetapi impiannya untuk menjadikan Taiping sebuah ibu kota tidak menjadi kenyataan. Sementara itu pada tahun 1896, Frank Swettenham yang menjadi Residen British bagi negeri Selangor mahukan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Alasannya kedudukan geografi Kuala Lumpur amat strategi, lokasinya terletak di antara Taiping, Seremban, Pulau Pinang dan Singapura. Malahan bandar Kuala Lumpur katanya mempunyai jalan raya menuju Pahang melalui Bukit Fraser. Gabenor British Sir Cecil Clementi Smith turut bersetuju dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai ibu kota negara Tanah Melayu. Bagi menyokong saranannya beliau membina pelabuhan yang dinamakan Port Swettenham (Pelabuhan Kelang sekarang) sebagai jalan masuk yang penting bagi kegiatan import-eksport.

Secara kebetulan di sebalik motif pemilihan Kuala Lumpur itu adalah kerana Residen Perak J.P. Rodger tidak dapat bersuara, beliau masih muda dan kurang pengalaman berbanding dengan ketokohan Frank Swettenham. Pemilihan Kuala Lumpur sebagai ibu kota menyebabkan penduduk Taiping memprotesnya, bagi menunjukkan tanda tidak puas hati mereka, berbagai-bagai pendapat disiarkan dalam akhbar *Perak Pioneer and Native Advertiser.* Mereka menggunakan media itu sebagai tempat menjelaskan perasaan tidak berpuas hati. Mereka menulis Pembangunan Taiping begitu pesat jika dibandingkan dengan kemampuan Kuala Lumpur yang baru dibuka itu. Walau apa pun alasan yang mereka berikan Kuala Lumpur tetap menjadi pilihan Swettenham.

Penduduk Kuala Lumpur juga tidak senang dengan tindakan Taiping dan mereka menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris *The Malay Mail* pada 1896 untuk mempertahankan hasrat dan hak mereka. Penerbitan akhbar ini dapat menangkis serangan penduduk Taiping di samping memperjuangkan kepentingan bandar Kuala Lumpur. Bandar itu kemudiannya membangun selepas diisytiharkan sebagai ibu kota Tanah Melayu pada 1896. Pada 1907-09 barulah bangunan-bangunan

kerajaan yang besar didirikan di Kuala Lumpur seperti bangunan Mahkamah, bangunan Pejabat Pos, bangunan Keretapi Tanah Melayu, Masjid Jamek serta beberapa bangunan baru. Apabila Negeri-Negeri Melayu Utara atau Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat disatukan pada 1909, peranan Kuala Lumpur diteruskan sebagai ibu kota. Taiping gagal menjadi ibu kota Tanah Melayu, begitu juga peranannya sebagai ibu negeri Perak yang telah berpindah ke bandar Ipoh selepas berakhirnya zaman Jepun pada 1945.

## Pusat Kegiatan Intelektual

Daerah Larut bukan sahaja berkembang dengan arus pemodenan tetapi juga menjadi pusat kegiatan keilmuan serta pernah menjadi tumpuan para cerdik pandai Melayu negara ini. Sekolah Melayu yang pertama di bina di negara ini ialah Sekolah Melayu Matang Gelugor yang didirikan pada 1826, jauh lebih awal sebelum kemasukkan British ke Perak. Penghijrahan penduduk Melayu dari negeri Patani memasuki kawasan Larut menyebabkan munculnya institusi pengajian agama Islam bercorak pondok di kampung Sungai Bagor, Selama, Kampung Cangkat Jering, Cangkat Ibal, Ijok dan Batu Kurau. Negeri Patani sendiri dianggap pusat kegiatan tamadun dan keilmuan Islam pada abad ke-18 dan 19 melahirkan ramai alim ulama. Justeru itu penghijrahan penduduknya ke daerah Larut telah menyemarakkan lagi kegiatan keagamaan di kawasan berkenaan.

Apabila kerajaan British mula memerintah negeri Perak mereka menganggap pendidikan Islam yang kukuh dalam peribadi orang Melayu menjadi penghalang terhadap usaha mereka mengubah pemikiran masyarakat Melayu (Philip Loh 1975). Maka usaha-usaha menyerapkan pendidikan Barat telah dilancarkan sejajar dengan polisi pendidikan British di negara ini.

Pada 28 Disember 1972. A.M Skinner dilantik menjadi Nazir Sekolah-sekolah Melayu (Inspector of Malay Schools) bagi negeri jajahan British. Beliau melihat persekolahan anak-anak Melayu ketinggalan terlalu jauh kebelakang terutama tentang pengetahuan dan pendidikan Inggeris. Masyarakat Melayu pada umumnya lebih mengutamakan pendidikan Islam tanpa mempelajari cara-cara memperbaiki kehidupan ini menerusi sistem pelajaran moden. Beliau berpendapat pentadbiran negeri tidak dapat berjalan dengan sempurna sekiranya masyarakat Melayu pembesar negeri mengabaikan sistem

pendidikan Barat. Kebanyakan orang Melayu kurang sekali pengetahuan tentang ilmu pentadbiran negeri malah semua hal-hal berkenaan penulisan hanya terserah kepada keupayaan kerani-kerani. Bagi mengatasi masalah ini, pentadbiran Residen Hugh Low pada Februari 1898 membuka sebuah Sekolah Inggeris yang pertama bertempat di Kemunting dan beberapa buah lagi di negeri Perak.

## Institusi Latihan Perguruan

Pada 1890, H.B. Collinge dilantik menjadi Nazir Sekolah yang pertama bagi negeri Perak. Beliau membuat laporan khas mengenai pendidikan dan sistem pengajaran untuk menubuhkan Normal School bertempat di Taiping. Bagaimanapun, Gabenor Negeri-Negeri Selat, Clementi Smith menolak cadangan H.B. Collinge dengan alasan penubuhan itu tidak praktikal kerana Maktab Latihan Guru Singapura telah pun ada. Oleh kerana institusi latihan bertempat di Singapura yang berjauhan, maka Clementi Smith gagal mengemukakan alasan kukuh mempertahankan pendapatnya. Sedangkan H.B. Collinge dalam Laporan Tahunan Perak 1895 terus menyatakan hasratnya yang memerlukan sebuah institusi perguruan Melayu di Perak. Desakan beliau ini akhirnya sampai ke pengetahuan Residen Perak, W.H. Treacher, pada 6 Oktober 1896 beliau mengeluarkan peruntukan permulaan sebanyak $1,000 untuk segera menubuhkan Teacher Training College di Taiping pada pertengahan 1897.

Pada 12 Oktober 1896, Residen Perak menghubungi Residen - Jeneral, Kerajaan Persekutuan, Frank Swettenham yang menyatakan akan kepentingan maktab latihan tersebut dan pengambilan guru-guru Melayu. Pada Jun 1898, di bawah pengawasan H.B. Collinge, maktab latihan pertama dibuka dengan rasminya di sebuah bangunan yang disewa di bandar Taiping. Seorang Guru Pelawat, Syeikh Nasir dilantik sebagai Pengetua selama dua tahun dengan gaji $360-$660 dengan timbalannya Mohammad Arif.

Seorang guru berketurunan Eropah dicadangkan sebagai Guru Besar dengan bayaran gajinya sebanyak $120 sebulan atau $2,400 setahun. Maktab yang dinamakan sebagai Sekolah Persediaan Perguruan Untuk Guru Lelaki Melayu ini menerima perbelanjaan sebanyak $3,000 setahun dan dibiayai oleh kerajaan negeri Perak dan Selangor. Kursus peringkat pertama dimulakan dengan pengambilan seramai 10 orang pelajar, 5 orang dari negeri Perak dan 5 orang lagi dari Selangor.

Mereka dipilih daripada murid yang lulus Darjah III yang merupakan kelayakan paling tinggi ketika itu. Dalam tempoh dua tahun pengajian serta latihan, mereka diajar cara mengajar yang betul. Kursus pendahuluan ialah mengenai mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah Melayu serta ditambah dengan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Syeikh Nasir dan Mohammad Arif berusaha melengkapkan pelajarnya dengan pendidikan tinggi yang dapat membekalkan bakal guru tentang tata kerja dan sistem pendidikan secara moden. Nazir Sekolah Melayu Perak ditugaskan mengawasi perkhidmatan maktab ini.

Bagaimanapun setelah semuanya berjalan lancar, kira-kira dua tahun kemudian, Maktab Latihan Perguruan Melayu yang pertama di Semenanjung ini terpaksa ditutup. Penutupan ini dikaitkan dengan penubuhan Maktab Latihan Perguruan Melaka, bertujuan mengumpul semua pelajar negeri-negeri jajahan British seluruh Semenanjung. Walaupun pada Julai 1898, Frank Swettenham tetap mempertahankan supaya Taiping terus menjadi pusat institusi latihan perguruan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat, namun Gabenor yang baru, Sir George Mitchell menyatakan bahawa maktab latihan perguruan di Taiping, "*too small and not sufficiently advanced for a good school for teachers for the Colony*". Akhirnya pada 1 Mac 1900, bermulalah pelajar baru memasuki Maktab Latihan Perguruan Melayu Melaka menggantikan maktab penguruan di Taiping.

Beberapa ketika keadaan di Taiping agak sunyi. Tetapi tidak lama selepas itu, pada 11 Oktober 1913 Maktab Perguruan Melayu Matang telah ditubuhkan. Penubuhannya adalah sejajar dengan ucapan Pesuruhjaya Tinggi British pada Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang menegaskan:

> Tuan-tuan juga akan diminta supaya mengadakan peruntukan yang lebih bagi membayar gaji guru-guru sekolah tempatan (vernacular). Didapati amat sukar mendapatkan guru-guru yang cekap bagi sekolah-sekolah Melayu, dan walaupun Maktab Matang akan berfaedah menyediakan latihan-latihan perguruan yang penting, tetapi adalah difikirkan bahawa untuk memilih penuntut-penuntut yang baik eloklah tangga gaji yang lebih liberal diadakan (Awang Had 1980, 43-27).

Maktab ini dikhaskan kepada pelajar-pelajar dari negeri Perak sahaja dan penubuhannya menurut O.T. Dussek adalah berdasarkan pengaruh Maktab Melayu Melaka. Perkara ini mendesak Paduka Seri Sultan Idris memutuskan untuk menaja sendiri penubuhannya.

Bangunan Kota Ngah Ibrahim di Matang, Taiping dijadikan pusat pengajian atau institusi latihan perguruan dengan Pengetua pertamanya Alexander Keir, 1913-20. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Nazir Sekolah-sekolah Perak dan seterusnya sebagai Pemangku Pengarah Pelajaran. Tempat beliau sebagai Pengetua digantikan oleh tokoh pendidikan terkenal waktu itu, Abdul Majid Zainuddin yang mula dikenali sebagai 'Majid Matang'. Beliau merakamkan pengalamannya semasa mengajar di Matang dalam autobiografi dirinya berjudul, *The Wandering Thoughts of a Dying Man*. Abdul Majid Zainuddin berasal dari Selangor bersama menantunya Mohd Zin Haji Ayub bersahabat baik dengan Zainal Abidin Ahmad (Zaaba) yang ketika itu mengajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Menerusi persahabatan inilah ketiga mereka menyemaikan bibit-bibit semangat kebangsaan menentang penjajahan.

Tenaga Pengajar Maktab Perguruan Melayu Matang:

1. Muahammad bin Datuk Muda Linggi (bapa saudara Zaaba), lulusan Maktab Perguruan Melayu Melaka, mengajar Bahasa Melayu.
2. Nordin Haji Harun, lulusan Maktab Perguruan Melayu Melaka, mengajar Bahasa Melayu dan Perkebunan.
3. Haji Muhammad Ali - Guru Quran.
4. Saad Haji Hussein, lulusan Maktab Perguruan Melayu Matang.
5. Kunan Singh-Guru Kawad

Maktab memulakan sesi pertama pada 1 November 1913 dengan seramai 50 orang pelajar diambil dan diberi latihan selama seminggu bagi memenuhi latihan mengajar. Setiap tahun purata seramai 25 orang penuntut diambil dan dalam tempoh sembilan tahun maktab ini telah melahirkan seramai 200 orang guru Melayu. Bagi menduduki peperiksaan penuntut dikenakan ujian mingguan dan bulanan meliputi mata pelajaran Ilmu kira-kira, Bacaan, Tulisan, Papan Hitam, Pengetahuan Am, Lukisan Peta dan sebagainya. Setiap pelajar menerima $1.50 sen sebulan sebagai wang saku, dinaikkan sebanyak $3.00 menjelang penutupnya. Maktab ini juga menerima jumlah peruntukkan sebanyak $15,887. Akhirnya pada 26 Oktober 1922, keputusan muktamad telah diambil untuk menutup Maktab Perguruan Melayu Matang, penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), Tanjung Malim. Sehubungan dengan itu, ramai tenaga pengajar yang berpengalaman di Matang dipindahkan ke maktab perguruan SITC yang mula mengukir nama setelah Taiping menjadi pusat kegiatan pendidikan.

## Kegiatan Akhbar Melayu

Jika di negara Indonesia terdapat golongan Indo-Eropah atau kacukan peribumi dengan keturunan Belanda, maka di negara ini terdapat keturunan peranakan India-Muslim dengan Melayu tempatan mempelopori pertumbuhan akhbar Melayu. Masyarakat yang disebut Jawi Peranakan ini berkebolehan menguasai bahasa Inggeris, misalnya Abdullah Munsyi dan anaknya Muhamad Ibrahim Munsyi, merupakan tokoh dan jurubahasa kepada pentadbiran Inggeris. Dengan itu lahirlah akhbar *Jawi Peranakan* yang dikelolakan penerbitannya pada 1876-1888 oleh Munsyi Mohammed Ali dan kemudiannya Munsyi Muhammad Said. Penerbitan akhbar ini menerima persaingan daripada akhbar-akhbar lain seperti *Syamsu wal-kamar*, *Nujumu'l Fajar* (Idaran Bintang Timur), *Sekolah Melayu*, *Tanjung Penari*, *The Strait Chinese Herald* dan yang lain.

Di Taiping akhbar mingguan *Seri Perak* telah memulakan penerbitan sulungnya pada awal Jun 1893, dicetak dan diterbitkan oleh Sayid Abu Hassan Burhan, dicetak oleh Taiping Press. Pengarangnya Mohamad Omar bin Abu Bakar meletakkan jawatannya pada penghujung 1894, ini menyebabkan penerbitannya menghadapi masalah mendapatkan editor yang cekap. Akhirnya menjelang awal Mac 1895, akhbar *Seri Perak* terpaksa diberhentikan penerbitannya.

Sayid Abul Hassan Burhan akhirnya berjaya memujuk Mohamad Omar bin Abu Bakar meletakkan jawatanya di Kuala Lumpur dan kembali ke Taiping untuk bekerja semula dengan Taiping Press yang ditukarkan namanya kepada Percetakan Press Pioneer. Dengan itu, pada 4 November 1896 lahirlah akhbar mingguan diberikan judul *Jajahan Melayu*, penerbitannya menggunakan litografi, dicetak sebanyak empat halaman dan ukuran bidangnya 20 x 13 inci. Tulisan khat Jawinya amat indah dari penulis yang mahir, akhbar itu melaporkan berita tentang sejarah dan masalah sosial yang berlaku di negeri-negeri Melayu. Berita-berita seperti perlantikan penghulu, pembesar negeri, berita mahkamah dan kejadian yang berlaku saban hari turut dimuatkan dalam laporan akhbar ini. Pembacanya terdiri daripada kalangan pembesar-pembesar Melayu seperti golongan raja-raja dan penghulu, Raja Chulan sendiri turut menjadi pengedar akhbar *Jajahan Melayu* di kawasan Kuala Kangsar.

Harga langganannya setahun sebanyak $3.00, namun penerbitannya hanya dapat bertahan dalam tempoh 13 bulan sahaja. Sepanjang

penerbitannya, ia melibatkan tiga orang pengarang, iaitu Muhammad Omar bin Abu Bakar, Mohamad Ghoolam Kader bin Mohamad Ali dan Sayid Abul Hassan Burhan sendiri. Keluaran terakhir *Jajahan Melayu* pada 28 Oktober 1897 adalah percubaan terakhir bagi Sayid Abul Hassan Burhan menerbitkan akhbar berbahasa Melayu. Setahun kemudian beliau menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris yang pertama lahir di negeri Melayu, *Perak Pioneer and Native States Advertiser.* Beliau turut menjadi editor dari keluaran bertarikh 14 Ogos 1909 sehinggalah keluaran terakhir akhbar itu bertarikh 4 Julai 1912.

Kehilangan *Jajahan Melayu* digantikan oleh *Warta Kerajaan Perak*, sebuah akhbar bulanan pihak kerajaan British, diterbitkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan. Akhbar ini mula dicetak dengan Jilid 1 bulan Januari 1887, dicetak oleh Govertment Printing Office, Taiping dalam huruf Jawi versi Melayu. Kandungannya meliputi warta perjawatan negeri, penyata bulanan dan tahunan, perwartaan undang-undang dan berita-berita mengenai pentadbiran negeri Perak. Harga langganan sebanyak $ 2.40 setahun, merupakan termurah ketika itu, dan terbitan edisi Jawi paling akhir pada bulan April 1905 (Ahmat Adam 1994, 67-69).

Seperti yang disebut sebelumnya, akhbar *Taiping Weekly Record* diterbitkan sepanjang tahun 1935 untuk mempertahankan pemindahan ibu kota negeri Perak dari Taiping ke bandar Ipoh. Keluaran pertama akhbar ini terbit pada 4 Mac 1935 dan keluaran akhirnya pada 25 Oktober 1935 dengan harga 10 sen senaskah. Menurut Residen British di negeri Perak ketika itu, G.E. Cator pada keluaran sulungnya:

> Taipeng is justly proud of its history, the beauty of its, and the spirit of goodwill which its name germinates. I hope that the 'Weekly Record' will prove that Taipeng is also capable of producing and enjoying a journal worthy of its past associations and its present and future importance. I am glad to learn that the literary and journalistic talent of Taipeng is no longer content to hide its, light under a bushed and hope this new ventured will archieve all the success.

Menurut catatan akhbar *Seri Perak, Perak Pioneer* dan *Jajahan Melayu*, diterbitkan oleh Taiping Press, kepunyaan M.D Rozario terletak di no. 35-37, Main Road, Taiping. Akhbar-akhbar tersebut menjadi bahan bacaan popular di kalangan murid sekolah dan penduduk di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Apabila pengusahanya bukan lagi keturunan Jawi Peranakan, maka pengusaha Melayu lebih mengharapkan anak-anak Melayu supaya menerima pendidikan Inggeris.

JADUAL 10. Penerbitan akhbar dan majalah di Taiping

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Seri Perak (Mingguan Jawi) | - | Jun 1893 - Mac 1895 |
| 2. | Perak Varthamani (Tamil) | - | 1894 |
| 3. | Thajobamani (Tamil) | - | 1896 |
| 4. | Jajahan Melayu (Mingguan Jawi) | - | 4 November 1896-28 Oktober 1997 |
| 5. | Perak Pioneer and Native Advertiser | - | 1894 - 4 Julai 1912 |
| 6. | Perak Govertment Gazette | - | Januari 1888- Januari 1910 |
| 7. | Taiping Weekly Record | - | 4 Mac 1935- 25 Oktober 1935 |
| 8. | Urimai (Tamil) | - | 1943 |
| 9. | Attaqwa (Bulanan Jawi), Azzainiah. | - | Januari 1947 |

*(Kertas kerja Mohd Sarim Mustajab 1990)*

Kedatangan penjajah Inggeris memperkenalkan teknologi percetakan menjadikan persuratkhabaran Melayu sebahagian daripada wahana intelektual Melayu. Penerbitan bahan bacaan tersebut memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan bahasa dan sastera Melayu, hingga boleh membangkitkan kesedaran nasionalisme.

## Penubuhan Sekolah Inggeris

Residen British di negeri Perak, Frank Swettenham telah membuat kenyataan dalam Laporan Tahunan Negeri Perak 1890 berhubung dengan kebaikan sistem pendidikan Inggeris di negeri itu. Begitu juga tentang masalah anak-anak Melayu yang belajar tentang pengajian Al-Quran tetapi tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di bidang akademik. Misalnya 1891, seramai 448 orang pelajar masuk sekolah Inggeris, pelajar Melayu cuma 38 orang sahaja. Laporan Collinge pada 1896 pula, menyatakan bahawa semakin ramai anak Melayu mulai belajar di sekolah-sekolah Inggeris yang disediakan pihak kerajaan. Tetapi daripada jumlah keseluruhan pelajar di negeri Perak, apabila tamat belajar didapati seramai 2,070 pelajar Melayu menjadi pekebun dan pesawah padi, seramai 118 orang menjadi kerani ataupun pelayan pejabat dan seramai 59 orang menjadi guru sekolah. Kira-kira lapan tahun kemudian, menurut Residen Perak E.W. Maxwell dalam Laporan Tahunan Negeri Perak 1904 seramai 2,900 pelajar Melayu belajar di Sekolah Inggeris. Setelah tamat persekolahan, cuma 24 orang sahaja menjadi kakitangan jabatan kerajaan, seramai 10 orang menjadi guru dan selebihnya kekal sebagai penoreh getah ataupun nelayan.

Ini bukannya bererti masyarakat Melayu mengabaikan pendidikan Barat, tetapi secara beransur-ansur mereka mula memahami dan menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan di sekolah-sekolah Inggeris. Tidak dapat dinafikan pengajian Islam adalah penting bagi masyarakat Melayu pada abad ke-18 dan 19. Kedatangan Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan moden pada mulanya tidak dapat diterima oleh masyarakat Melayu. Beberapa tahun setelah pelajaran bahasa Inggeris dilaksanakan di sekolah-sekolah, masyarakat telah dapat menerimanya dengan baik. *Majalah Guru*, Jun 1926 menjelaskan:

About fifteen years ago, we Malays did not like or were prejudiced against sending our children to the English School in the belief that should our children learn English they would leave their Muslim religion and would end in Hell. The Malays called the English School the " infidel school." But now everything has changed. Many of them are beginning to send their children to English School.

Maka dengan kesedaran itu khususnya terhadap penubuhan Sekolah-sekolah Inggeris semakin menggalakkan, maka sekolah Inggeris terus didirikan di serata negeri.

## Sekolah Inggeris Kemunting

Sekolah ini adalah sekolah Inggeris yang pertama dibina di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu ialah di Kemunting, Taiping pada Februari 1878. Sebenarnya sekolah ini telah dirancang penubuhannya pada 1877, kira-kira tiga tahun setelah pihak berkuasa British memerintah negeri Perak. Matlamatnya untuk mengubah generasi penduduk negeri Jajahan takluknya supaya menerima pendidikan Inggeris dengan menyintai budaya Barat. Malang sekali, dua buah buku catatan harian berhubung dengan hari pertama sekolah ini dibuka pada 1878 sehinggalah penutupannya pada tahun 1938, telah musnah semasa pendudukan Jepun.

Oleh kerana tiada guru berkelayakan untuk mengajar di sekolah tersebut, maka seorang guru bernama Cheah Sin Huat berkelulusan Darjah VII, Penang Free School dijemput untuk mengajar di sekolah Inggeris Kemunting. Beliau dijemput oleh Cheah Boon Hean, tauke lombong yang kaya di Taiping. Dari Pulau Pinang untuk sampai ke Kemunting beliau mengambil masa selama 12 hari perjalanan, akhirnya tiba pada akhir Februari 1878 dan disambut dengan meriah. Beliau mengajar di Sekolah Inggeris pertama ini dengan jumlah muridnya

seramai 41 orang, terdiri daripada anak-anak tauke lombong, buruh-buruh lombong dan pekerja jalan keretapi Taiping-Kemunting. Sekolah ini mendapat peruntukan daripada kerajaan British berjumlah $75.00 setahun. Beberapa tahun selepas itu barulah pihak kerajaan British menempatkan seorang kerani di sekolah itu untuk merekodkan segala kegiatan awal sekolah tersebut.

Menurut buku catatan sekolah itu, Cheah Sin Huat, adalah seorang tokoh guru banyak berjasa kepada sekolah ini dalam tempoh perkhidmatannya selama 20 tahun. Beliau juga adalah pakar bahasa dan mengajar dalam tiga bahasa utama yang menjadi pertuturan penduduk Kemunting dan Taiping. Beliau mengajar bahasa Inggeris sebagaimana polisi pihak berkuasa Kerajaan British, mengajar bahasa Cina seperti dikehendaki masyarakat Cina pelombong sekitarnya dan mengajar bahasa Melayu seperti mana yang diarahkan Orang Kaya Menteri, pembesar daerah Larut. Untuk itu beliau pernah ditugaskan pulang ke Pulau Pinang, mengiring wakil Orang Kaya Menteri, untuk mendapatkan guru-guru Melayu mengajar di Sekolah Inggeris Kemunting, tetapi gagal berbuat demikian. Hanya seorang guru agama, bernama Haji Ali Baba kemudiannya membantu Cheah Sin Huat mengajar bahasa Melayu di sekolah itu.

Cheah Sin Huat sebagai Guru Besar sekolah pada 1878-1907, menanamkan semangat yang tinggi kepada murid-muridnya yang membayar sebanyak 10 sen sebulan di samping gajinya $25.00 sebulan. Beliau mencurahkan segala bentuk ilmu pengetahuannya supaya muridnya berjaya. Beliau meninggal dunia pada tahun 1908.

Salah seorang bekas muridnya bernama Low Chye Guan dilantik menjadi Guru Besar pada 1908-1928. Beliau lulus peperiksaan *Senior Cambridge* pada 1912 dan lulus Peperiksaan Normal pada 1914. Oleh kerana kesihatannya terganggu, beliau ditukarkan mengajar ke Sekolah King Edwarad VII Taiping pada 1928.

Pada 1928, E.A. Moissinac mengambil alih mengetuai Sekolah Inggeris Kemunting yang telah mempunyai jumlah murid seramai 170 orang. Dengan perkembangan sistem perhubungan dan Taiping dalam proses perbandaran, kebanyakan pelajar memilih untuk pindah dan mendaftar di Taiping. Pengurus Syarikat Kamunting Tin Dreging, A. Kneebone dan pihak pekerja Gereja England di situ menggesa supaya sekolah aliran Inggeris ini ditutup. Maka pada 1938 sekolah ini dengan rasminya ditutup. Sebagai gantinya, pihak Nazir Sekolah Negeri Perak mendirikan sebuah sekolah persendirian yang dinamakan

*Coronation English School* atau kemudiannya dikenali sebagai *All Saints School.*

## King Edward VII

Sekolah ini dibuka pada Julai 1883 dengan nama Central School yang bermula daripada sebuah bangunan kecil. Pada 1888, F.T. Thorold dilantik sebagai Pemangku Nazir Sekolah Negeri Perak dan beliau menambahkan peruntukan tahunan untuk sekolah ini kepada $1,645. Menurut F.T. Thorold murid-murid Central School berjumlah 87 orang dibahagikan kepada beberapa peringkat:

Semasa J. Driver menjadi Nazir Sekolah, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, jumlah murid sekolah ini bertambah kepada 204 orang. Guru-guru yang berkhidmat di sekolah ini kebanyakannya masih lagi guru-guru berbangsa Inggeris. Pada 1900 Roger Francis Stainer berkelulusan B.A. University London dilantik menjadi Guru Besar, Central School Taiping. Beliau dikenang sebagai seorang yang berjasa besar meningkatkan nama sekolah ini menjadi semakin terkenal di seluruh negara:

JADUAL 11. Murid-murid Central School Tahun 1888

| | | |
|---|---|---|
| Peringkat awal (Primers) | - | 18 (murid) |
| Permulaan (Beginners) | - | 23 |
| Standard (Darjah) I | - | 18 |
| Standard II | - | 13 |
| Standard III | - | 9 |
| Standard IV | - | 5 |
| Standard V | - | 1 |
| | | 87 |

(Hicks 1958)

He was a great leader, a fine sportsman and capable organiser. To this great Englishmen the school owes much of its traditions. "Play the game and play it well," that was his motto. He loved football, a great player himself, and made not only his pupils love the game, but also every parent of every child. He was loved by all rich and poor. Reading, Speech, Recitation were his pet subject. Magni Nominis Umbra was the motto he himself chose for the School. (Hicks 1958, 8)

Pada 1905, R.F. Stainer mencadangkan untuk menukarkan nama Central School ini kepada King Edward VII School, sempena pertabalan

King Edward VII menaiki takhta England kerana kemangkatan baginda Queen Victoria pada 1901. Pada 1906 kemudiannya Paduka Seri Sultan Idris Mursyidul Azam Syah, 1887-1916, merasmikan pembukaan sekolah dengan nama yang baru. Pintu gerbang mencatatkan nama Sekolah King Edward VII telah ditempah khas dan didirikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada 1908.

Sekolah ini dianggap sebagai sekolah yang terindah di seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada waktu itu. Jumlah murid yang belajar di sekolah ini semakin bertambah, nama Sekolah King Edward VII Taiping semakin harum. Sekolah ini mampu mengadakan pengajian paling tinggi, iaitu Darjah VII. Ketika itu belum ada kelas peperiksaan tinggi dan sesiapa yang layak menduduki peperiksaan *Junior Cambridge* calon itu terpaksa ke Kuala Lumpur.

Untuk beberapa tahun permainan bola sepak menjadi kegemaran sukan yang utama di sekolah ini di bawah asuhan R.F. Stainer. Beliau sendiri merupakan pemain serta pengadil bola sepak yang handal dan disegani, sering dijemput bermain di kelab-kelab Kuala Lumpur mahupun Singapura. Kegiatan sukan lain seperti jimnastik, kriket dan olahraga menjadi begitu popular apabila sekolah ini melahirkan olahragawan dan pemain kriket terkenal. Buat pertama kali, Pesta Sukan diadakan dipadang Sekolah King Edward VII pada 10 April 1908, temasya sukan ini tidak boleh dilupakan. Beberapa olahragawan mula menempah nama. J. Manen olahragawan yang menangi hadiah pertama piala yang dianugerahkan oleh Lt. Kol. R.S.F. Walker, penggiat sukan terkemuka di Taiping.

Perang Dunia Pertama tidak menjejaskan pembelajaran di sekolah ini walaupun pihak British turut terlibat dalam peperangan tersebut. Pada tahun 1919, R. F. Stainer menubuhkan pasukan di sekolah ini dan beliau sendiri bertindak sebagai Pegawai Pemerintah dibantu D. G. Doral sebagai Pegawai Rendah. Pada 1922 pasukan pengakap dikenali sebagai Second Taiping Troop ditubuhkan. Tahun 1922 juga berakhirnya tempoh perkhidmatan R.F. Stainer sebagai Pengetua Sekolah King Edward VII. Beliau dikenang sebagai seorang yang banyak berjasa dan mengambil berat terhadap kemajuan sekolah.

Pengetua baru T. J. Thomas memperkenalkan permainan yang ragbi kepada murid-murid yang kemudiannya menjadi permainan sangat popular di sekolah ini. Nama Sekolah King Edward VIII sinonim dengan permainan ragbi pada masa itu atas kejayaan pemain-pemain handalan seperti Aladdad Khan, Lee Mun Yui (Kapten 1927).

Kemudian muncul pula Lim Swee Chin sebagai Bulldog, Yeoh Teng Khoo dan Long Heng Hua. Pada 1933, pasukan ragbi sekolah ini menggemparkan peminat dengan mengalahkan Penang Free School seterusnya menjadi pemenang pertama pertandingan antara sekolah-sekolah yang julung kali diadakan di seluruh Malaya. Selepas itu, sekolah ini menjadi pemenang Perisai Gelugor (Glugor Shields) sebanyak tiga kali berturut-turut selama 4 tahun yang diadakan di Pulau Pinang.

Kegiatan sukan telah mengharumkan nama sekolah ini. Di samping kejayaan Sekolah King Edward VII menjadi pusat perkembangan intelektual. Kegiatan sukannya telah mengharumkan nama sekolah ini. Semasa Perang Dunia Kedua merebak ke negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu, sekolah ini dijadikan markas utama tentera kempeitai Jepun. Bilik-bilik darjah digunakan sebagai dewan dan penempatan tentera Jepun, sementara padang sekolah dijadikan kebun untuk bekalan makanan. Setelah tamat perang, pada 1 Oktober 1945 sekolah ini kembali ditadbir di bawah Pengetuanya, E. A. Moissinac. Seterusnya, pada 14 Januari 1946, sekolah ini berpindah semula ke bangunan yang lama ketika Kapten C. R. Tolliday menjadi pengetuanya.

## Treacher Methodist Girl's School

Menyedari bahawa sekolah Inggeris bagi anak-anak perempuan tidak ada, maka Kerajaan Perak telah membina bangunan sekolah daripada kayu di Taiping pada 1889 yang boleh menampung seramai lapan orang pelajar sahaja. Pada 1891 jumlah murid bertambah kepada 12 orang dan pada 1898 meningkat lagi kepada 36 orang. Pada tahun itu juga Kerajaan Perak membina bangunan tambahan terhadap sekolah itu yang dinamakan Goverment Girl's School. Pada April 1899, Bishop Thoburn, pendakwah agama Kristian tiba di Taiping untuk menubuhkan Methodist School, sebuah institusi yang menjadi pusat menyebarkan agama Kristian. Puan William Treacher, isteri Residen British di negeri Perak bersetuju menyerahkan pentadbiran Goverment Girl's School kepada Thoburn bagi pihak Methodist Episcopal Mission, pada hari Khamis bersamaan 4 Mei 1899. Upacara penyerahan dihadiri Pemangku Residen British, J. P. Rodgers dan isterinya, Setiausaha Kerajaan Perak, Nazir Sekolah-sekolah F. M. S. J. Driver, Paderi Horley dari Methodist Mission Ipoh dan ramai lagi. Puan Marry Carr Curtis dari Methodist Missionnary Pulau Pinang dilantik menjadi Pengetua pertama sekolah.

Pada Oktober 1900, Cik Palmer daripada Banglore, India turut menyertai tenaga pengajar sekolah ini. Pada bulan Januari 1901, Kerajaan Perak menyerahkan geran tanah bagi tujuan membesarkan bangunan sekolah serta kawasan kerana murid-murid telah bertambah. Pada Julai 1901, Puan Marry Carr Curtis pergi ke Amerika. Tempat beliau digantikan oleh Cik Mary Cody, pakar tentang kerja-kerja persekolahan peringkat awal. Setelah 13 tahun berbakti maka sekolah ini dengan rasminya dinamakan Lady Treacher Girl's School sempena nama Puan Treacher isteri Residen British, Perak. Cik Mary Cody berhenti sebagai Pengetua sekolah ini pada Mac 1902 dan digantikan oleh Cik Ethel Jackson. Jumlah murid pada masa itu seramai 41 orang, mata pelajaran penting yang dipelajari ialah bahasa Inggeris, Ilmu kira-kira, Ilmu Alam, Jahitan, Nyanyian, Lukisan dan yang lain-lain. Pada 1908 buat pertama kali seramai enam orang murid menduduki peperiksaan Darjah VI. Pada 1924 diadakan kelas untuk peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge atau Cambridge School Certificate.

Oleh kerana jumlah murid semakin bertambah, maka pihak Jabatan Kerja Raya pada 1933 membenarkan pihak sekolah menggunakan bangunan rumah banglo yang berhampiran. Namun bangunan tersebut tidak begitu sesuai, pihak pengurusan Methodist Mission menghubungi Kerajaan Perak bagi mendapatkan geran membina bangunan sendiri bernilai $30,000.00. Bangunan mengandungi 13 bilik darjah, pejabat dewan perhimpunan, bilik kakitangan, bilik muzik dan sains rumah tangga serta bengkel siap dibina pada November 1941. Upacara perasmian bangunan yang baru dilakukan oleh Paduka Seri Sultan Abdul Aziz A-Muktassim Billah Syah, 1938-1948.

Semasa Perang, pihak Jepun menggunakan bangunan ini sebagai berek tentera-tenteranya dan seterusnya bangunan itu digunakan semula setelah Jepun menyerah diri pada akhir 1945. Puan Glory Jeyamoney mula mengambil alih pentadbiran sekolah ini dan menghadapi berbagai-bagai kesukaran semasa memulihkannya setelah didiami oleh tentera-tentera Jepun selama hampir empat tahun. Pada 1948, sekolah ini menyambut Ulang Tahun Perayaan Jubli Perak penubuhannya.

## Sekolah Convent

Pada 23 Februari 1899 Paderi Wanita Mother St. Anselm paderi besar Convent Pulau Pinang tiba di bandar Taiping untuk menubuhkan sebuah sekolah Inggeris perempuan. Setelah ditubuhkan seramai 75

orang murid mendaftarkan diri yang kebanyakannya terdiri daripada murid-murid keturunan India bagi memulakan persekolahan.

Pada awal 1900 semasa menyambut abad ke-20, Paderi Wanita tersebut membuka sebuah lagi kelas bertempat di Kota, berhampiran bandar Taiping. Kelas ini dihadiri oleh seramai 26 orang murid perempuan keturunan India. Pertubuhan anak-anak yatim pula memulakan tugasnya di Kota dengan memberi bantuan terhadap kanak-kanak terpinggir di kawasan ini. Pihak kerajaan berjanji akan menderma sebanyak $2.00 sebulan kepada setiap seorang daripada anak-anak yatim tersebut.

Pada peringkat permulaannya iaitu pada 28 Julai 1902, sekolah ini menggunakan bilik-bilik darjah yang baru di Convent Kelian Pauh. Pada Disember kemudiannya, seramai empat orang pelajar dari Convent Kelian Pauh dihantar ke Pulau Pinang menduduki peperiksaan Junior Cambridge Certificate. Kira-kira 10 tahun selepasnya, pada tahun 1912 Convent English School bertempat di Kelian Pauh ini diberikan geran tanah kelas satu oleh Kerajaan Perak bagi tujuan pembesaran. Cawangan Sekolah Convent ini bertempat di Jalan Kota telah dibuka dengan rasminya pada 1 Jun 1938. Pembukaan sekolah itu dapat menampung murid-murid seramai 327 orang. Pada Mei 1941, Pihak berkuasa Residen British mengumumkan cawangan Sekolah Convent di Kota akan dijadikan Hospital Tentera British dan murid-muridnya mestilah kembali menggunakan Sekolah Convent Kelian Pauh. Bagaimanapun rancangan itu tidak berlaku kerana pada 23 Disember 1941, tentera-tentera Jepun sudahpun berada di bandar Taiping, malah menggunakan kedua-dua bangunan Sekolah Convent itu.

Pihak berkuasa Tentera British mendesak pihak pentadbiran dan paderi-paderi yang bertugas meninggalkan Taiping, berundur ke Kuala Lumpur, Seremban dan seterusnya meninggalkan negara ini,namun ada di kalangan mereka tidak mahu berbuat demikian. Pada Mac 1942, ramai tenaga pengajar terdiri daripada paderi-paderi wanita keturunan Eropah tidak mahu berundur malah memulakan persekolahan mereka seperti biasa. Namun semasa pemerintahan Jepun, sekolah Jepun atau Nippon-go ditubuhkan oleh pihak pentadbiran sama seperti De La Salle Brothers dan Convent Sisters. Pada 1944, Sekolah Convent Kota, dijadikan Ibu Pejabat Markas Tentera Jepun pentadbiran bagi negara-negara Asia Tenggara. Tapi ada khabar angin menyatakan hari pembebasan Tanah Melayu dari tangan tentera Jepun akan menjelang. Pada 15 Ogos 1945, bertempat di Sekolah Convent Kota, Taiping diadakan upacara ringkas penyerahan kuasa tentera Jepun.

Berikutan dengan itu, pihak British Millitary Administration (BMA) memerintah Tanah Melayu dan mengambil semula pentadbiran sekolah tersebut. Mereka mengarahkan tentera Jepun membersihkan kawasan sekolah di Kota dan Kelian Pauh. Cawangan sekolah di Kota dibuka semula pada 2 Oktober 1945 dan menggalakkan semua para pelajar yang terkandas pelajaran mereka kerana peperangan datang semula menyambung pengajian. Sambutan yang diberikan sungguh menggalakkan hingga terpaksa mengadakan dua sesi, iaitu pagi dan petang. Satu sesi bagi murid-murid Sekolah Convent dan satu sesi lagi bagi murid-murid sekolah Lady Treacher Girl's School.

Persatuan Palang Merah (sekarang Bulan Sabit Merah) mula diperkenalkan di sekolah tersebut dengan mata pelajaran Sains Asas, Sains Rumah Tangga, Lukisan serta Persatuan Sastera dan Perbahasan diadakan

## St. George's Institution

St. George's Institution ditubuhkan pada 1915 dengan Paderi Gilbert sebagai Pengarah pertama. Pada masa pembukaannya jumlah murid-muridnya seramai 49 orang dan pada penghujung tahun bertambah kepada 153 orang. Mereka menduduki dari Darjah 1 hingga Darjah VI. Pada 1922, jumlah murid menjangkau 400 orang dan 1940 pula meningkat kepada 700 orang.

Pada 1923, Paderi Gilbert pulang ke England. Tugas sebagai Pengarah digantikan oleh Paderi Edward, kemudiannya Henry, dan seterusnya Dominic, Dennis, Casimir dan Paderi Alban. Kesemuanya telah membawa kejayaan besar kepada sekolah. Ong Hock Sim, pelajar cemerlang yang berjaya memperolehi Biasiswa Queen pada tahun 1931, seterusnya mendapat ijazah M. A. dan LL. B(University Cambridge) dan Barrister at Law di Universiti of London, pada tahun 1928.

Sesungguhnya, peranan daerah Larut khususnya bandar Taiping menjadi pusat kegiatan intelektual Melayu dan Inggeris sejajar dengan kepentingan yang lain. Kemudian muncul Maktab Latihan Perguruan Matang, penutupannya pula membawa penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (SITC) pada 1922. Di bandar Taiping juga Sekolah Inggeris yang pertama ditubuhkan dan kemudian diikuti oleh beberapa sekolah beraliran Inggeris sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Bahkan Taiping mempelopori beberapa penerbitan awal akhbar

dan majalah berbahasa Melayu. Taiping sebagai pusat ilmu pengetahuan terawal tidak boleh dilupakan begitu saja dalam penerokaan awal tamadun ilmu di negara ini.

## Kemunculan Masyarakat Majmuk

Sehingga 1800, negara ini masih lagi didiami oleh hampir 90 peratus penduduk peribumi keturunan Melayu. Mereka menetap di kawasan pesisir pantai dan pinggir sungai. Apabila kerajaan British membuka Hong Kong mereka membawa keluar penduduk Cina dari tanah besar berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan orang Cina mula menimbulkan perasaan curiga orang Melayu terhadap huru-hara yang akan berlaku. Maka pada pertengahan abad ke-19, berlakulah pertempuran dahsyat antara orang Melayu dan Cina. Manakala di Larut tercetus peperangan, sama ada di kalangan orang Cina sendiri ataupun antara orang Melayu dengan orang Cina. Terutama semasa orang Melayu Larut pimpinan Ngah Ibrahim menyebelahi segolongan puak Cina dan memusuhi satu puak yang lain.

Pihak berkuasa British yang membenarkan kemasukan pendatang Cina ke Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Bersekutu. Tetapi kedatangan mereka dapat dibendung, maka menjelang pertengahan abad ke-19 jumlah mereka yang masuk mencapai angka beratus-ratus ribu. Pada 1881, seramai 89,900 tiba di Singapura dan Pulau Pinang. Tahun 1901 meningkat kepada 224,000 dan pada 1913 bilangan itu meningkat lagi kepada 278,000 orang Cina. Sikap permusuhan mereka terhadap masyarakat Melayu tempatan berterusan. Pihak berkuasa British membentuk polisi untuk campur tangan ke atas masalah yang timbul seperti pergaduhan masyarakat pelombong Cina di negeri-negeri Melayu. Susulan dari Perjanjian Pangkor yang membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Pengaman di daerah Larut khususnya memberikan suatu nafas baru. Sejajar dengan penubuhan bandar Taiping yang turut mengubah suasana sosial masyarakat Cina.

Pemerintah British di Larut memebawa masuk ramai orang Inggeris ke bandar Taiping. Mereka ini mementingkan darjat dan kelas dan kebanyakannya bertugas sebagai Pentadbir, Pemilik dan Pengurus ladang-ladang getah. Sementara penglibatan mereka dalam organisasi pentadbiran dan pengurusan terbatas kepada Perkhidmatan Awam dan Pegawai-pegawai Kerajaan.

Between 1891-1901, the number of European in the Malay States rose from around 700-1,422. Throught-out the 1890, with the great increase in the number of officials, the arrival of wives in large number, and the improvements in housing and material comforts, the easy informelity and simple living of what has been essentially a European bachelor community gradually disappeared. In Kuala Lumpur and Taiping, the Residency dominated social life with an ever more regular programme of dinner parties, gotta balls and bridge night Clubs were founded for after office recreation.
(R. Stevenson 1975)

Di Taiping, Inggeris sejak 1870 lagi menggamalkan perbezaan kelas yang nyata. Tahap paling ke atas adalah Pegawai-pegawai British dan gologan paling bawah ialah masyarakat bawahan yang terlibat dalam pekerjaan sebagai buruh kasar. Golongan pertengahan ialah masyarakat tempatan yang terdiri daripada golongan bangsawan yang berpelajaran. Masyarakat Barat terus memelihara taraf kedudukan mereka dengan menubuhkan beberapa persatuan yang mana keahliannya tidak terbuka kepada orang bukan Eropah, seperti Perak Club yang ditubuhkan pada 1880, New Club ditubuhkan pada 1885, Perak Golf Club pada 1894 dan Taiping Swimming Club pada 1914. New Club sebenarnya ditubuhkan berikutan dengan ahli-ahli Perak Club yang tidak menyetujui penerimaan keahlian keturunan Serani dan Pegawai Tentera yang bukan dari keluarga berkedudukan sebagai ahli. Justeru itu, New Club dianggap sebagai institusi sosial yang utama dan berpengaruh di negeri Perak waktu itu. (Khoo Kay Kim 1981, 20)

At about the same time similar stratification of European society was taking place in Taiping. The Perak Club, the first in the Malay States, was founded in 1880, while the exclusive New Club was opened in 1885. As best as can be established from a brief, disreet report of the founding of the New Club, the increasing member of minor person's in Perak either were not being accepted into the Perak Club or felt incomfortable in using it because it was dominated by servants....Because the Perak Club was partially supported by govertment funds it was supposed to be open to the entire European community, and perhaps a handful of Eurasians and Asians in govertment service as well, rather than reserved for men in senior positions. The result was the reporter noted with regret, 'the formal separation of class and caste'. (Butcher 1979, 65).

Apabila ketumbukan tentera Burma yang dikenali sebagai batalion Burma Rifles tidak dibenarkan keahlian mereka ia menjadi masalah dan mencetuskan pertikaian.

In about 1922, some members of the New Club at Taiping wanted to offer hononary membership of the European officers of batalion of Burma Rifles stationed there but

excluded the battalion's Burmese Officer, where upon the younger members of the club threatened to resign unless the Burmese were admited. (Butcher 1979, 179).

Untuk masyarakat yang didiami orang Barat seperti di Taiping berbagai-bagai kemudahan sosial diadakan untuk kemudahan mereka. Isteri para Pegawai British sama ada awam atau tentera, pada April 1903 menubuhkan Persatuan Penembak Wanita Perak atau Perak Ladies Rifles Association. Puan J. P. Rodger isteri Residen Perak dilantik sebagai Yang Dipertua. Bagi kemudahan latihannya, Lt. Kol. R. F. S. Walker membenarkan padang lapang sasar Malay States Guides digunakan dan beliau sendiri bertindak sebagai jurulatih.

Pada 1884, dibina banglo sebagai rumah rehat bertempat di kawasan tanah tinggi untuk kemudahan beristirehat bagi Residen British Perak dan pegawai-pegawai kerajaan. Ia dibina di puncak Gunung Hijau yang diberi nama Maxwell Hill (sekarang Bukit Larut) bersempena nama Penolong Residen di Larut, W.E. Maxwell.

The first hill resort in the Malay States was located on the hills to the east of Taiping. The first bungalow was built in 1884 for the use of the Resident of Perak. Two others/ bungalows, one on Maxwell's hill and another at the government tea gardens were nearby to accomadate Perak Government officers . . . Visiting to Maxwell's Hill and Tea Garden were able to arrange with Chinese Shopkeepers in Taiping to have regular supplies of food sent to them daily and could relax in a climate which Swettenham said, closely resembled that of the Riviera. (Butcher 1979,72).

## Banglo atau Rumah Rehat di Atas Bukit

The Cottage, merupakan kediaman rasmi Residen Jeneral terletak di puncak Bukit Caulfield (sekarang Gunung Hijau). Jarak ketinggiannya lebih kurang 4,513 kaki dari paras laut atau 9 batu dari kaki bukit (ataupun pada ketinggian 1376 meter dari paras laut atau 12.8 km. dari kaki bukit). Bangunan pertama ini dibina pada 1884 dari batu-bata dengan kos pembinaan sebanyak $12,000. Pada 1960 bangunan ini diserahkan kepada Jabatan Talikom (sekarang Syarikat Telekom Malaysia) digunakan untuk stesen pemancar. Namun bangunan ini tidak dibenarkan dikunjungi pelawat.

The Box, kediaman rasmi Residen Perak, terletak kira-kira 4,076 kaki dari paras laut atau 8 batu dari kaki bukit (ataupun pada ketinggian 1,242 meter dari paras laut atau jarak 11.7km. dari kaki bukit). Bangunan ini dikelilingi dengan bunga mawar pada kawasan

seluas 1.5 ekar. Kini namanya ditukar menjadi Seri Kayangan, dari bangunan ini kita dapat menyaksikan kebiruan Selat Melaka dan bandar Taiping.

The Hut, untuk kegunaan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Perak, dibina pada 1889 dengan harga asalnya $2,000, kemudian diperbaiki dengan tambahan $500. Ketinggian kira-kira 3,700 kaki dari paras laut atau sejauh 7 batu dari kaki bukit (ataupun pada ketinggian 1,128 meter). Kini ditukar namanya kepada Banglo Cendana dengan kawasan seluas 1.25 ekar.

Maxwell's Hill, sebuah rumah kecil untuk kegunaan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Perak, dibina pada 1887 dengan kos berjumlah $600 sahaja, kemudian dibesarkan dengan tambahan sebanyak $2,350. Letaknya setinggi 3,396 kaki dari paras laut atau lebih kurang 6 batu dari kaki bukit (ataupun pada ketinggian 1,034 meter atau 10.1 km. dari kaki bukit) dan kini dikenali sebagai banglo Bukit Larut.

Watson Rest House, kini menjadi Banglo Beringin dengan kawasan seluas tiga ekar dan ketinggian 1,036 meter dari paras laut atau dengan jarak 10.2 km dari kaki bukit, telah dibaikpulih sejak bulan Oktober 1996.

The Federal Bungalow dibina pada tahun 1906 untuk kemudahan pegawai-pegawai kerajaan perkhidmatan Persekutuan. Letaknya di bawah sedikit dari The Hut atau Banglo Cendana dan terdiri daripada dua buah bangunan yang berasingan. Luas kawasannya 1.5 ekar dengan ketinggian 1,036 meter dari paras laut atau jarak 10.2 km. dari kaki bukit. Kini namanya ditukar menjadi Banglo Angkasa yang digunakan untuk pegawai-pegawai tinggi atau orang kenamaan sahaja.

Tea Gardens untuk kegunaan pegawai kerajaan Perak, terletak pada ketinggian 2,152 kaki dari paras laut atau 43/4 batu dari kaki bukit (ataupun pada ketinggian 656 meter dari paras laut atau jarak 5.8 km. dari kaki bukit). Dibina pada tahun 1887 dengan harga $3,600 kemudian diperbesarkan tambahan sebanyak $5,100. Kawasannya seluas dua ekar, pada mulanya tempat percubaan tanaman teh (benih dari Wilayah Assam, India) di sekitar kawasan bangunan.

Banglo-banglo di atas bukit ini merupakan keistimewaan kepada masyarakat Eropah yang mendiami bandar Taiping dengan dapat menikmati keadaan suhu yang lebih kurang sama dengan negara mereka. Tumbuh-tumbuhan dan sayuran yang ditanam seperti kacang Perancis, lobak, ubi manis, kobis, tomato dan jenis asparagus adalah sayuran berhawa sederhana kegemaran mereka. Lembu-lembu baka

Eropah cuba dipelihara bagi mendapatkan susu dan daging. Sambil menikmati udara nyaman, mereka ini bersiar-siar di kawasan taman bunga yang menjadi kegemaran mereka. Walaupun terdapat tempat-tempat peranginan lain yang menjadi stesen bukit, namun keadaan di Bukit Maxwell adalah yang terbaik.

Jika masyarakat Inggeris dengan gaya hidupnya yang tersendiri, masyarakat Cina dahulunya berpuak-puak dan sering bermusuhan, tetapi selepas kemunculan bandar Taiping, mereka mula berbaik-baik. Sungguhpun terdapat perbalahan kecil, seperti perebutan hak menjaga Tok Kong dan sebagainya, namun setiap masalah dapat diatasi dengan suasana kekeluargaan.

Masyarakat Cina Taiping turut mendirikan berbagai-bagai persatuan mengikut daerah keturunan asal mereka di negara China. Pada 1887, Persatuan Hakka Tseng Loong ditubuhkan, keahliannya daripada mereka yang berasal dari daerah Tseng Ch'eng dan Loong Men, wilayah Kuang-chou, Selatan China. Mereka yang berasal dari daerah Shun-te, juga wilayah Kuang-chou, menubuhkan persatuan Shun-te-Hui Kuan pada 1895. Persatuan Cina Kantonis atau Kwang-tung Hui-Kuan diasaskan oleh Kapitan Chang Ah Kwee atau Chung Keng Kooi pada 1887, bagi mereka yang berasal dari wilayah Kwang-tung. Begitu juga Persatuan Hokkien bagi pendatang yang berasal dari wilayah Fujian, Selatan China ditubuhkan pada masa akhir pemerintahan Dinasti Ch'ng. Bangunannya didirikan pada 1918 dan siap pembinaannya pada 1931.

Sungguhpun mereka telah berada di Tanah Melayu sekian lama, sejak tercetusnya revolusi menentang pemerintahan Kerajaan Manchu. Laporan akhbar *Perak Pioneer* bertarikh 3 November 1911 menceritakan ramai di kalangan mereka yang berpendidikan Inggeris berkumpul di Stesen Keretapi Taiping, mengucapkan Selamat Jalan kepada sahabat mereka yang pulang ke negara China menyertai perjuangan revolusi itu. Apabila berita Kerajaan Manchu berjaya digulingkan pada 10 Oktober 1911, ahli-ahli Taiping Reform Club telah merayakan kemenangan dengan memotong 'taucang' secara beramai-ramai yang menjadi simbul Kerajaan Manchu. Genap setahun kemenangan itu maka perayaan dan perarakan tanglung diadakan oleh masyarakat Cina Taiping tanda kegembiraan.

Orang keturunan India sudah lama berada di negara ini, tetapi selepas 1870-an mereka semakin ramai datang. Mereka itu termasuklah orang keturunan Punjabi dan Pathan yang menganggotai Malay States

Guides, tentera Sepoi di bawah Kapten Speedy yang berkhidmat dinegeri Perak. Begitu juga dengan buruh-buruh yang membina landasan keretapi pertama Taiping Port Weld terdiri daripada keturunan Ceylon kemudiannya menjadi penduduk tetap bandar Taiping. Mereka menubuhkan berbagai-bagai persatuan menurut kumpulan dan keturunan masing-masing. Persatuan Ceylon pertama di negara ini ditubuhkan pada 1899 di bandar Taiping dan dua tahun kemudian mereka mendirikan bangunan sendiri. Begitu juga orang Punjabi yang menubuhkan persatuan dinamakan Khalsa Diwan pada 1903. Manakala orang Tamil pula menubuhkan Persatuan India Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1906 diketuai oleh Syeikh Nunnemeah.

Apabila perdagangan getah bertambah penting pada akhir abad ke-19, maka wujudlah pula keperluan tenaga buruh. Keadaan kemiskinan dan lebihan penduduk di Selatan India mendesak kedatangan mereka ke Semenanjung Tanah Melayu termasuk Daerah Larut, Perak. Pada 1910 pihak British yang menjajah negara India membawa masuk seramai 2,523 orang buruh India ke Pulau Pinang. Kebanyakan daripada mereka adalah daripada keturunan Tamil dari Madras, (Khoo Kay Kim 1983, 108-116). Terdapat juga yang berasal daripada mereka yang berasal dari utara India seperti Punjabi dan sejumlah kecil dari Sindhi serta Gujerat. Kaum Hindu dari selatan merupakan jumlah terbesar walaupun terdapat India Muslim, (Daniel 1989, 69-74). Hingga 1921 terdapat seramai 6,349 penduduk India yang tinggal di Larut.

Dengan ramainya jumlah penduduk keturunan Eropah, Cina, India, di Taiping maka muncul suatu masyarakat berbilang kaum. Orang Cina menduduki kawasan bandar, India di kawasan stesen dan keturunan Sikh di kawsan Jalan Tangsi. Masyarakat Cina diketuai oleh seorang Kapitan, sementara orang-orang Melayu bukan anak tempatan diketuai oleh 'Tok Dagang'. Sejarah masyarakat majmuk di negara ini adalah bermula di kawasan Taiping. Mereka hidup dalam suasana harmoni seperti seorang pelawat pernah berkata: *"They mix but do not blend"*.

Sungguhpun penduduk asing ini memulakan kehidupan di negara ini, namun perasaan taat setia mereka belum lagi tertumpah di sini. Misalnya pada 1937, semasa negara China berperang dengan Jepun, penduduk Cina Taiping telah menyumbang sejumlah wang untuk membantu Parti Kuomintang mempertahankan negara ibunda mereka. Barang-barang keluaran negara Jepun telah dipulaukan, malah kedai Tong Fong yang menjual barangan Jepun di Taiping telah dilempar

batu. Begitu juga masyarakat India dan Ceylon, semasa lawatan Pandit Nehru ke Taiping pada pertengahan 1937, beliau merasa amat kagum dengan sambutan hebat penuh semangat kebangsaan India. Hinggakan Nehru sendiri terpaksa berdiri di atas meja meminta orang ramai supaya berdisiplin.

Taiping memainkan peranan sebagai pengasas wujudnya masyarakat berbilang kaum di negara ini. Mereka hidup dalam masyarakat setempat mengikut budaya masing-masing. Keadaan yang wujud di Taiping menunjukkan setiap golongan etnik mempunyai institusi keagamaan dan persatuan masing-masing. Maka kelihatan rumah-rumah ibadat seperti Masjid, Kuil Hindu, Tok Kong Cina, Gereja yang mencerminkan kepelbagaian agama dan budaya, juga tertubuhnya berbagai-bagai persatuan seperti Kempe Club pada 1922 sebuah kelab terbesar di Perak Utara dan Perak Postal Athletic Club yang dianggotai oleh kakitangan Jabatan Pos dan Telegraf.

Namun demikian, masyarakat keturunan Eropah terus mementingkan kelas mereka. Masyarakat Cina pula dengan sifat rajin berusaha dan sikap kapitalisnya, mereka tinggal di kawasan bandar dengan kemudahan pentadbiran, kesihatan, pelajaran dan berniaga. keturunan India yang tinggal di pinggir bandar turut merasai kemudahan itu, maka tinggallah orang Melayu tempatan dalam keadaan seperti sebelumya. Sekiranya pada 1800 masyarakat peribumi merupakan 90% penduduk tempatan, pada 1921 tinggal 54.1% dan 1936 masyarakat Melayu cuma 49.6% sahaja. Pada 1800 masyarakat asing di negara ini berjumlah 250,000. Pada 1911 meningkat menjadi 2,385,000 orang.

## Perkembangan Politik Melayu

Banci penduduk 1891 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu menunjukkan jumlah penduduknya sebanyak 418,527 orang, daripada jumlah tersebut penduduk Melayu seramai 232,172 orang, Cina 163,821 dan India 20,177 orang. Majoriti penduduk Cina menduduki bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Taiping. Menurut banci tahun 1901, penduduk Kuala Lumpur seramai 32,381 orang, 23,000 daripadanya orang Cina dan selebihnya 3,331 orang Melayu. Begitu juga di bandar Taiping, jumlah penduduknya seramai 13,331 orang, manakala orang Melayu cuma 727 orang sahaja. (Report on the Census of the Federated Malay States, 1901).

Pada masa yang sama, ramai anak-anak Melayu pergi ke luar negara khususnya negar-negara Asia Barat mempelajari agama Islam atau menunaikan fardu haji. Perkembangan ini dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu ke arah reformasi Islam. Pada 1 Julai 1906, maka lahirlah majalah *Al-Iman* (Pemimpin) diterbitkan di Singapura oleh golongan pembaharuan Islam atau gerakan Islam yang disebut Kaum Muda. Mereka terdiri dari Syeikh Mohd Tahir bin Jalaluddin Al-Azhari berasal dari Minangkabau, pengarang pertamanya Sayyid Syeikh Ahmad Al-Hadi dari Melaka, pengarang kedua Haji Abbas bin Mohd Taha dari Singapura dan Syeikh Mohd Salim Al-Khalali berasal dari Aceh, Sumatera. Kesemua mereka dianggap golongan reformasi Islam yang dipengaruhi gerakan pembaharuan Islam Timur Tengah pimpinan Syed Jamaluddin Al-Afghani, 1838-97 dan muridnya Syeikh Mohamad Abduh, 1849-1905.

*Al-Iman* banyak dipengaruhi dan disesuaikan dari penulisan majalah *Al-Manar* yang diterbitkan di Kaherah. Dalam keluaran sulungnya, Syeikh Mohd Salim Al-Khalali mengingatkan: "mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengar kebajikan." (*Al-Imam*, Julai 1906). Gagasan Islah yang dipancarkan menerusi majalah ini bertujuan untuk membangunkan masyarakat Islam yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Ketinggalan bukan kerana umat Islam tidak mampu malah kemunduran itu berpunca daripada kelalian dan kealpaan masyarakat Melayu untuk memahami hakikat sebenar ajaran Islam. Bagaimanapun segala pembaharuan gerakan Islah di Tanah Melayu diselar oleh golongan ulama yang menggelarkan mereka sebagai Kaum Tua.

Perselisihan Kaum Tua dan Kaum Muda pada 1920-an dan awal 1930-an semakin bersemarak dengan munculnya majalah *Al-Ikhwan* (1925) dan akhbar *Saudara* (1928) di Pulau Pinang. Pelajar lepasan Madrasah Al-Mashur Pulau Pinang, misalnya pada 1934 menubuhkan sekolah agama A-Dinniah, Padang Rengas yang menjadi pusat kegiatan dakwah Islam. Kejayaan ini diikuti dengan penubuhan cawangan lain seperti Madrasah Al-Falaliah, Kampung Boyan, Taiping dan Madrasah Al-Hadi, Kampung Pauh, Bukit Gantang.

Madrasah Al-Ihya Assyariff, Gunung Semanggol muncul sebagai pusat kegiatan politik Islam di bawah pimpinan mudirnya Ustaz Abu Bakar Al-Bakir pada 1934. Maka seperti tempat-tempat lain di Tanah Melayu, penduduk kawasan Taiping dan daerah Larut khususnya tidak

terlepas daripada dipengaruhi oleh perkembangan politik Melayu pada peringkat awal.

Masyarakat Melayu tercabar di negaranya sendiri. Bangsa asing menguasai ekonomi negara ini, terutama kaum Cina, pertambahan jumlah penduduk yang kian ketara. Kebimbangan penguasaan asing ini semakin jelas apabila kaum India turut menguasai beberapa bidang ekonomi. Golongan ceti di Negeri-Negeri Selat bijak menjalankan muslihat perniagaan. Sementara kaum India-Ceylon mendapat tempat dalam perkhidmatan awam kerajaan. Untuk itu taraf hidup masyarakat Melayu tertinggal jauh dalam bidang ekonomi di tanah air mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu, kesedaran berpolitik di kalangan penduduk asing pula memberikan ancaman kerana matlamat perjuangan mereka adalah untuk negara asal mereka. Pada 1906, penduduk Cina menubuhkan Tung Meng Hui cawangan Singapura yang direstui penubuhannya oleh kunjungan Dr. Sun Yat Sen. Sungguhpun ia ditubuhkan bertujuan menjatuhkan Kerajaan Manchu di negara mereka, namun pertubuhan berbentuk politik ini mempunyai cawangannya di serata Semenanjung Tanah Melayu dan ianya juga membawa kepada penubuhan Kuomintang. begitu juga penduduk keturunan India yang memperjuangkan kemerdekaan negara mereka daripada penjajahan British. Di Singapura tentera-tentera Sepoi beragama Islam bangun memberontak menentang pertuanan British pada 1915. Mereka meminta bantuan daripada angkatan bersenjata Jepun dan Perancis yang kebetulan sedang berlabuh. Keadaan cemas ini berlaku juga di kalangan tentera-tentera Sepoi Malay States Guides yang berpangkalan di Taiping. Keadaan itu menyebabkan pihak British pada 1918 berikutnya menubuhkan Criminal Intelligence Department dan pada 1922 ditukar kepada Political Intelligence Bureau bagi mengawasi pergerakan politik orang-orang Melayu, India dan Cina di negara ini.

Sehingga meletusnya Perang Dunia Pertama 1914, pihak berkuasa British tidaklah begitu bimbang dengan perkembangan politik Melayu kerana masyarakat Melayu sendiri lebih berkiblatkan perjuangan politik Timur Tengah dan negara Indonesia. Walau bagaimanapun pihak Political Intelligence Bureau bertindak mengawasi gerak-geri tiga orang tokoh perjuangan politik Melayu pada peringkat awal. Mereka ialah Zainal Abidin Ahmad dikenali sebagai Za'ba mengajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Abdul Majid Zainuddin dan menantunya Mohd Zain Haji Ayub, kedua-dua merupakan tokoh pendidikan dan

menjadi Nazir Sekolah-sekolah Melayu. Terutamanya Za'ba yang menanam semangat anti-British di kalangan murid-muridnya di Kuala Kangsar, kemudiannya terpaksa ditukarkan ke Biro Penterjemahan, Jabatan Pelajaran, Kuala Lumpur.

Ketiga-tiga mereka yang bersahabat ini begitu berminat dengan gerakan Pan-Islam yang dianjurkan oleh gerakan Islah dan pembaharuan. Mereka adalah pelanggan kepada majalah *Islamic Review* dan *Muslim India* yang dikelolakan penerbitannya oleh Kwaja Kamaluddin, peguam dan Profesor Sejarah dan Ekonomi, Islamic College, Lahore. Pada 1921, Kwaja Kamaluddin melawat Singapura dan Tanah Melayu serta menubuhkan Anjuman-i-Islam serta mengasaskan penerbitan majalah *The Muslim* pada Januari 1922. Pada 29 Mac 1921, Kwaja Kamaluddin bersama Hakim Abdul Baksh (Hafiz) pergi ke Taiping dan singgah di Kuala Kangsar yang disambut oleh Abdul Majid Zainuddin, Dr. Mohamad Ghaus, Syed Abul Hassan Burhan, Nawabuddin dan Amir Bad Shah. Keesokan harinya selepas waktu Maghrib bertempat di Dewan Bandaran Taiping, Kwaja Kamaluddin memberikan ceramah bertajuk "Keluasan Pengajaran-pengajaràn dan Amalan-amalan Dalam Islam". Kemudian bersama Abdul Majid Zainuddin (Majid Matang), Dr. Mohamad Ghaus dan Nawabuddin menemui Za'ba dan makan tengah hari di rumahnya di Kuala Kangsar. Pada 2 April, tokoh reformasi Islam dari Lahore meninggalkan Taiping dan meneruskan lawatannya ke Pulau Pinang. Sungguhpun lawatannya singakat tetapi cukup berkesan kepada masyarakat Islam Taiping.

Akhbar *Saudara* terbitan Pulau Pinang keluaran 1 Mac 1934 menyiarkan satu rencana baru bertajuk 'Berkenaan Sahabat Pena' iaitu satu ruangan bertujuan untuk berkenalan dan menghubungkan persaudaraan di kalangan pembaca. Kerana sambutan daripada pembaca yang menggalakkan maka Sahabat Pena ditubuhkan pada 7 April 1934. Satu lencana khas direka bentuk di Kelantan. Keanggotaannya terbuka kepada semua pembaca, bayaran pendaftaran sebanyak 20 sen, manakala bayaran keahlian 50 sen setahun. Pada peringkat awal, Sahabat Pena bergerak sebagai sebuah kelab surat-menyurat dan pertukaran pendapat sesama ahli.

Perubahan besar berlaku apabila Syed Alwi Al-Hadi dilantik memimpin akhbar *Saudara* pada September 1934. Beliau tidak membiarkan keahlian Sahabat Pena berlegar di sekitar masalah persuratan Melayu dan persaudaraan di kalangan para remaja sahaja,

tetapi menjadikannya sebagai wadah yang lebih berpengaruh di kalangan ahli golongan dewasa. Sungguhpun berpusat di Pulau Pinang tempat kelahiran akhbar tersebut, tetapi di bandar Taiping pada 11 November 1934, diadakan persidangan pertama Sahabat Pena bertempat di bangunan Sunlight Muslim Association. Persidangan ini adalah yang pertama kali di kalangan anggota seluruh Tanah Melayu dan dihadiri oleh tokoh-tokoh utama Kaum Muda, seperti Syed Alwi Al-Hadi (anakanda Sayyid Syeikh Al-Hadi pelopor reformasi Islah), S.M. Zainal Abidin (Zainal Abidin bin Sultan Maidin) yang dilantik sebagai Yang Dipertua pertama, Syeikh Abdullah Al-Maghribi sebagai penasihat umum, Hamidun Mohd. Hashim dari Selangor dan Haji Kassim Adam Al-Rembaui mewakili Negeri Sembilan.

Tokoh-tokoh dari Taiping terdiri daripada Pak Cik Ahmad sebagai Naib Pengerusi, Mohamad Hanafiah Abdul Rahman sebagai Setiausaha Agung, Hanif Sulaiman dan Mohamad Zain. Tidaklah begitu jelas mengapa Taiping dipilih untuk persidangan pertama itu, tambahan pula Taiping bukanlah merupakan pusat kegiatan Sahabat Pena. Sungguhpun tidak ada sebarang keputusan dibuat, namun persidangan di Taiping tetap merupakan pendorong kepada penambahan anggota dalam tempoh enam bulan berikutnya. Menjelang Mei 1935, Sahabat Pena mempunyai keahlian lebih daripada seribu orang berdaftar yang datang dari Perlis hingga Borneo.

Sementara itu, pihak berkuasa Kerajaan British mula menghidu kegiatan Sahabat Pena dan dicurgainya sebagai sebuah gerakan politik ataupun pergerakan kongsi gelap. Setelah menjalankan penyiasatan, Polis Cawangan Khas Negeri-Negeri Melayu Bersekutu memberikan sijil pengecualian daripada pendaftaran dan disahkan pada 20 Mei 1935, dengan nama baru Persaudaraan Sahabat Pena Malaya, ringkasnya PASPAM. Bagi menambahkan keanggotaannya, Syed Alwi Al-Hadi telah menjelajah ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu selama 26 hari. Pada Jun 1935 beliau sekali lagi berada di bandar Taiping. Semasa di Taiping, beliau dipanggil ke pejabat Pegawai Kanan Polis untuk disoal siasat tentang kegiatan sebenar Sahabat Pena.

Pada 4 Ogos 1935, persidangan nasional Sahabat Pena kedua diadakan di Kuala Lumpur, dihadiri kira-kira seratus anggota termasuk Raja Aman Shah anakanda Sultan Sulaiman Selangor, sebagai Yang Dipertua Cawangan Selangor, Tengku Hussein Tengku Yahaya Cawangan Negeri Sembilan dan Mohamad Baginda Besar dari negeri Pahang. Seterusnya persidangan ketiga pada 1936 diadakan di Pulau

Pinang, keempat pada 1937 di Singapura, kelima pada tahun 1938 di Ipoh dan persidangan tahun keenam pada 1939 di Seremban. Menjelang 1940 timbul keretakan di kalangan ahli yang berjumlah 12,000 orang, membawa kepada kemerosotan kegiatan Sahabat Pena.

Ketika ini suasana pertumbuhan semangat kebangsaan orang Melayu semakin membara, berbagai-bagai persatuan dn pertubuhan sama ada bercorak politik dan kebajikan mulai tumbuh. Persatuan Malayu Singapura ditubuhkan pada 1926. Sementara di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu, Persatuan Melayu Perak adalah yang pertama ditubuhkan pada 1937 bertempat di bandar Ipoh. Diikuti dengan Persatuan Melayu Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan yang lainnya. Pada Ogos 1939, Kongres Melayu Se-Malaya diadakan di Kuala Lumpur. Kongres kedua yang terakhir sebelum pendudukan Jepun, berlangsung di Singapura pada 25-26 Disember 1940. Kongres dihadiri oleh 41 orang wakil daripada 11 buah persatuan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu termasuk dari Sarawak dan Brunei. Persatuan Melayu Perak diterajui oleh Wan Mohamad Noor dan Ali Haji Hussein (saudara Mustafa Haji Hussein, Naib Yang Dipertua, Kesatuan Melayu Muda). Kedua-duanya berasal dari Taiping, Wan Mohamad Noor bertugas dengan Pejabat Kesihatan, sementara Ali Haji Hussein memegang jawatan Pemabantu Pegawai Perhutanan.

Sejajar dengan perkembangan politik di kalangan orang Melayu dan kemerosotan keahlian Sahabat Pena, maka suatu pertubuhan yang dinamakan Kesatuan Malayu Muda (KMM) ditubuhkan dengan dianggotai oleh Ibrahim Yaakub sebagai Yang DiPertua, Mustafa Haji Hussein (Pensyarah, Sekolah Pertanian Serdang, sekarang Universiti Putra Malaysia) sebagai Naib Yang DiPertua. Manakala Onan Haji Siraj, Pengajar Sekolah Teknik Kuala Lumpur (sekarang Universiti Teknologi Malaysia), Ishak Haji Mohamad seorang Pegawai Pentadbir Melayu, serta Hassan Manan, Abdul Karim Rashid lepasan SITC dan Ahmad Boestamam wartawan akhbar *Majlis*. Mereka ini adalah golongan intelek Melayu yang radikal dan berpendidikan Inggeris dan Melayu. Menurut Ibrahim Yaakub, Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan:

> untuk melenyap belenggu penjajahan asing dan melahirkan sebagai gantinya tanahair (Malaya) yang bebas, kemudian melahirkan satu kesatuan politik yang dianggotai oleh bekas-bekas tanah jajahan Inggeris dan Belanda dalam bentuk yang dinamakan "Indonesia Raya" atau "Melayu Raya" yang mana akan menjadi satu bangsa yang besar di Asia Tenggara. (Nasionalisma Melayu)

Di negeri Perak, Kesatuan Melayu Muda (KMM) menubuhkan cawangan pertamanya di Taiping pada 28 Februari 1938 berpejabat di rumah kediaman Pak Cik Ahmad, Kampung Boyan. Jawatankuasa yang dianggotai seramai lapan orang termasuk Pak Cik Ahmad, Mohd Hanafiah Abdul Rahman dan Hanif Sulaiman. Sebagai Yang Dipertua KMM, Ibrahim Yaakub sendiri datang ke Taiping memberikan penjelasan kepada Pak Cik Ahmad dan rakan-rakannya tentang perjuangan mereka. Dari Taiping pengaruh KMM merebak ke kawasan lain di negeri Perak, terutamanya di Maahad Il Ihya Assyarif, Gunung Semanggol, kerana Ustaz Abu Bakar Baqir sendiri adalah ahli Jawatankuasa KMM cawangan Taiping (Khoo Kay Kim 1981, 36).

Pada pertengahan 1941, beberapa bulan sebelum tentera Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu, Ibrahim Yaakub telah membuat hubungan sulit dengan pihak perisik Jepun di Selatan Thai. Akhirnya pada 8 Disember 1941, tentera dari negara Matahari Terbit itu menyerang Kelantan dan memasuki negeri-negeri Melayu utara menerusi Patani, Selatan Thai. Pada 23 Disember 1941, tentera Jepun menduduki bandar Taiping setelah menewaskan pertahanan tentera British di bawah Lt. General Sir Henry Pownall. KMM menyambut baik kedatangan Jepun sebagai satu kuasa baru untuk menyingkirkan Kerajaan Kolonial British yang sekian lama bertapak kukuh di negara ini.

Bagaimanapun, semasa pemerintahan Jepun KMM dibubarkan, iaitu pada Jun 1942, pembubaran ini telah melenyapkan cita-cita asal anggotanya. Ibrahim Yaakub kemudian dilantik sebagai anggota Giu-Gun berpangkat Kolonel. Manakala Naib Yang Dipertua KMM Mustafa Haji Hussein pulang ke Taiping. Semasa pemerintahan Jepun bandar Taiping menjadi ibu pejabat pentadbiran tentera Jepun dan ibu pejabat pentadbiran awam Jepun. Daerah Larut dan Matang di bawah pentadbiran Pegawai Daerah Raja Haji Ahmad (kemudiannya Menteri Besar Perlis), Timbalan Pegawai Daerah Syeikh Abdullah (sekarang Tan Sri) dan Penolong Pegawai Daerah ialah Raja Jaafar.

Pada 7 September 1944, Kaiso menggantikan Hideki Tojo sebagai Perdana Menteri. Beliau mengarahkan pihak tertinggi tentera Jepun di Tanah Melayu, General Yoichi Itagaki menggalakkan anak peribumi (Melayu) mengambil inisiatif ke arah pemerintahan sendiri ataupun merdeka bersama-sama negara Indonesia. Di Taiping, sebuah sekolah dinamakan Kurenjo atau dalam bahasa Inggerisnya Leadership Taiping School ditubuhkan bagi mendidik pemimpin masyarakat Melayu tentang

kaedah kepimpinan. Sehubungan dengan itu, pertubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung atau ringkasnya KRIS ditubuhkan dengan keahliannya terdiri daripada bekas anggota KMM dahulu.

Pada pertengahan 1945, Mustafa Haji Hussein dari Matang, Taiping, ditugaskan mengatur satu perbincangan bagi menubuhkan jawatankuasa di bawah naungan pihak berkuasa tentera Jepun. Dalam perbincangan itu, mereka menyusun beberapa tindakan yang akan diambil menuju ke arah kemerdekaan bersama antara Tanah Melayu dengan Indonesia. Antara mereka yang hadir di Sekolah St. Georges yang menjadi ibu pejabat pentadbiran awam dan tentera Jepun adalah Ibrahim Yaakub dan rakan setianya Mustafa Haji Hussein serta beberapa orang pengikut KRIS.

> However, it is known that a preparatory committee met at Taiping and, under Japanese supervision, discussed the timetable for independence. As arrangements proceeded the rank of the more militant radicals were swelled by some pre-war KMM members, such as Mustapha Hussain, who had gone into political retreat shortly after the fall of Singapore. (Stockwell 1979, 13)

KRIS tetap mendukung cita-cita KMM untuk memerdekakan Negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu bermula dari negeri Melayu Patani, di Selatan Siam hingga ke Kepulauan Indonesia bergabung membentuk gagasan Melayu Raya (Ibrahim Yaakub 1975). Bagi mengukuhkan perjuangan satu pertemuan dirancang diadakan dengan pucuk pimpinan perjuangan kemerdekaan Indonesia. Dua orang pemimpin terkemuka Indonesia, Sukarno dan Mohamad Hatta yang sedang dalam penerbangan pulang ke negaranya dari Saigon telah singgah di Lapangan Terbang Taiping pada 12 Ogos 1945. Pada pertemuan di Taiping inilah ditentukan masa depan negara ini seperti yang dijelaskan:

> Meanwhile, Ibrahim, in anticipation of union with Indonesia, met the Indonesian leaders, Sukarno and Hatta at Taiping airport on their way back to Jakarta, after a conference with the Japanese high command in Saigon. Subsequently Ibrahim arranged for delegation of eight Malays (including certain Rulers - Tunku Mahkota Ismail Johor) to participate in the imminent Merdeka (Independent) celebrations in Jakarta (Stockwell 1979).

Walau bagaimanapun pada 6 Ogos 1945, satu berita yang menggemparkan dunia berlaku dengan pengguguran bom atom di bandar Hiroshima dan tiga hari kemudiannya di Nagasaki. Pada 15

Ogos 1945, Jepun mengisytiharkan kekalahannya kepada pihak Berikat yang diwakili oleh Amerika. Pada 15 Ogos juga bertempat di Station Hotel, Kuala Lumpur, berlangsung mesyuarat KRIS. Menurut rancangannya pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu di bawah pimpinan General Yoichi Itagaki akan diisytiharkan kemerdekaan bersama dengan penubuhan negara Repablik Indonesia. Namun pengisytiharan itu tidak menjadi kenyataan dan matlamat kemerdekaan itu terjejas. Pada 19 Ogos pihak Jepun mendesak pemimpin KRIS Ibrahim Yaakub meninggalkan Singapura. Sementara itu, Jakarta telah pun mengisytiharkan kemerdekaannya sendiri sebagai negara Indonesia pada 17 Ogos. Sekaligus pemergian Ibrahim Yaakub menggagalkan perjuangan KRIS dan kemerdekaan bersama untuk menubuhkan gagasan Indonesia Raya.

Kekalahan Jepun membuatkan Tanah Melayu dalam keadaan huru-hara dengan kejadian rusuhan hingga membawa kepada pembunuhan di sana sini. Tentera Inggeris datang semula ke Tanah Melayu dan melaksanakan pemerintahan tentera British Military Adminstration (BMA). Akibatnya ramai pejuang Melayu khususnya yang mendapat sokongan Jepun merasa gelisah. Di Taiping pihak Bintang Tiga telah berdemonstrasi selama tiga hari dan bertindak membunuh mereka yang pernah bekerjsama dengan Jepun. Mustafa Haji Hussein yang berada di Taiping merasa cemas apabila ada berita mengatakan bahawa dua orang adiknya Ali Haji Hussein, anggota Persatuan Melayu Perak dan Yahaya Hj. Hussein, ahli KMM cawangan Pahang dibunuh oleh orang-orang Cina, Bintang Tiga. Mustafa kemudiannya pergi ke ibu pejabat tentera Jepun di Taiping untuk mendapatkan sepucuk pistol bagi mengawal keselamtan dirinya. Dengan senjata tersebut beliau berjalan kaki menerusi jalan kereta api, dari Taiping menuju Kota Baru, Ipoh, untuk mendapatkan bantuan Dr. Burhanuddin. Sementara itu, Ibrahim Yaakub yang melarikan diri ke negara jiran di Indonesia, terselamat lantaran beliau terus menetap di sana.

Pada 3 September 1945, tentera British menjejakkan semula kaki ke Tanah Melayu dan melaksanakan pemerintahan BMA. Dengan bantuan pasukan tentera India, anggota Bintang Tiga yang bermaharaja lela menghukum orang Melayu di kawasan Taiping dapat dipatahkan. Setelah itu pihak berkuasa British mulalah menangkap para pejuang kemerdekaan Tanah Melayu di Taiping yang dikatakan pernah bekerjasama dengan Jepun. Mustafa Haji Hussein pulang ke Taiping dan ditahan oleh tentera British, begitu juga dengan beberapa orang yang lain seperti Pak Cik Ahmad, Hanif Sulaiman dan ramai lagi.

Kemudian pada 17 Oktober 1945 ditubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) atau disebut juga PEKEMAM. Parti ini adalah sebuah parti politik Melayu pertama selepas perang. PKMM kemudiannya dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Barisan pemudanya dikenali sebgai API atau Angkatan Pemuda Insaf yang di pimpin oleh Ahmad Boestamam dan barisan wanitanya AWAS atau Angkatan Wanita Sedar.

Dalam tempoh yang singkap, PKMM telah mempunyai cawangan di serata Semenanjung, termasuk di kawasan Taiping dan Larut. API disambut baik oleh anak-anak muda dengan begitu bersemangat sekali. Misalnya di kawasan Larut selatan yang dipimpin oleh Majid Sabil pernah mengadakan latihan kawat di pendalaman kampung Sungai Limau, Terong. Latihan ini dikunjungi oleh Ahmad Boestamam dan Wahi Anuar. Nama-nama seperti Wan Abdul Kadir, Harun Hassan, Zidin Tan Jamaluddin dan ramai lagi merupakan anggota yang bergiat cergas dalam API di kawasan Matang dan Sunggi Tinggi. Keahlian API di seluruh negara menjangkau jumlah 2560 orang.

Orang Melayu Taiping menyambut penubuhan UMNO bulan Mac 1946 dalam suatu upacara khas yang sederhana. Semasa umat Melayu menentang gagasan Malayan Union, masyarakat Melayu kawasan Larut, Matang dan Selama turut menyatakan bantahan mereka. Ramai yang pergi ke Kuala Kangsar, bandar diraja untuk membuktikan bantahan mereka kepada perutusan Kerajaan British yang tiba mengadap baginda Sultan Perak di Istana Iskandariah di Bukit Candan. Pemimpin baru seperti Tunku Abdul Rahman Putra, Syed Nasir dan Syed Jaafar Albar pernah berkunjung ke Taiping untuk menerangkan kepada rakyat tentang perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan.

Pada 22 Mac 1947 di Taiping, berlangsung Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya yang diadakan di Maahad Il-Ihya Assyariff anjuran Ustaz Abu Bakar Baqir. Persahabatan dengan Ustaz Abu Bakar dengan pemimpin PKMM, Dr. Burhanuddin Al-Helmy berhasil menubuhkan MATA atau Majlis Tertinggi Agama. Dr. Burhanuddin pernah bersama Ibrahim Yaakub dan Mustafa Haji Hussein menemui Sukarno dan Mohamad Hatta di Taiping semasa Jepun berkuasa.

Persidangan MATA kedua pada 13 - 16 Mac 1948 di Gunung Semanggol membawa kejayaan besar dalam menggembleng semangat patriotik orang Melayu. Persidangan itu dapat menarik seramai 4,500 umat Islam seluruh Semenanjung yang terdiri daripada berbagai-bagai ideologi politik seperti PKMM, API, AWAS, PUTERA, SEBERKAS, BARISAN

TANI mahupun PKM yang diwakili oleh Rashid Maidin dan Shamsiah Fakeh. Hasilnya mereka menubuhkan parti politik Islam yang radikal iaitu Hizbul Muslimin (HAMIM). Menurut Ustaz Abu Bakar, "bagi mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, mencipta masyarakat berdasarkan Islam dan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu Darul-Islam". Kemunculan Hizbul Muslimin membimbangkan kerajaan British. Sementara Dato' Onn Jaafar secara sinis mengingatkan ahli-ahli UMNO, kalau dulu bahaya datangnya dari dalam hutan, kini perkembangan di Gunung Semanggol merupakan bahaya dari gunung.

Kemunculan Parti Islam Se-Malaya (PAS) setelah perpecahan UMNO pada tahun 1951 yang menjadikan orang Melayu berpecah, tetapi masyarakat Melayu Larut tetap mengikuti perkembangan politik pada peringkat nasional. Mereka tidak menghiraukan pertikaian walaupun Taiping menjadi tumpuan berbagai-bagai pihak. Pada tahun 1955, pilihan raya pertama diadakan membawa kemenangn kepada Parti Perikatan di bawah pimpinan Haji Ghazali Jawi bagi kawasan Larut. Kepercayaan rakyat terhadap UMNO membawa kejayaan besar dalam perjuangan politik orang Melayu Larut hinggalah kepada tarikh keramat kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Penduduk Taiping terdiri daripada masyarakat Melayu, Cina dan India menyambut baik kejayaan mencapai kemerdekaan. Nama-nama seperti Dr. Lim Swee Aun, Lim Tee Chuan, Lim Eng Chuan, Haji Kamruddin Mohd Isa, S. Ubaidullah dan ramai lagi adalah di antara beberapa tokoh yang berasal dari Taiping mahupun kawasan Larut.

Secara ringkas, walaupun Taiping tidak berperanan penting sebagai pusat kegiatan perjuangan kemerdekaan namun pada peringkat awal Taiping berperanan sebgai tempat wujudnya pertumbuhan politik Melayu setempat. Bermula dari Sahabat Pena dan tempat pertemuan wakil KRIS seperti Ibrahim Yaakub, Mustafa Haji Hussein dan Dr. Burhanuddin Al-Helmy dengan Sukarno dan Mohamad Hatta serta kemunculan Hizbul Muslimin adalah detik-detik bersejarah perjuangan awal orang Melayu mencapai kemerdekaan negara ini.

# BAB 6

# Daerah Larut, Matang dan Selama

## LMS Menghadapi Wawasan

Sejak Perjanjian Pangkor ditandatangani, kawasan Kerian semakin terpisah dari Larut dan ia berkembang sebagai sebuah daerah yang ditakbir secara berasingan. Maka daerah yang dulunya ditakrif mengikut perspektif sejarah sebagai "Larut" kini dikenali sebagai Daerah Larut, Matang dan Selama. Dalam beberapa hal pentadbiran dan pembangunan daerah Larut dan Matang sentiasa dikategorikan bersama, manakala pada daerah kecil Selama terdapat beberapa jabatan yang ditakbirkan bersendirian.

Daerah Larut, Matang dan Selama (LMS), merupakan daerah keempat terbesar dalam negeri Perak meliputi kawasan seluas 2,032 km persegi bersamaan 203,197 hektar atau 9% daripada keluasan negeri Perak. Dalam daerah Larut dan Matang sahaja mengandungi sembilan buah mukim yang ditakbir oleh penghulu-penghulu, merupakan satu jawatan tradisi. Iklim daerah ini adalah jenis tropika lembap, keadaan suhu hampir sama sepanjang tahun, antara 26-33 celcius. Purata kelembapannya adalah antara 82-90%, walaupun terdapat hujan pada hampir sepanjang tahun, namun jumlah keseluruhan hujan pada paras 3,968 meter. Sungguhpun kawasan ini mendapat hujan yang tinggi di negara ini, tetapi daerah ini tidak pernah menghadapi masalah banjir. Ini disebabkan lebih kurang 28% keluasan kawasan tanah berkeadaan curam daripada Banjaran Bintang yang merupakan sambungan dari Banjaran Titiwangsa.

Jumlah peratusan penduduk Daerah LMS mengikut ras pada akhir tahun 1998, iaitu Melayu 53.1%, Cina 37.0%, India 9.7% dan lain-lain 0.2% atau jumlah keseluruhan sebanyak 272,006 orang. Dari segi politik, daerah ini terdiri daripada tiga kawasan Parlimen dan enam Kawasan Dewan Undangan Negeri. Kawasan tersebut ialah Kawasan Parlimen Larut, Parlimen Taiping dan Parlimen Bukit Gantang. Manakala setiap Kawasan Parlimen mengandungi dua atau tiga Kawasan ADUN. Dalam Kawasan Parlimen Larut terdapat dua kawasan

Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Selama dan Batu Kurau. Dalam Kawasan Parlimen Taiping terdapat tiga DUN iaitu kawasan Kemunting/Asam Kumbang/Pokok Asam. Dalam Kawasan Parlimen Bukit Gantang terdapat tiga DUN iaitu kawasan Cangkat Jering/Sepetang/Tarong.

Selaras dengan wawasan pembangunan Daerah LMS dan objektif Dasar Pembangunan Negara maka penekanan ditumpukan kepada pembangunan seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Untuk itu Bahagian Pembangunan Negeri pada tahun 1997 telah mengendalikan sebanyak 911 projek luar bandar yang bernilai lebih kurang RM6.2 juta (RM1.67 juta tajaan Kerajaan Negeri dan RM 4.53 juta tajaan Kerajaan Persekutuan). Bahkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh atau RMK-7 (tahun 1996-2000) sebanyak RM156.4 juta telah diluluskan untuk membiayai pembangunan 64 buah projek Persekutuan di Daerah LMS. Ini termasuklah projek-projek sosial, keselamatan, pentadbiran dan ekonomi penduduk.

Bandar Taiping adalah bandar tertua di negeri Perak yang pernah menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Perak semasa pemerintahan British. Di bandar ini terdapat banyak kesan sejarah yang menjadi daya tarikan kepada pelancong dari dalam mahupun luar negara. Oleh yang demikian, usaha sentiasa dipergiatkan untuk mengangkat taraf bandar Taiping khususnya sebagai salah satu destinasi pelancongan. Bagi mencapai matlamat ini baik pulih ke atas tempat-tempat bersejarah telah dilaksanakan di samping memperbanyakkan tempat-tempat rekreasi. Tumpuan utama diberikan kepada mempertingkatkan pembangunan Bukit Larut (dulunya Bukit Maxwell). Ini memandangkan jumlah para pelancong yang berkunjung ke bukit itu semakin meningkat hingga mencapai kepada 75,000 orang pada awal tahun 1990-an bahkan Bukit Larut dianggap sebagai *tourist spot* terpenting daerah LMS.

Untuk membangunkan Daerah Larut, Matang dan Selama sebagai sebuah daerah yang maju terutama dalam sektor Perindustrian dan Pelancongan menjelang tahun 2020. (Laporan Tahunan 1997).

Setelah negara mencapai kemerdekaan, pertumbuhan industri dan perkilangan yang dimodali oleh pelabur tempatan dan luar negara banyak tertumpu di kawasan perindustrian Kemunting.

Faktor sejarah dan keindahan alam semula jadi turut menjadi tarikan kepada pelancong (Wan Hashim 1991, 78-81). Muzium ini adalah yang tertua di negara ini dan mempunyai koleksi bahan sejarah dahulu kala yang menjadi tarikan pengunjung.

